“*Kaedah Hafazan*” bermaksud satu sistem atau cara bersistematik dan berkesan yang digunakan oleh para *hafiz* dalam proses penghafazan al-Quran. Kaedah tersebut digunakan samaada kaedah semasa menghafaz, kaedah mengulang-ulang hafazan dan kaedah mengekalan hafazan.

Perkataan “*efektif*” adalah asal daripada perkataan “*efek*” yang bermaksud kesan. Manakala efektif bermaksud ada kesannya (pengaruhnya) atau berkesan. (Kamus Dewan, 2002:326).

Perkataan “*kajian*” pula adalah dari asal perkataan “*kaji*” iaitu kegiatan (usaha, proses) mengkaji. (Kamus Dewan, 2002:326).

## **BAB II**

### **SEJARAH PERKEMBANGAN HAFAZAN AL-QURAN**

#### **2.0 Sejarah Permulaan Hafazan Al-Quran**

Bidang hafazan al-Quran bermula semenjak penurunan ayat al-Quran yang pertama. Ketika Rasulullah s.a.w berumur 40 tahun dan sedang beribadat di Gua Hira', Allah S.W.T. telah memerintahkan Jibrail A.S. untuk mengajarkan al-Quran kepada baginda. Ayat pertama yang dibaca adalah '*iqra*' yang diulang sebanyak tiga kali oleh Malaikat Jibrail a.s. dan kemudian dibaca kembali oleh baginda secara hafazan.

##### **2.0.1 Sejarah Hafazan Al-Quran di Zaman Rasulullah S.A.W.**

Rasulullah s.a.w mempunyai banyak kelebihan dalam menghafaz al-Quran. Di samping kebijaksanaan yang dimiliki, baginda s.a.w amat bersungguh-sungguh berusaha memastikan segala ayat-ayat al-Quran yang diterimanya itu dapat dihafaz dan diingat dengan baik.

Bacaan Rasulullah s.a.w. bukanlah hafazan semata-mata, tetapi bacaan untuk difahami dan diingati. Al-Bukhari (Jilid 1: 15) ada menceritakan bahawa pada peringkat awal penurunan wahyu, Rasulullah s.a.w sentiasa menggerakkan lidahnya mengulangi ayat-ayat al-Quran walaupun ayat tersebut belum sempurna dibaca oleh Jibril a.s dan ini mengganggu bacaan Jibril a.s. Baginda s.a.w bersungguh-sungguh melakukan itu hanya kerana mahu segera mengingati ayat-ayat tersebut dan bimbang ayat tersebut mungkin dilupainya. Lalu Allah S.W.T menasihati baginda s.a.w agar berhenti daripada melakukan perkara tersebut. Seterusnya Allah S.W.T. menjamin akan memastikan Rasulullah s.a.w dapat menghafaz segala ayat al-Quran dengan baik sebagaimana firmanNya:

Terjemahannya:

*“Janganlah kamu menggerakkan lidah mu untuk membaca al-Quran kerana hendak cepat (dan terburu-buru untuk menguasainya). Sesungguhnya atas tanggungan kamilah mengumpulnya (di dada mu) dan (membuat mu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacanya maka ikutilah bacaan itu”.*

(al-Qiyamah: 16 - 18)

Untuk menjamin ketepatan dan keutuhan ayat-ayat al-Quran di dada Rasulullah, Jibril a.s. juga turut membantu dengan sentiasa datang bertadarus bersama baginda s.a.w. al-Bukhari ada meriwayatkan sebuah cerita daripada Ibnu Abbas r.a. Secara ringkasnya, Ibn Abbas berkata bahawa Jibril datang menemui Rasulullah s.a.w pada setiap malam di bulan Ramadhan, lalu mereka berdua secara bertadarus membaca al-Quran. Ketika Jibril membaca al-Quran, Rasulullah s.a.w akan mendengar dengan teliti bacaan tersebut dan begitulah sebaliknya. (al-Bukhari, Jilid 1: 16)

Fatimah r.a juga pernah meriwayatkan sebuah hadits di mana Rasulullah s.a.w sendiri menyebut bahawa Jibril mendatangnya sekali setiap tahun untuk bertadarus al-Quran dan Jibril mendatangnya dua kali pada tahun kematiannya untuk bertadarus al-Quran. (al-Bukhari, Jilid 3: 1326)

Rasulullah s.a.w juga sentiasa membasahkan bibirnya dengan al-Quran sama ada dalam sembahyang, tahajjud, sewaktu baginda keseorangan atau bersama para sahabat, semasa dalam kesusahan atau kesenangan. Setiap masa Rasulullah tidak meninggalkan al-Quran bahkan seluruh tindak tanduk dan akhlaknya berlandaskan al-Quran. Al-Tirmidhi (1999: 122) pernah meriwayatkan beberapa buah hadits yang menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w sentiasa membaca al-Quran sama ada di waktu malam mahupun ketika berada di atas unta.

Seterusnya Rasulullah s.a.w. mengajar al-Quran itu kepada para sahabatnya juga menerusi hafazan. Proses turunnya al-Quran adalah secara berperingkat-peringkat, sedikit demi sedikit. Tentunya hal ini dapat membantu dan memudahkan Rasulullah s.a.w. untuk menyampaikannya kepada para sahabat, yang kemudiannya menghafaz dan memahami isi kandungannya.

Kebiasaan tidak terburu-buru ini dikekalkan sehinggalah menjadi salah satu kaedah atau manhaj di dalam menghafaz al-Quran (Abu Najihat al-Hafiz, 2001:20). Penyampaian al-Quran secara sedikit demi sedikit telah dipraktikkan oleh Jibrail a.s. kepada Rasulullah s.a.w. Caranya dengan memperdengarkan bacaannya lalu diikuti oleh sahabat sebelum menghafaznya. Selain dari itu, baginda juga menyuruh beberapa orang sahabatnya yang pandai agar menulis ayat-ayat suci al-Quran yang hendak dihafaz di atas kepingan batu-batu, tulang-tulang dan pelepah tamar.

Ismail Awang (1987: 100) juga menerangkan bahawa Rasulullah s.a.w. mengajarkan al-Quran kepada sahabat dengan cara '*musyafahah*' dan '*taqlidi*' iaitu dengan membaca antara dua hingga sepuluh ayat menurut ayat-ayat yang diturunkan. Sebagaimana dalam suatu hadis yang bermaksud:

Terjemahannya :

*“Adalah Abu Said mengajarkan al-Quran kepada kami lima ayat di waktu pagi dan lima ayat di waktu petang. Dia memberitahu bahawa Jibrail a.s. menurunkan al-Quran lima ayat lima ayat.”*

(Hadith riwayat Ibn 'Asakir)

Hadis yang serupa diriwayatkan dari 'Umar Bin Khatab R.A. dengan kata beliau:

Terjemahannya:

*"Pelajari al-Quran lima ayat demi lima ayat, kerana sesungguhnya Jibrail menurunkan al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w. lima ayat demi ayat."*

(Hadith riwayat al-Baihaqi)

Setiap hari baginda Rasulullah s.a.w akan membaca al-Quran yang diterimanya pada malam hari sebelumnya serta menghuraikan maksudnya. Di samping itu, baginda menasihatkan sahabat-sahabatnya supaya menghafaz ayat-ayat yang telah dibacakan itu dan seterusnya mengamalkan perintahnya (Mohd Yusuf, 2002:54).

Sebaik sahaja para sahabat menerima pelajaran dari ayat atau surah, maka mereka mengulang-ngulang secara istiqamah sehingga sebat di dalam dada mereka pada malam harinya. Menurut al-Sabuni (1985: 121) bahawa jika sesiapa berjalan pada waktu malam di Madinah melalui rumah-rumah para sahabat, akan kedengaran dengungan yang kuat seperti bunyi lebah dalam sarangnya. Itulah dengungan sahabat yang sedang membaca al-Quran. Seterusnya sahabat-sahabat menyampaikan pula kepada keluarga dan sahabat-sahabatnya yang lain.

Oleh kerana itu, kita boleh katakan bahawa Rasulullah s.a.w adalah orang yang paling mengingati al-Quran. Bagindalah orang yang paling tahu tentang al-Quran sama ada dari sudut makna, *asbab nuzul*, hukum hakam dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan al-Quran.

Justeru itu, Rasulullah s.a.w adalah contoh terunggul dalam sejarah menghafaz al-Quran. Baginda bertadarus dengan Jibril a.s setiap kali datangnya bulan Ramadhan. Amalan tersebut dilakukan secara berterusan dan ia adalah sunnah yang perlu diikuti oleh Muslim. Kesungguhan baginda s.a.w menghafaz al-Quran perlulah dicontohi dan diteladani. (Afaf Abdul Ghafor Hameed, 2003: 134)

## **2.0.2 Sejarah Hafazan Al-Quran di Zaman Para Sahabat**

Para sahabat r.a merupakan golongan yang paling hampir dengan Rasulullah s.a.w. Oleh itu mereka mempunyai banyak kelebihan dalam menghafaz al-Quran. Setiap kali turunnya ayat al-Quran ke atas Rasulullah s.a.w, maka tanpa berlengah baginda terus menyampaikan ayat tersebut kepada para sahabatnya. Para sahabat pula membaca dan menghafaz al-Quran dengan bersungguh-sungguh demi menyahut seruan Allah s.w.t yang menggalakkan hambaNya memperbanyakkan bacaan al-Quran sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

*“Sesungguhnya orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara sembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian. Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahkan mereka dengan limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang yang bersyukur kepadaNya).”*

(al-Quran Surah Fatir 35: 29-30)

Ayat ini secara jelas memuji golongan yang sentiasa membaca al-Quran sama ada siang atau malam. Mereka dijanjikan oleh Allah s.w.t dengan ganjaran yang berlipat ganda di akhirat kelak. (al-Sabuni, 1993: Jilid 2: 575)

Di samping itu Rasulullah s.a.w juga banyak mendorong para sahabatnya agar membaca, memahami serta menghafaz al-Quran. Terdapat banyak hadith yang membuktikan perkara tersebut. Di antaranya sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya:

*Allah SWT berfirman: “Sesiapa yang sibuk dengan membaca al-Quran dan berzikir kepadaKu sehingga lupa meminta-minta (berdoa) kepadaKu nescaya Aku akan memberinya sesuatu yang lebih baik daripada apa yang Aku berikan kepada orang yang meminta-minta. Dan kalam Allah s.w.t lebih baik daripada sekalian kata-kata, seperti lebihnya Allah daripada sekalian makhluknya.”*

(al-Tirmidhi, Jilid 5: 184)



Sabda Rasulullah s.a.w lagi:

Maksudnya:

*“Sesungguhnya Allah s.w.t mempunyai segolongan manusia yang hampir kepadaNya. Para sahabat bertanya: Siapakah mereka wahai Rasulullah? Baginda s.a.w. menjawab: Ahli al-Quran adalah golongan tersebut yang istimewa di sisi Allah s.w.t.”*

(al-Hakim, 1990: Jilid 1: 743)

Ahli al-Quran bermaksud mereka yang menghafaz al-Quran, sentiasa membacanya dan beramal dengan kandungannya. (Abd Latif Fayizdaryan, 1999: 32)

Antara faktor lain yang mendorong para sahabat menghafaz al-Quran ialah kesungguhan mereka di samping bahasa al-Quran iaitu bahasa Arab yang merupakan bahasa percakapan mereka seharian. Kesungguhan mereka terserlah berdasarkan sikap berlumba-lumba dalam membaca al-Quran sepanjang masa.

Para sahabat juga merupakan suatu bangsa yang terkenal dengan kuat ingatan dan hafalan. Ini berpunca daripada keadaan mereka yang majoritinya buta huruf. Jadi daya menghafaz menjadi alat yang terpenting bagi mereka memelihara sejarah, budaya dan warisan silam seperti nasab keturunan, syair-syair dan khutbah-khutbah yang bermutu untuk disampaikan kepada generasi mendatang (Abu Shahbah, 1992: 230)

Ramai di kalangan para sahabat yang dikenali sebagai penghafaz al-Quran. Antara yang masyhur di kalangan mereka ialah Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali, Talhah bin Ubaidillah, Sa’ad bin Abi Waqas, Abdullah bin Mas’ud, Huzaifah bin al-Yaman, Salim Mawla Abi Huzaifah, Abu Hurairah, Abdullah bin al-Sa’ib, Abdullah bin Amru bin al-As, Abdullah bin Umar, Abdullah bin Umm Maktum, Mus,ab bin Umayr dan

ramai lagi. Tidak terkecuali juga golongan wanita di kalangan sahabat seperti Aishah, Hafshah, Ummu Salamah, Ummu Waraqah dan ramai lagi. (Abu Shahbah, 1992: 353)

Sebagai ransangan dan galakan untuk mereka terus membaca al-Quran, Rasulullah s.a.w memuji para sahabatnya yang dapat membaca al-Quran dengan baik. Sepertimana Rasulullah s.a.w pernah memuji kesempurnaan bacaan Abdullah bin Mas'ud dan menyuruh sahabat lain mempelajari daripadanya. (Abu Shahbah, 1992: 353) Rasulullah s.a.w juga pernah memuji Abu Musa al-Ash'ari kerana kemerduan suaranya ketika membaca al-Quran. (Afaf Abdul Ghafor Hameed, 2003: 134)

### **2.0.3 Sejarah Hafazan Al-Quran di Zaman Tabi'in**

Setelah wafatnya Rasulullah s.a.w, para sahabat pula yang memainkan peranan sebagai guru kepada generasi tabi'in. Tabi'in ialah orang yang mempelajari ilmu daripada para sahabat. Mereka mengambil ilmu dan ajaran Islam daripada orang yang memeluk agama Islam semasa hayat baginda s.a.w. Ini bermakna, tabi'in adalah penuntut ilmu dari para guru yang menerima asuhan dan didikan dari Rasulullah s.a.w. Keistimewaan ilmu mereka juga tidak kurang hebatnya kerana mereka adalah penyambung kelangsungan ajaran Islam kepada generasi selepasnya. Mereka meneruskan usaha murni Rasulullah dalam mengembangkan Islam kepada seluruh dunia terutamanya al-Quran. Oleh itu terdapat ramai di kalangan para tabi'in yang mengikut jejak para sahabat dalam memelihara al-Quran dengan menghafaznya.

Seratus pertama hijrah, seluruh umat Islam membaca dan menghafaz al-Quran mengikut apa yang diajar oleh para sahabat dan tabi'in. Al-Zarqani (1988: 413) telah menyebut bahawa golongan tabi'in yang masyhur dalam pengajian al-Quran di al-Madinah al-Munawwarah adalah seperti Sa'id bin al-Musayyib, Urwah, Salim, Umar Ibn Abd al-Aziz, Sulaiman bin Yasar, Ata' bin Yasar, Ibn Shihab al-Zauhriyy, Abd al-Rahman bin Hurmuz dan Muaz bin al-Harith yang dikenali dengan Mu'az al-Qari.

Manakala di Makkah al-Mukarramah antaranya ialah Ata' Mujahid, Tawus, Ikrimah, Ibn Abi Mulaykah dan Ubaid bin Umair.

Selain itu, di kota-kota Islam lain adalah seperti di Basrah iaitu Ammar bin Abd al-Qays, Abu al-Aliyah, Abu Raja', Nasr bin Asim, Yahya bin Ya'mar, Jabir bin Zayd, al-Hassan, Ibnu Sirin, Qatadah dan lain-lain. Di Kufah pula ialah Alqamah, al-Aswad, Masruq, Ubaidah, al-Rabi' bin Khaitam, al-Harith bin Qays, Ummar bin Sharahbil, Amru bin Maimun, Abu Abd al-Rahman al-Sulami dan Dhirr bin Hubasyah. Manakala al-Mughirah Ibn Shihab al-Makhzumi dan Khulaid bin Sa'id adalah dua tokoh tabi'in yang masyhur dalam pengajian al-Quran di Sham.

Pada zaman tabi'in ini dan seterusnya selaras dengan perkembangan Islam ke seluruh dunia, lahirlah pusat-pusat pengajian seperti Madrasah, Sekolah, Maktab dan sebagainya. Namun begitu, sistem pengajian yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W. masih lagi diikuti di setengah-setengah tempat.

Faktor pendorong kepada perkembangan hafazan dan penjagaan al-Quran di kalangan tabi'in ini adalah disebabkan oleh pengutusan Mushaf yang dibuat oleh Uthman bin Affan r.a ke kota-kota Islam tersebut. Pengutusan mushaf ini disertakan juga dengan seorang pembimbing dan guru yang memberi tunjuk ajar dan sebagai panduan kepada penduduk setempat untuk membaca al-Quran dengan tepat dan betul. Selain itu juga dapat membendung dan mengelak pertelingkahan bacaan yang tercetus di kalangan umat Islam yang terjadi sebelum itu.

Pembimbing al-Quran yang diutus oleh Uthman bin Affan r.a bertindak sebagai guru yang mengajar apa yang terkandung dalam *rasm* mengikut *qiraat* yang *sahih* dan *mutawatir*. Zaid Ibn Thabit mengajar al-Quran untuk penduduk al-Madinah, Abdullah bin al-Sa'ib membimbing penduduk Makkah, al-Mughirah bin Abi Shihab mengajar penduduk Sham, Abu Abd al-Rahman Al-Sulami guru kepada penduduk Kufah dan Amir bin Al-Qays menjadi rujukan kepada penduduk Basrah. Ketika ini orang yang menghafaz al-Quran amatlah ramai di kota-kota tersebut.

Daripada golongan *tabi'in* inilah lahirnya *Qurra sab'ah* yang amat masyhur dalam dunia Islam dan bacaan al-Quran sekarang dibaca mengikut riwayat mereka. *Qurra sab'ah* yang dimaksudkan ialah Nafi, Ibn Kathir, Abu Amru, Ibnu Amir, Asim, Hamzah dan al-Kisa'i. Pemilihan mereka berdasarkan kepada kemantapan ilmu *Qiraat* yang dimiliki dan kemasyhuran mereka dari kota-kota Islam iaitu al-Madinah, Makkah, Basrah, Kufah dan Sham. Orang yang bertanggungjawab memilih tujuh *Qurra* tersebut ialah Ibn Mujahid yang meninggal dunia pada tahun 324 hijrah. (Abu Zar'ah, 2001: 16)

Dengan selesainya susunan *Qurra sab'ah*, perkembangan menghafaz al-Quran di kalangan umat Islam semakin luas dan menggalakkan. Setiap abad dan kurun selepas *Qurra sab'ah*, umat Islam amat mengambil berat dalam hafazan al-Quran dan bilangan mereka setiap ketika amatah ramai.

Pada masa selanjutnya, anak-anak orang Islam telah pandai menulis dan membaca. Pembelajaran secara hafazan dilakukan dengan guru membaca ayat-ayat al-Quran kepada pelajar (*imla'*) dan pelajar menulisnya di atas '*luh*' atau papan batu. Setelah itu, guru akan melihat tulisan pelajarannya dan membetulkan jika ada kesalahan. Seterusnya guru membacakannya sekali lagi diikuti dengan pelajar, kemudian pelajar akan pergi ke tempat lain dan membacanya sehingga hafaz. Apabila telah menghafaz ayat-ayat itu dengan fasih, pelajar akan datang semula kepada guru dan membaca di depan guru (*tasmi'*). Jika ada kesalahan pada bacaan tersebut, guru akan membetulkannya dan jika tiada kesalahan, maka ayat-ayat itu akan dipadam dan ditulis ayat baru untuk dihafaz. (al-Ahwany, 1983:83).

Cara pengajaran al-Quran di peringkat ini dengan mengajar ayat-ayat pendek dan diulangi berkali-kali bersama guru hingga terlekat dalam ingatan mereka. Mereka diajar tanpa diberi penjelasan tentang maksud ayat-ayat dan kadang-kadang diberi sedikit sebanyak pengertian dan huraian demi untuk menambahkan lagi keberkatan dan benih-benih keislaman, taqwa dan keikhlasan di jiwa kanak-kanak kerana pada peringkat tersebut merupakan peringkat paling sesuai untuk mengingat sesuatu.

Corak pembelajaran dan pengajaran al-Quran pada zaman ini tidak jauh bezanya dengan apa yang diamalkan dan ajarkan oleh Rasulullah S.A.W. kepada para sahabatnya. Apa yang membezakannya adalah penggunaan alat tulis yang lebih moden seperti '*luh*' atau papan batu. Malah ketika ini, wujud kesedaran mengenai kepentingan menghafazan al-Quran menyebabkan pembelajaran dan pengajarannya dilakukan dengan lebih intensif.

## 2.1 Sejarah Perkembangan Hafazan Al-Quran di Malaysia

Menghafaz al-Quran di Malaysia berkembang dengan tertubuhnya ma'ahad-ma'ahad tahfiz al-Quran. Ma'ahad Tahfiz atau lebih dikenali dengan Tahfiz al-Quran merupakan sebuah pusat pengajian al-Quran yang dikendalikan di bawah Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. Ma'ahad tahfiz yang terawal ditubuhkan ialah pada tahun 1966 atas saranan Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Ia diberi nama Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat dan mula beroperasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur. Kemudiannya Ma'ahad Tahfiz tersebut diletak di bawah cawangan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH). (Afaf Abdul Ghafor Hameed, 2003: 138)

Idea untuk menubuhkan Ma'ahad Tahfiz ini timbul hasil daripada Ujian Tilawatul Qur'an peringkat kebangsaan yang pertama pada tahun 1960. Hasrat beliau ini dinyatakan dalam perasmian Masjid Negara pada tahun 1965, di mana pada waktu itu majlis tersebut dihadiri oleh Sheikul Azhar, Allahyarham Sheikh Mahmud Syaltut. (Fauziah Mohd Noor, 1993: 10).

Usaha untuk menubuhkan Ma'ahad Tahfiz dibuat bagi memastikan kelas pengajian Kursus Menghafaz Al-Quran yang dijalankan pada tahun 1966 di Masjid Negara terus diberi nafas baru dan berkembang. (Fauziah Mohd Noor, 1993: 1).

Bagi memastikan perlaksanaannya, Tunku Abdul Rahman menghubungi setiap kerajaan negeri supaya menghantar calon masing-masing untuk mengikuti kursus tersebut. Hasrat beliau mendapat sambutan yang menggalakkan daripada Kerajaan-Kerajaan Negeri yang dihubungnya. Sebahagian besar daripada mereka menghantar pelajar-pelajar dan menyediakan biasiswa untuk mereka. (Fauziah Mohd Noor, 1993: Surat Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman, hal. 2 (Lampiran B)

Angkatan pertama yang mengikuti kelas pengajian di Ma'ahad Tahfiz terdiri daripada lapan orang yang telah berjaya memenuhi syarat-syarat yang ditentukan pada ketika itu. Kelas pengajian yang bermula pada 1 hb. Mac 1966 itu bertempat di Dewan Syarahan Masjid Negara. Mereka yang mengikuti kelas tersebut mewakili negeri Terengganu, Selangor, Kedah, Perlis, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. Di antara mereka yang mengikuti kelas tersebut ialah Ustaz Sallehuddin Omar, Ustaz Ismail Mahmud, Ustaz Zainal Abidin Ahmad, Ustaz Muhsin Sheikh Ahmad, Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz dan lain-lain lagi. (Fauziah Mohd Noor, "Fail: JPM (U)/1/63/jilid 1, Pelajaran Menghafaz al-Quran Masjid Negara", 1993: 2)

Pengajian pada peringkat awal ini tamat pada 11 hb. April 1968. Lulusan kelas pengajian al-Quran yang pertama itu telah berjaya menyambung pelajaran ke pusat pengajian al-Quran di Republik Arab Bersatu dalam bidang al-Quran. Kejayaan kelas yang diadakan pada tahun 1966 terus memberi semangat kepada Tunku Abdul Rahman untuk meneruskan kelas pengajian al-Quran. Beliau telah meminta Tuan Haji Hassan iaitu Kadi Kluang, Johor untuk mengendalikan kelas tersebut bagi menggantikan Tuan Haji Mohd. Noor yang terpaksa pulang ke Kelantan atas arahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan ketika itu. Beliau meneruskan usaha menulis surat kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kerjasama dalam menyediakan calon-calon untuk mengikuti kelas pengajian al-Quran. Surat beliau yang bertarikh 19 Februari 1970 mendapat sambutan baik dari Menteri Besar Terengganu, Selangor, Kementerian Belia dan

Kebudayaan Sarawak serta Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. (Fauziah Mohd Noor, 1993: 3)

Sejak ditubuhkan pada tahun 1966, Ma'ahad Tahfiz ini telah mencatatkan perkembangan yang baik. Perkembangan ini dapat dilihat dalam pelbagai sudut seperti dalam aspek peningkatan pelajar, corak pengajaran dan pembelajaran, prospek serta peluang yang cerah bagi pelajar lulusan Ma'ahad Tahfiz. Perkembangan Ma'ahad Tahfiz ini menunjukkan bahawa tradisi membaca dan mendalami serta menghafaz al-Quran tidak luput di kalangan umat Islam. Tradisi mempelajari dan mendalami al-Quran sentiasa hidup dengan adanya usaha kerajaan sendiri yang menggalakkan pembacaan al-Quran mengikut rasm Uthmani berasaskan rawi Imam Hafs bin 'Asim. (Kamsaton bt. Simon, 2005: 17)

Bermula dengan hanya lapan orang pelajar sahaja pada tahun 1966, kini ia mempunyai ratusan pelajar dari seluruh pelusuk negara termasuk negara jiran, Thailand. Pada tahun 1960 an, pelajar Ma'ahad Tahfiz seramai 35 orang manakala menjelang 1992, Ma'ahad Tahfiz ini sudah mempunyai pelajar seramai 119 orang termasuk 34 orang daripadanya adalah pelajar wanita. Pada tahun 2004, Ma'ahad Tahfiz (Darul Qur'an) ini mengambil pelajar seramai 165 orang. (Fauziah Mohd Noor, 1993: 5).

Antara guru awal yang terkenal mengajar hafazan al-Quran di Ma'ahad Tahfiz tersebut ialah al-marhum Tuan Guru Dato' Haji Mohd Nor Ibrahim. Beliau berasal dari Kelantan dan menerima pendidikan agama di Makkah al-Mukarramah. Setelah generasi pertama lulus dari Ma'ahad Tahfiz, beliau telah pulang ke Kelantan dan selepas itu dilantik menjadi mufti kerajaan Negeri Kelantan. Antara murid generasi pertama di Ma'ahad tersebut ialah Dato' Abu Hasan Din (Pegawai Agama Istana Negara), Dato' Ismail Muhammad (Imam Besar Masjid Putrajaya), Ust Salahuddin Omar (bekas pengetua Maahad Tahfiz Darul Quran). Mereka inilah yang banyak mendidik dan menyebarkan hafazan al-Quran di seluruh negara. (Afaf Abdul Ghafor Hameed, 2003: 139)

Selepas Ma'ahad Tahfiz di Masjid Negara, diikuti pula ma'ahad tahfiz yang dibuka di setiap negeri. Penubuhan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz Negeri seluruh Malaysia bermula pada 1979 di negeri Kelantan. Pada tahun 1980-an Terengganu, Perak, Kedah, Perlis dan Selangor telah menubuhkan Ma'ahad Tahfiz Negeri. Seterusnya pada awal 1990-an Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Sabah mempunyai Ma'ahad Tahfiz Negeri. Pada ketika ini seluruh negeri mempunyai Ma'ahad Tahfiz, dan yang paling akhir ditubuhkan ialah pada tahun 1996 iaitu Ma'ahad Tahfiz Negeri Johor dan Pulau Pinang. (Afaf Abdul Ghafor Hameed, 2003: 139)

Penubuhan Ma'ahad Tahfiz di bawah kerajaan Negeri di seluruh negara menggunakan sukatan pelajaran Ma'ahad Tahfiz Darul Quran, JAKIM. Pada tahun 1983 sijil yang dikeluarkannya diiktiraf setaraf dengan Diploma ITM (sekarang dikenali dengan nama UiTM) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Diploma tersebut diiktiraf oleh universiti dalam negara seperti UM, UKM, UIAM dan KUIM. (JAKIM, 2002: 30) Dengan pengiktirafan tersebut ramai pelajar-palajar lepasan Maahad Tahfiz JAKIM telah menyambung pelajaran ke peringkat sarjana muda dalam negara. Terdapat juga para pelajar yang menyambung pelajaran ke peringkat sarjana selepas selesai pengajian mereka di peringkat sarjana muda. Situasi ini akan merancakkan lagi perkembangan menghafaz al-Quran di era IT dan dunia tanpa sempadan ini. (Afaf Abdul Ghafor Hameed, 2003: 139)

Menurut penelitian, lepasan maahad tahfiz dalam negara telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan awam. Ada yang berkhidmat sebagai Imam Besar masjid negeri, guru, pensyarah, pegawai agama angkatan tentera dan lain-lain. Penglibatan penghafaz al-Quran dalam pelbagai kumpulan ini menunjukkan bahawa golongan ini dapat memberi perkhidmatan dalam apa jua bidang yang sesuai dengan mereka. Selain itu ia meluaskan lagi skop perkhidmatan awam kepada kumpulan ini dan bukan hanya menjadi imam sahaja tetapi penghafaz al-Quran juga diperlukan dalam jawatan-jawatan profesional yang lain. (Afaf Abdul Ghafor Hameed, 2003: 139-140)



### **2.1.1 Sejarah Perkembangan Hafazan Al-Quran di Kuala Lumpur**

#### **Institut Darul Tahfiz Al-Furqan**

Hafazan al-Quran di Institut Darul Tahfiz Al-Furqan merupakan salah satu aktiviti Akademi Latihan Addin Malaysia (Alam Furqan). Institut ini terletak di bangunan sementara berhadapan dengan masjid Abu Bakar al-Siddiq, Kuala Lumpur. Ia dikendalikan sepenuhnya oleh Alam al-Furqan. (Badrudin Toroji, 1998: 81)

Meninjau sejarah penubuhannya, menurut Badrudin Toroji, (1998: 81-82) Institut ini bermula pada Januari 1982 dengan nama Jemaah al-Furqan yang bertempat di jalan Cenderasari. Jemaah al-Furqan meluaskan lagi fungsinya dengan berpindah tempat ke Jalan Negeri Sembilan, Bukit Persekutuan dengan diberi nama baru iaitu Pustaka al-Furqan. Kemudiannya Pustaka al-Furqan ini telah berpindah sekali lagi ke Bangsar, Kuala Lumpur.

Alam al-Furqan adalah sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh bumiputera dan di antara bentuk perkhidmatan yang ditawarkan ialah kaunseling kekeluargaan, kelas al-Quran, Fardhu Ain dan Iqra' dan menyediakan Institut Darul Tahfiz Kanak-kanak. Kelas pengajian menghafaz al-Quran pula mula digerakkan pada bulan Februari 1984 yang bertempat di rumah kediaman Ustaz Hj. Hassan Mahmud al-Hafiz. Kelas ini telah berkembang pada tahun 1995 dan akhirnya menjadi Institut Darul Tahfiz al-Furqan. (Badrudin Toroji, 1998: 82).

Institut Tahfiz Al-Quran ini pernah mengadakan lawatan penyelidikan ke Indonesia pada 31 Ogos 1994 dan 25 Mac 1996 hingga 30 Mac 1996 untuk meninjau perjalanan sistem pengajian dan pembelajaran di pusat-pusat pengajaran al-Quran yang ada di sana. (Badrudin Toroji, 1998: 82)

### 2.1.2 Sejarah Perkembangan Hafazan Al-Quran di Terengganu

#### Ma'ahad Tahfiz Al-Quran Negeri Terengganu

Ma'ahad Tahfiz Al-Quran Negeri Terengganu adalah sebuah ma'ahad tahfiz al-Quran Kerajaan Negeri yang telah ditubuhkan pada 15 April 1984 hasil idea daripada Yang Amat Menteri Besar Terengganu pada masa tersebut. Pada peringkat awal penubuhannya, Ma'ahad Tahfiz ini beroperasi di bangunan perpustakaan Masjid Abidin, Kuala Terengganu dengan bilangan pelajar seramai 15 orang dengan diajar oleh empat orang tenaga pengajar ketika itu. Pengetua yang pertama dan selaku pengasas kepada Ma'ahad Tahfiz ini ialah Yang Berbahagia Ustaz Ismail bin Mohamad Al-Hafiz dan dibantu oleh Yang Berbahagia Ustaz Wan Hasan Yusuf bin Wan Ngah, Ahsin Wijaya dan Ustaz Azua Omar. (Fatin Faqeriah bt. Hamsah, 2003: 6)

Memandangkan minat masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka ke Ma'ahad Tahfiz Al-Quran semakin bertambah dan pengambilan pelajar semakin ramai, maka pada awal tahun 1986 Ma'ahad Tahfiz Al-Quran ini dipindahkan ke sebuah bangunan yang disewa di Kampung Pengadang Baru, Kuala Terengganu. Bilangan pelajar telah bertambah dari 15 orang kepada 30 orang dengan jumlah bilangan tenaga pengajar yang sama iaitu seramai empat orang. (Fatin Faqeriah bt. Hamsah, 2003: 6)

Menyedari permintaan untuk kemasukan ke Ma'ahad Tahfiz Al-Quran bertambah dari setahun ke setahun, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk membina sebuah kompleks baru dan kerja-kerja membina fasa 1 Kompleks seperti yang ada sekarang ini telah dimulakan pada 11 Mac 1992 dan siap sepenuhnya pada 14 Julai 1993 dengan menelan belanja sebanyak RM 6.2 juta dengan keluasan 6,991 hektar. Antara objektif penubuhannya ialah melahirkan *huffaz* al-Quran yang berwibawa dan menyebarkan bacaan yang betul kepada masyarakat Islam. Selain itu ia juga bermatlamat memenuhi tuntutan fardhu kifayah. Penubuhan Maahad Tahfiz Negeri Terengganu ini telah berkembang dengan baik dan para pelajarnya dapat menyambung

pelajaran ke peringkat sarjana muda di luar negeri seperti di Universiti Islam Madinah, Arab Saudi. (Fatin Faqeriah bt. Hamsah, 2003: 6-7)

## 2.2 Hukum Dan Kelebihan Menghafaz al-Quran

Al-Quran yang terdiri daripada 114 surah dan 30 juzuk merupakan satu-satunya kitab suci yang boleh dihafaz secara keseluruhan. Ini adalah suatu kelebihan kepada umat baginda Rasulullah S.A.W. dan penghafazan al-Quran adalah rahmat daripada Allah S.W.T. Jika dibandingkan dengan buku-buku lain yang sama tebal dan besarnya, menghafaz satu buku, setengah buku atau pun seperempat buku adalah sukar dan hampir-hampir mustahil. Allah S.W.T. menyifatkan penghafaz al-Quran sebagai hamba-hamba pilihannya. Hal ini dinyatakan menerusi firmanNya:

Terjemahannya;

*“Dan apa yang telah Kami wahyukan kepada mu iaitu al-Kitab (al-Quran) itulah yang benar, dengan membenarkan kitab-kitab yang sebelumnya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Mengetahui lagi Maha Melihat (keadaan) hamba-hambanya. Kemudian Kitab itu Kami wariskan kepada orang-orang yang kami pilih di antara hamba-hamba Kami, lalu di antara mereka ada yang menganiaya diri mereka sendiri dan di antara mereka ada*

*yang pertengahan dan di antara mereka ada (pula) yang lebih dahulu berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu adalah kurnia yang amat besar.”*

(Fatir:31-32)

Ayat-ayat yang lain juga menyatakan bahwa al-Quran diturunkan dengan menerusi hafazan secara beransur-ansur lebih kurang 23 tahun. Ayat-ayat yang dimaksudkan adalah:

Terjemahannya;

*“Kami akan membacakan (al-Quran) kepada mu (Muhammad) maka kamu tak akan lupa, kecuali kalau Allah menghendaki. Sesungguhnya Dia mengetahui yang terang dan yang tersembunyi.”*

(al-A'la:6-7)

Terjemahannya;

*“Dan sesungguhnya telah kami mudahkan al-Quran untuk pelajaran, maka adakah orang yang mengambil pelajaran.”*

(al-Qamar:17)

Terjemahannya:

*“Maka Maha Tinggi Allah Raja yang sebenar-benarnya, dan janganlah kamu tergesa-gesa membaca al-Quran sebelum disempurnakan wahyu kepadamu, dan katakanlah: “Ya Tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan.”*

(Taha:114)

Daripada ayat-ayat di atas, tidak ada satu pun isyarat yang menyatakan bahawa menghafaz al-Quran itu hukumnya wajib. Oleh yang demikian menghafaz al-Quran bukanlah sesuatu yang wajib ke atas setiap muslim.

Menurut Ismail Masyhuri al-Hafiz (1993: 87-90), diantara kelebihan-kelebihan lain yang diperolehi oleh penghafaz al-Quran adalah selalu dilindungi oleh Allah S.W.T, menjadi umat Nabi Muhammad yang mulia, tidak merasa takut pada hari kiamat dan doanya akan dimakbulkan oleh Allah S.W.T. Selain itu juga, mereka yang menghafaz al-Quran juga merupakan mereka yang paling layak untuk menjadi imam serta dipermudahkan segala urusan mereka. Allah S.W.T juga mengurniakan nikmat kelebihan ilmu yang dikurniakan kepada para nabi kepada para *huffaz* serta diberikan kelebihan pada hari akhirat kelak untuk memberikan syafaat kepada 10 orang daripada ahli keluarganya.

Selain itu, kedudukan mereka yang menghafaz al-Quran juga tinggi di sisi Allah S.W.T dan mereka akan diberikan kelebihan sebagai pemimpin kepada ahli-ahli syurga. Mereka juga akan ditempatkan bersama para malaikat dan diangkat darjat mereka di dalam syurga kelak. Kelebihan para *huffaz* ini juga, mereka akan terlepas daripada menerima azab seksa daripada Allah S.W.T pada hari pembalasan nanti.

Walau bagaimanapun memandangkan betapa pentingnya menghafaz al-Quran bagi menjaga keaslian dan kesuciannya maka ulama telah bersepakat bahawa menghafaz al-Quran itu hukumnya fardu kifayah. Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillah al-Zarkasyi di dalam bukunya *al-Burhan fil Ulum al-Quran* (Juzuk 1: 271) menyatakan:

*“Mempelajari al-Quran hukumnya adalah fardu kifayah, demikian juga memeliharanya (iaitu menghafaznya) maka ia juga wajib (kifayah) bagi setiap umat.”*

Perkara yang sama juga dinyatakan oleh Abdul Aziz Abdul Rauf (1994:90) di dalam bukunya *Kiat Sukses Menjadi Hafidz al-Quran Da'yah* seperti berikut:

*“Sesungguhnya menghafaz al-Quran di luar kepala (maksudnya dengan lancar) itu adalah fardu kifayah.”*

Menurut pandangan al-Sharbini (1995: 12) menghafaz al-Quran adalah suatu fardhu kifayah dan ia termasuk suatu usaha untuk melengkapkan pengetahuan agama daripada ilmu-ilmu syara' seperti menghafaz al-Quran. Imam an-Nawawi menambah, orang yang melaksanakan fardhu kifayah adalah lebih istimewa daripada orang yang menunaikan tanggungjawab fardhu ain kerana ia telah melepaskan bebanan yang ditanggung oleh masyarakat. Fardhu kifayah lebih utama daripada fardhu ain kerana orang yang melaksanakannya telah menyelesaikan permasalahan ummah dan telah menggugurkan bebanan ummah sedangkan fardhu ain hanyalah terbatas ke atas individu pelaksananya sahaja.

Hukum fardu kifayah ini bermakna sekiranya sudah ada di antara kaum muslimin di suatu tempat yang menghafaz al-Quran, maka lepaslah tanggungjawab kesemua masyarakat tersebut dari kewajipan itu. Sebaliknya jika tiada seorang pun yang menghafaznya maka seluruh kaum muslimin pada tempat tersebut akan menerima dosa.

## **2.3 Sistem Pendidikan Tahfiz al-Quran Di Malaysia: Perbandingan Kaedah Moden Dan Tradisional**

Seiring dengan kesedaran dan kebangkitan umat Islam di Malaysia, pendidikan menghafaz al-Quran semakin mendapat tempat. Ini terbukti dengan kemunculan Pusat-pusat Tahfiz al-Quran di seluruh negara, samada di bawah kelolaan kerajaan atau swasta. Kesemua Pusat Tahfiz ini mempunyai persamaan dan perbezaan di antara satu sama lain yang meliputi struktur pentadbiran dan kewangan, sistem pendidikan dan kurikulum yang digunakan.

### **2.3.1 Pendidikan Tahfiz Cara Moden Dan Cara Tradisional**

Pendidikan Tahfiz al-Quran cara moden bermaksud *pendidikan yang mempunyai struktur yang tersusun, meliputi sudut pengurusan, kurikulum dan kemudahan strukturnya. Pendidikan cara moden ini dianjurkan oleh pihak kerajaan pusat atau kerajaan negeri*. Manakala Pendidikan Tahfiz cara tradisional pula bermaksud *pendidikan yang kurang tersusun dengan baik dari sudut pentadbiran, kurikulum dan kemudahan infrastukturnya seperti sistem pendidikan Pondok. Lazimnya pendidikan secara tradisional ini dikelolakan oleh orang perseorangan atau swasta* (Wan Mohamad,1997:17).

Berkaitan dengan pendidikan tahfiz cara tradisional ini secara khususnya ia merujuk kepada maahad tahfiz swasta. Secara ringkas, ma'ahad tahfiz swasta bermaksud segala pembiayaan kewangan untuk menguruskan perjalanan ma'ahad adalah tanggungan sendiri dan tidak mendapat bajet atau peruntukkan daripada kerajaan. Meskipun atas tanggungan sendiri, pertumbuhan maahad tahfiz swasta kebelakangan ini amat menggalakkan. Pada masa sekarang seluruh negeri sudah mempunyai maahad tahfiz swasta dengan bilangan yang agak banyak sebagaimana di Selangor sahaja terdapat lebih daripada 40 buah maahad tahfiz swasta yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor. ([www.islam.gov.my/informasi/islam/pelbagai/maahad.html](http://www.islam.gov.my/informasi/islam/pelbagai/maahad.html))

Faktor penubuhan Maahad Tahfiz swasta ini ialah pengaruh lepasan tahfiz al-Quran dari India dan Pakistan. Apabila mereka pulang ke Malaysia dengan membawa sijil tahfiz al-Quran dari India dan Pakistan, mereka telah menubuhkan maahad tahfiz untuk mengembangkan pengajaran al-Quran di tempat masing-masing. Justeru banyak maahad tahfiz swasta dan kebanyakan lepasan mereka menyambung pelajaran ke India dan Pakistan

Maahad tahfiz swasta yang terawal ditubuhkan ialah Maahad Tahfiz al-Quran Kubang Bujuk, Terengganu. Maahad Tahfiz al-Quran ini telah ditubuh dan didaftarkan di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) pada tahun 1982. ([www.islam.gov.my/informasi/islam/pelbagai/maahad.html](http://www.islam.gov.my/informasi/islam/pelbagai/maahad.html)) Maahad Tahfiz ini menerima penuntut yang agak ramai dari kalangan kanak-kanak yang berusia dua belas tahun dari seluruh Malaysia. Peringkat kelas di maahad ini dibahagikan kepada tiga: *kelas Nazari* untuk pelajar melancarkan al-Quran, *Kelas Tahfiz* iaitu kelas menghafaz al-Quran dan *Kelas Alim* untuk mempelajari kitab-kitab. Pelajar mesti menghabiskan *Kelas Tahfiz* sebelum mengikuti *Kelas Alim*. Guru-guru yang mengajar di sini kebanyakannya adalah lepasan dari India dan Pakistan. Antara sumbangan mereka ialah pelajar-pelajar digalakkan menjadi imam terawih dan mengkhatamkan bacaan mereka dalam bulan Ramadhan tersebut. Maahad Tahfiz ini juga merupakan pusat Jamaah Tabligh melakukan aktiviti mereka samada mingguan atau tahunan.

Dalam Musabaqah Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan ramai pesertanya adalah dari kalangan maahad-maahad tahfiz swasta. Faktor utama mengapa mereka mendominasi senarai peserta musabaqah dan memiliki kejayaan ialah kerana usia memasuki maahad tahfiz adalah kurang daripada dua belas tahun, sebagaimana diketahui umum bahawa menghafaz ketika kecil ingatannya akan melekat di fikiran umpama memahat di batu. Justeru perkara ini mestilah diambil ikhtibar oleh semua ibu bapa dalam mengasuh anak-anak mereka dan bukan selepas mereka dewasa. (Afaf Abdul Ghafor Hameed. Dr., 2003: 140)



Maahad tahfiz swasta banyak membantu perkembangan hafazan al-Quran di Malaysia. Meskipun begitu terdapat beberapa kelemahan yang perlu diatasi. Antaranya ialah pengambilan pelajar mestilah mengikut syarat-syarat yang melayakkan mereka menjadi seorang penghafaz al-Quran yang baik, bukan sekadar tamat menghafaz al-Quran sahaja. Mereka juga hendaklah melihat kepada perkembangan semasa dunia pelajaran dan perkhidmatan yang semakin hari semakin canggih dan terkehadapan. (Afaf Abdul Ghafor Hameed. Dr., 2003: 140)

### **2.3.2 Perbezaan Pendidikan Tahfiz Cara Moden Dan Cara Tradisional**

Antara perbezaan yang wujud antara dua jenis pendidikan ini ialah: (Abdul Hafiz bin Haji Abdullah (Ketua Penyelidik), 2003: 24-27)

#### **a. Dari sudut pendidikan**

Pendidikan tahfiz cara moden biasanya dikendalikan oleh pihak Kerajaan Pusat atau Negeri, seperti Darul Quran yang diuruskan oleh JAKIM, Jabatan Perdana Menteri. Pusat Tahfiz yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri seperti MARSAH oleh Kerajaan Johor dan Pusat Tahfiz al-Quran Wa al-Qiraat oleh Kerajaan Negeri Sembilan. Manakala Pusat Tahfiz cara tradisional pula ditubuh dan dikendalikan oleh individu atau pihak swasta seperti Institut Al-Quran Kuala Lumpur dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Kubang Bujuk yang juga menjadi lokasi kajian penulis.

#### **b. Dari segi bangunan**

Pusat Tahfiz milik kerajaan biasanya dibina dan dimiliki pada bangunan yang tetap. Terdapat juga Pusat Tahfiz Kerajaan yang menyewa bangunan atau menumpang bangunan-bangunan masjid sebagai tempat belajar. Manakala Pusat Tahfiz milik individu atau pihak swasta dibina pada tempat yang tidak tetap, samada bangunan yang dimiliki sendiri, disewa atau yang diwakafkan. Kebanyakan bangunannya separuh kekal, malah ada yang telah uzur.

c. Dari segi lokasi

Lokasi Pusat Tahfiz Kerajaan keseluruhannya terletak dalam kawasan bandar yang terdedah kepada suasana bising dan sibuk. Bagaimana pun kedudukan begini mudah dari segi perhubungan dan mendapatkan keperluan. Sementara Pusat Tahfiz Swasta pula kebanyakan terletak di kawasan kampung atau pendalaman. Ini menyebabkan ia jarang dikunjungi oleh orang luar. Pelajar juga sukar untuk pulang ke rumah masing-masing kecuali pada masa-masa yang tertentu.

d. Dari segi perhubungan

Kemudahan perhubungan di Pusat-Pusat Tahfiz kerajaan adalah melalui telepon dan fax. Ini jarang-jarang dimiliki oleh Pusat Tahfiz Swasta yang terletak di kawasan pendalaman.

e. Dari segi pentadbiran dan pengurusan kewangan

Struktur pentadbiran dan pengurusan kewangan Pusat Tahfiz Kerajaan dikendalikan oleh Lembaga atau sebuah Jawatankuasa Khas yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kemajuan dan prestasi pusat tersebut. Kuasa mentadbir dipertanggungjawabkan kepada Mudir atau Pengetua yang dilantik secara fortfolio yang ditugaskan. Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya adalah terdiri daripada pegawai kerajaan di peringkat pusat dan negeri. 70% daripadanya adalah dari agensi agama. Segala perbelanjaan Pusat Tahfiz Kerajaan seperti gaji guru, elaun, bayaran bil utility dan sebagainya ditanggung oleh kerajaan melalui Tabung Zakat atau Baitul Mal Negeri.

Bagi Pusat Tahfiz Swasta pula, ia dikendalikan oleh sebuah Lembaga di mana 90% daripada ahli-ahlinya terdiri daripada orang tempatan dan bakinya adalah terdiri daripada pegawai kerajaan serta ahli politik seperti Qadi, Pegawai Daerah dan lain-lain pegawai tempatan. Perlantikan mereka dibuat atas nama peribadi sahaja. Kedudukan pentadbirannya kurang memuaskan kerana ahli lembaganya sering bertukar tempat kerja. Segala perbelanjaan Pusat Tahfiz Swasta bergantung sepenuhnya kepada usaha Lembaga Pentadbirannya melalui sumbangan atau derma orang ramai dan yuran pelajar.

f. Syarat-syarat kemasukan pelajar

Secara umumnya, syarat-syarat kemasukan pelajar ke Pusat Tahfiz Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Lulus PMR/SPM dengan kepujian subjek tertentu.
- ii. Mempunyai sijil agama (*Rabi' Thanawi*).
- iii. Umur antara 18-21 tahun.
- iv. Lulus temuduga yang ditetapkan (temuduga hafazan al-Quran dan Bahasa Arab).
- v. Lulus Bahasa Inggeris.

Syarat kemasukan ke Pusat Tahfiz Swasta pula adalah lebih mudah di mana calon hanya perlu mahir membaca al-Quran dan had umur tidak ditetapkan.

g. Dari sudut peperiksaan, persijilan dan pengiktirafan

Pelajar-pelajar Pusat Tahfiz Kerajaan akan menduduki Peperiksaan Diploma pada akhir tahun pengajian. Mereka yang lulus akan dianugerahkan Diploma Tahfiz al-Quran setaraf dengan Diploma UiTM dan KUSZA. Pemegang Diploma ini berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Pertama di Universiti Tempatan atau Timur Tengah selain memasuki Maktab Perguruan.

Pusat Tahfiz Swasta mengadakan peperiksaan khas untuk melayakkan pelajar menerima *Sijil Akuan Tahfiz*. Kebanyakan sijil ini tidak mendapat pengiktirafan dari universiti tempatan atau luar negara. Dengan demikian, masa depan pelajar di Pusat Tahfiz Swasta adalah samar.

Dari fenomena yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa masalah yang telah dikenalpasti menghalang kemajuan dan kecemerlang para pelajar Pusat Tahfiz al-Quran sama ada dari kerajaan atau swasta. (Abdul Hafiz bin Haji Abdullah (Ketua Penyelidik), 2003: 27-28)

- a. Pusat Tahfiz Kerajaan
  - i. Tempat belajar yang masih kurang selesa kerana bangunan yang berstatus sementara.
  - ii. Setengah-setengah Pusat Tahfiz Kerajaan sukar mendapat calon-calon yang berkelayakan.
  - iii. Kekurangan tenaga pengajar yang berkelayakan.
  - iv. Tidak mempunyai kakitangan pentadbiran yang mencukupi.
  - v. Penyelarasan pentadbiran di antara Pusat-Pusat Tahfiz Kerajaan masih berada pada tahap yang lemah.
  
- b. Pusat Tahfiz Swasta
  - i. Kemudahan infrastruktur yang masih berkurangan.
  - ii. Kekurangan sumber kewangan.
  - iii. Tenaga pengajar yang berkelayakan sukar diperolehi, mungkin kerana gaji yang diberikan terlalu mentah.
  - iv. Tidak mendapat pengiktirafan kerajaan dan masa depan pelajarinya tidak terjamin.

Daripada kelemahan-kelemahan yang dinyatakan, beberapa cadangan untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi prestasi Pusat-Pusat Tahfiz al-Quran di negara ini:

- i. Mewujudkan penyelarasan yang menyeluruh di antara Pusat Tahfiz Kerajaan dan Swasta.
- ii. Menyediakan kemudahan infrastruktur yang selesa bagi para pelajar.
- iii. Pengeluaran sijil hanya diadakan oleh agensi kerajaan di peringkat Pusat.
- iv. Mengadakan peperiksaan secara bersama dan serentak di antara Pusat Tahfiz Kerajaan dan Swasta di bawah kelolaan Lembaga Peperiksaan Diploma Tahfiz Peringkat Pusat.
- v. Menyediakan peluang melanjutkan pelajaran kepada pelajar yang berjaya di peringkat diploma ke peringkat yang lebih tinggi di dalam dan luar negara.

- vi. Mengadakan skim perkhidmatan khas bagi guru atau pensyarah Pusat Tahfiz.
- vii. Menyediakan peluang pekerjaan yang lebih luas kepada pemegang-pemegang Diploma Tahfiz.
- viii. Kerajaan Pusat atau Negeri hendaklah memberi elaun khas kepada lepasan Diploma Pusat Tahfiz Kerajaan atau Swasta seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

Dalam usaha mewujudkan Pusat Tahfiz al-Quran yang dapat melahirkan para-para *hafiz* yang berkualiti dan kemampuan, semua pihak hendaklah bekerjasama memperbaiki segala kelemahan yang ada serta bergerak bersama ke arah kejayaan.

## **BAB III**

### **LATAR BELAKANG INSTITUT AL-QURAN, KUALA LUMPUR DAN MADRASATUL QURAN KUBANG BUJUK, TERENGGANU.**

#### **3.0 Pengenalan**

Institut Al-Quran, Kuala Lumpur dan Madrasatul Quran Kubang Bujuk, Terengganu merupakan dua institusi pengajian tahfiz al-Quran yang terkenal di Malaysia. Kedua-dua institusi ini mempunyai keistimewaannya masing-masing di dalam melahirkan para *huffaz* yang mempunyai ketinggian ilmu dan personaliti mereka yang tersendiri. Hasil daripada corak pendidikan yang diterapkan di kedua-dua institusi ini, maka lahirlah para *huffaz* yang mana kecintaan mereka terhadap ilmu al-Quran ini sehati di dalam diri mereka sebagai bekalan hidup mereka dan juga memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat umumnya.

#### **3.1 Sejarah Penubuhan Institut Al-Quran Kuala Lumpur**

Institut Al-Quran Kuala Lumpur merupakan pusat pengajian tahfiz al-Quran yang dikendalikan oleh pihak swasta. Ia juga dikenali sebagai Madrasah Al-Quran Kuala Lumpur. Institut Al-Quran Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada awal 1997,

pada masa tersebut ia dikendalikan oleh Dato' Dr. Hassan Haji Mohd Ali (kini ahli politik) selaku pengarah Sabha Group. Di peringkat awal operasinya IQKL ditempatkan di dua buah banglo yang terletak di pinggir Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur berhampiran Balai Islam (kini Masjid al-Ghufhran), Bilik Kelas, ruang pengajian, ruang penghafalan dan pusat pengurusan di pusatkan di kedua-dua premis tersebut. (Ustaz Khairudin b. Ramli, 27 Jun 2005)

Pada masa tersebut, ia diuruskan oleh sebuah Jawatankuasa Pengurusan. Jawatankuasa ini dipandu oleh Jawatankuasa Pemandu yang bertanggungjawab menentukan supaya falsafah dan arah tuju IQKL terlaksana. Dipengerusikan sendiri oleh Dato' Dr. Hassan Haji Mohd Ali dan dibantu oleh panel pemandu iaitu Tuan Haji Mohd Hassan Mokhtar Mohd Ali selaku Pengerusi Eksekutif, Era Mewah Sdn. Bhd.

Setelah hampir tiga tahun beroperasi IQKL telah diambil alih sepenuhnya oleh Tuan Haji Mohd Hassan Mokhtar Mohd Ali selaku Pengerusi Eksekutif, Era Sdn. Bhd. Pengambilalihan tersebut disebabkan Dato' Dr. Hasan Haji Mohd Ali mahu melibatkan dan memberi komitmen yang lebih tinggi terhadap karier politik beliau. (Ustaz Khairudin b. Ramli, 27 Jun 2005)

Menyoroti sejarah penubuhan IQKL ini, pengerusi pertamanya ialah Dr. Hassan Mokhtar. Selepas mengalami pelbagai masalah dalaman yang agak serius, maka Dr. Hassan bertekad untuk menutup terus IQKL. Beliau seterusnya pergi menemui rakan-rakannya (Ahli Lembaga sekarang) untuk menyatakan hal tersebut. Ekoran daripada itu, satu keputusan telah diambil yang mana rakan-rakan beliau ini (terdiri dari tiga orang Ahli Lembaga sekarang) sanggup menguruskan IQKL dan seterusnya mengambil alih IQKL ini dari tangan Dr. Hassan. Situasi sebelum dan semasa peralihan kuasa pentadbiran ini adalah antara zaman kritikal bagi IQKL. Maka untuk memulihkan kembali IQKL ini agak sukar dan mencabar memandangkan impak pergolakan dalaman tersebut turut terkena tempiasnya kepada para pelajar.

Kelas pada waktu ini juga hanya diadakan di asrama dan ia didapati tidak begitu praktikal kerana pelajar tidak merasai iklim dan suasana persekolahan. Situasi

ini tidak meniupkan semangat mereka untuk belajar. Justeru, satu inisiatif diambil dengan memindahkan tempat pengajian ke masjid. Langkah ini didapati berkesan kerana dari sudut psikologi pelajar merasakan mereka 'benar-benar' ke sekolah. Dengan berpakaian sekolah, kelengkapan sekolah dan berjalan kaki ramai-ramai ke sekolah, mereka merasai iklim sebenar persekolahan.

Segala pengurusan dan pelaksanaan IQKL terletak di bawah tanggungjawab Tuan Haji Mohd Hassan Mokhtar Ali selaku pengerusi lembaga IQKL (Pengerusi Eksekutif, Era Mewah Sdn. Bhd) dan dibantu oleh dua lagi ahli lembaga iaitu Tuan Haji Puzi Ahmad (*Principal Partner* sebuah syarikat Guaman) dan Tengku Hasmudin Tengku Othman (Pegawai Bahagian Kewangan Administre Mesin Niaga). (Ustaz Khairudin b. Ramli, 27 Jun 2005)

Sehinggalah sekarang kedudukan IQKL beransur-ansur stabil di bawah kendalian pengetua IQKL sekarang iaitu Ustaz Khairuddin Ramli. Beliau semasa menerima jawatan pengetua IQKL ini sedang dalam proses pengajian di peringkat sarjana. Walaupun dalam keadaan yang agak sibuk dan masa yang terhad dengan pengajian beliau pada waktu itu, namun berkat dengan kesungguhan dan kesabaran beliau dan tenaga pengajar, pentadbiran dan imej IQKL dapat dipulihkan dengan berlandaskan sistem pentadbiran yang sistematik dan lancar.

Pada masa kini IQKL masih lagi beroperasi di bangunan lama iaitu ditempatkan di dua buah banglo yang berhampiran dengan masjid al-Ghufran di pinggir Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur. Dua buah banglo itu adalah kepunyaan pengerusi lembaga sendiri. Segala kemudahan seperti kelas-kelas pembelajaran dan kelas tasmi' al-Quran, pihak pentadbiran IQKL telah menyewa kemudahan tersebut sebanyak RM10 sehari dan dibayar kepada pihak pentadbiran masjid al-Ghufran dan IQKL juga berkongsi dengan Sekolah Rendah Agama Balai Islam ataupun dikenali sebagai SERAMBI. Kemudahan lain seperti asrama pelajar lelaki terletak berhampiran dengan pelajar perempuan dan juga bersebelahan dengan pejabat pentadbiran.

Bagi perancangan masa depan, IQKL akan memiliki kampus kekal di sebidang tanah yang telah diperolehi berhampiran dengan Ibu Negara. Kos



pembinaan dijangka dalam lingkungan RM 7 – 8 juta. Bakal kampus IQKL itu akan mempunyai kemudahannya sendiri seperti blok pentadbiran, blok asrama lelaki dan perempuan dan sebagainya. (Ustaz Khairudin b. Ramli, 27 Jun 2005)

### **3.2 Sistem Pengajian di Institut Al-Quran Kuala Lumpur**

Sistem pengajian yang terdapat di Institut Al-Quran Kuala Lumpur ini merangkumi beberapa aspek seperti syarat kemasukan pelajar, silibus pengajian, sesi pengajian dan juga sistem peperiksaan yang dijalankan di sini. Ianya bagi memastikan sistem pengajian yang dilaksanakan di Institut Al-Quran Kuala Lumpur dapat berjalan dengan lancar sepertimana yang telah dirancang.

#### **3.2.1 Syarat Kemasukan Pelajar di Institut Al-Quran Kuala Lumpur**

Institut Al-Quran Kuala Lumpur merupakan sebuah ma'ahad tahfiz al-Quran yang mempunyai sistem pembelajaran yang sistematik. Oleh itu, telah menetapkan syarat kemasukan sebelum menjadi pelajar IQKL. Di peringkat awalnya IQKL hanya mengambil 80 orang pelajar (50 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan) sahaja tetapi kini pelajarinya makin bertambah. Calon-calon IQKL hendaklah memiliki syarat-syarat minima berikut: (Info IQKL. Pamphlet. 2005)

1. Umur : 10 tahun ke atas 25
2. Jantina : Lelaki / Perempuan
3. Kebolehan Membaca Al-Quran: iaitu membaca al-Quran dengan tahap kefasihan yang munasabah (ditentukan melalui temuduga)
4. Daya Kepimpinan: Memaparkan kebolehan memimpin (ditentukan melalui temuduga)
5. Kecerdasan Minda : Lulus Ujian Kecerdasan Minda IQKL (format ujian kecerdasan minda disediakan)
6. Kesihatan : Lulus ujian kesihatan

Institut Al-Quran Kuala Lumpur IQKL bercirikan Smart School dan berikutan dengan itu memerlukan pelajar yang mampu mencerminkan potensi berjaya dengan cemerlang. Hanya pelajar dalam kategori ini sahaja yang akan diterima memasuki IQKL. Rekod prestasi akademik tahun satu hingga tahun empat akan dijadikan kriteria utama. Pelajar yang memaparkan pencapaian akademik yang cemerlang sahaja yang akan dipertimbangkan oleh pihak IQKL. (Info IQKL. Pamphlet. 2005)

### 3.2.2 Silibus Pembelajaran di Institut Al-Quran Kuala Lumpur

Kurikulum yang telah dilaksanakan di IQKL adalah berasaskan kepada matapelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan IQKL dan Kementerian Pendidikan Malaysia (K.P.M) yang selaras dengan kehendak semasa dan keperluan di peringkat lanjutan Diploma khususnya Pusat Matrikulasi Intitut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Begitu juga dengan sistem peperiksaannya hanya PMR dan SPM sahaja. Jika pelajar berminat untuk melanjutkan pelajarannya ke Timur Tengah seperti Mersir, Jordan, Madinah dan sebagainya mereka boleh mengambil Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Sukatan matapelajaran yang telah dilaksanakan di IQKL pada masa kini telah dibahagikan kepada dua bentuk pengajian iaitu **Subjek Akademik** dan **Subjek Agama**. (Ustaz Suhaimi b. Sulaiman, 27 Jun 2005)

#### 1) **Subjek Akademik:**

Diantara subjek-subjek akademik yang ditawarkan kepada pelajar untuk diambil di Institut Al-Quran Kuala Lumpur ini ialah:

- a) Bahasa Arab
- b) Bahasa Melayu
- c) Bahasa Inggeris
- d) Sains
- e) Matematik

## 2) **Subjek Agama:**

Manakala, subjek-subjek agama yang telah dimasukkan di dalam silibus pembelajaran di Institut Al-Quran Kuala Lumpur ini antaranya ialah:

- a) Tafsir
- b) Aqidah
- c) Hadith
- d) Sirah an-Nabawiyah
- e) Fiqh
- f) Talaqqi dan Tajwid
- g) Ulum al-Quran
- h) Ulum al-Hadith
- i) Tasawwur Islam
- j) Imlak

Dan matapelajaran baru yang akan dilaksanakan di dalam sistem pembelajaran IQKL pada semester akan datang ialah *Pengenalan Ilmu Qiraat, Resam Uthmani* dan *Ilmu Dhabt*. Ini adalah untuk memberi pendedahan dan persediaan kepada pelajar-pelajar IQKL sekiranya mereka ingin melanjutkan pelajaran ke Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (Ustaz Suhaimi b. Sulaiman, 27 Jun 2005)

### 3.2.3 **Sesi Pengajian di Institut Al-Quran Kuala Lumpur**

Institut Al-Quran Kuala Lumpur (IQKL) telah melaksanakan sesi pengajian berasaskan sistem semester di mana para pelajarnya perlu menghabiskan tempoh pengajian selama lebih kurang enam tahun. Sebelum dilaksanakan sesi pengajian semester ini, sesi pengajian yang digunakan adalah mengikut tahap umur pelajar.

Bagi menentukan kualiti pengajian dan pembelajaran sentiasa meningkat sebuah Panel Kawalan Kualiti yang dianggotai oleh personaliti yang mahir dalam bidang al-Quran ditubuhkan bagi menjalankan tanggungjawab itu. Kualiti yang

ditekankan di IQKL ialah kualiti menggarab ilmu al-Quran dan juga kualiti akhlak yang mesti terpancar di kalangan para pelajar yang akan menjadi pelopor “*Generasi Al-Quran*”. (Ustaz Firdaus b. Sulaiman, 27 Jun 2005)

Selain daripada itu kualiti penghafalan yang tinggi dengan pemupukan daya ingatan yang mantap menjadi batu pengukur utama bagi pelajar-pelajar IQKL. Mereka juga diberi pendedahan menggauli masyarakat supaya mereka tidak canggung berdepan dengan masyarakat umum sewaktu menyampaikan khidmat yang diperlukan. Institut Al-Quran Kuala Lumpur (IQKL) telah membahagikan sistem pembelajaran kepada tiga bahagian iaitu: *Kelas Tasmi’ Al-Quran*, *Kelas Pembelajaran* dan *Kelas I’adah*. (Ustaz Firdaus b. Sulaiman, 27 Jun 2005)

#### **3.2.4 Sistem Peperiksaan di Institut Al-Quran Kuala Lumpur**

Sistem peperiksaan yang telah dilaksanakan di Institut Al-Quran Kuala Lumpur adalah mengikut sistem semester sepertimana sistem persekolah dan IPTA yang lain. Sistem peperiksaan yang digunakan di IQKL adalah berdasarkan kepada dua kaedah: (Ustaz Khairudin b. Ramli, 27 Jun 2005)

- a. Ujian Syafawi bagi matapelajaran al-Quran
- b. Ujian Tahriri bagi matapelajaran Agama dan Akademik.

#### **3.3 Sistem Pengajaran di Institut Al-Quran Kuala Lumpur**

Instutut Al-Quran Kuala Lumpur telah merangka sistem pembelajaran mereka sendiri bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam hafazan al-Quran. Diantara sistem pembelajaran yang digunakan di IQKL ini ialah dengan mengadakan Kelas Tasmi’, Kelas Pembelajaran dan Kelas I’adah.

### 3.3.1 Kelas Tasmi'

Kelas Tasmi' Al-Quran adalah merupakan kelas wajib bagi setiap pelajar IQKL menghadirkan diri di dalam kelas tersebut. Kelas tersebut bermula jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi iaitu sebanyak 5 kali seminggu iaitu bermula hari isnin hingga hari Jumaat. Kelas Tasmi' al-Quran iaitu para pelajar yang telah menghafaz ayat al-Quran sekurang-kurangnya dua muka memperdengarkan bacaannya secara hafazan di hadapan *Guru Tasmi'* ( guru hafiz ) bagi pelajar banin (lelaki) dan *guru hafizah* bagi pelajar banat (perempuan). Setiap bacaan yang telah diperdengarkan bacaannya, guru hafiz dan hafizah tersebut akan merekodkan di dalam buku rekod hafazan berdasarkan apa yang telah dibaca secara hafazan oleh pelajar tersebut. Kelas tasmi' al-Quran ini dikendalikan oleh seorang guru. Guru hafiz atau hafizah tersebut pula akan mengandalkan lebih kurang 10 hingga 12 orang pelajar. (Ustazah Maizatul Asnani bt. Yaakub, 27 Jun 2005)

### 3.3.2 Kelas Pembelajaran

Kelas Pembelajaran pula akan bermula dari jam 10.30 pagi hingga 1.10 tengahari. Kelas ini juga merupakan kelas wajib bagi setiap pelajar IQKL. Pada masa ini matapelajaran selain dari al-Quran akan diajar kepada mereka. Pihak IQKL telah menggunakan kemudahan pembelajaran seperti kelas di masjid al-Ghufran, Pinggir Taman Tun Dr. Ismail Kuala Lumpur sebagai kelas pembelajaran. (Ustazah Maizatul Asnani bt. Yaakub, 27 Jun 2005)

### 3.3.3 Kelas I'adah

Kelas I'adah al-Quran merupakan kelas ulangan hafazan ayat al-Quran yang telah dibaca secara hafazan di hadapan guru hafiz atau hafizah. Kelas ini bermula dari jam 2.30 petang hingga jam 3.30 petang. Kelas ini sepertimana kelas tasmi' al-Quran , di mana para pelajar wajib lebih kurang satu maqra' atau lebih untuk membaca di hadapan guru. Dan bacaan ulangan hafazan tersebut akan direkodkan di

dalam buku ulangan hafazan al-Quran. (Ustazah Maizatul Asnani bt. Yaakub, 27 Jun 2005)

Aktiviti pelajar pada antara waktu 3.30 hingga 5.30 petang bagi tingkatan lima adalah kelas tuisyen (mengikut hari-hari yang tertentu) yang dibuat di tingkat bawah pejabat pentadbiran manakala bagi pelajar lain mereka diberi rehat sama ada untuk tidur atau mengulangkaji pelajaran. (Ustazah Maizatul Asnani bt. Yaakub, 27 Jun 2005)

#### **3.4 Sistem Hafazan Yang Diterapkan di Institut Al-Quran Kuala Lumpur**

Sistem hafazan yang digunakan di sini adalah mengikut apa yang telah direncanakan oleh pihak pentadbir intitusi tahfiz ini. Kebiasaannya, kelas akan dimulakan dengan tazkirah oleh tenaga pengajar berkaitan dengan adab-adab dengan al-Quran. Biasanya ia dilakukan sebelum waktu tasmik sebagai peringatan kepada para pelajar agar menjaga adab-adab dengan al-Quran untuk memudahkan hafazan. Buku *Tibyan* digunakan sebagai modul tazkirah. Ini kerana kebanyakan pelajar tidak tahu adab dengan al-Quran seperti meletak al-Quran di tempat yang rendah, tidak menutup al-Quran ketika berbual-bual. (Ustaz Rahimi b. Ramli, 27 Jun 2005)

Berdoa sebelum menghafaz al-Quran adalah menjadi rutin bagi pelajar di IQKL ini. Manakala solat sunat *hifzi* adalah terpulang kepada individu untuk melakukannya. Setakat ini pihak IQKL belum mewajibkan lagi para pelajarnya melakukan solat sunat *hifzi*. Walaupun begitu, solat sunat *hifzi* sudah *ma'ruf* di kalangan para pelajar. Cuma kelapangan tenaga pengajar untuk melakukan solat sunat *hifzi* bersama-sama para pelajarnya belum ada kesempatan.

Cuma penekanan diberikan kepada adab-adab terhadap al-Quran dan cerita-cerita berkenaan kebesaran ilmu al-Quran supaya mereka tahu apa yang mereka hafaz sebenarnya memberi kesan yang begitu mendalam kepada diri pelajar sama ada dari sudut al-Quran mahupun akademik. (Ustaz Rahimi b. Ramli, 27 Jun 2005)

Aktiviti yang dilakukan untuk meningkatkan hafazan di antara para pelajar sesama mereka ialah dengan sentiasa memberi nasihat sesama mereka terutama kepada adik-adik yang baru menghafaz. Di samping itu, para pelajar IQKL ini ada mengamalkan membaca surah-surah tertentu sebagai amalan iaitu antaranya surah ar-Rahman, Kahfi, Yaasin, Sajdah dan ad-Dukhan dengan selalu membacanya dan menjadikannya sebagai wirid harian. Begitu juga dengan bacaan Mathsurat, para pelajar sentiasa membacanya secara beramai-ramai sesama mereka. Solat tahajjud juga dilaksanakan tetapi secara individu di asrama masing-masing.

Aktiviti hafazan sentiasa dilakukan untuk memperkemaskan ingatan. Biasanya ianya dilakukan pada sebelah pagi, petang dan malam. Jika pelajar dikehendaki mentasmik pada keesokan harinya, maka mereka akan menghafaz ayat-ayat yang perlu ditasmik pada keesokan harinya pada dua atau tiga malam sebelumnya. Ini sebagai persediaan mereka supaya dapat mengingat dengan baik dan tidak tergesa-gesa atau kalam kabut. (Ustaz Rahimi b. Ramli, 27 Jun 2005)

Tenaga pengajar atau para ustaz dan ustazah di sini banyak membantu para pelajarnya meningkatkan hafazan al-Quran. Sistem paksaan tidak digunakan, sebaliknya semuanya terserah kepada kepada sama ada mahu menghafaz atau tidak. Tetapi harus di ingat, jika pelajar tidak dapat mencapai sasaran hafazan (*muqarra*) yang telah ditetapkan oleh IQKL, maka pelajar tersebut akan ditamatkan pengajiannya di IQKL ini. Amalan paksaan tidak dilaksanakan di IQKL di mana tenaga pelajar tidak memaksa para pelajarnya dalam bidang hafazan untuk mengelakkan pelajar tertekan.

Penekanan juga melalui motto IQKL iaitu *Hasanah Dunia dan Hasanah Akhirat*. Hasanah dunia bermaksud cemerlang dalam bidang akademik manakala hasanah akhirat ialah cemerlang dalam al-Quran (hafazan). Justeru kedua-duanya perlu seimbang. Jika pelajar tidak dapat mengimbangi keduanya, maka cemerlang dalam al-Quran perlu ditekankan kerana Allah S.W.T telah menjanjikan kepada orang yang cemerlang al-Quran akan berjaya juga dalam bidang akademik. (Ustaz Rahimi b. Ramli, 27 Jun 2005)

Secara keseluruhannya sistem yang diterapkan oleh IQKL ini adalah untuk meningkatkan daya hafazan atau daya ingatan para pelajarnya dan mendorong para pelajarnya sentiasa mengulang-ulang hafazan.

### **3.5 Ko-Kurikulum Pelajar di Institut Al-Quran Kuala Lumpur**

Selain daripada sistem pembelajaran yang berbentuk kelas dan juga kuliah, pelajar-pelajar di Institut Al-Quran Kuala Lumpur ini didedahkan dengan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang memberikan pendedahan-pendedahan luar kepada pelajar di sini. Melalui aktiviti ko-kurikulum yang dijalankan di Institut Al-Quran Kuala Lumpur, ianya banyak memberikan peluang kepada para pelajar di sini untuk meluaskan lagi pengetahuan mereka selain daripada untuk mengurangkan tekanan belajar sepanjang sesi pengajian. Namun begitu, aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini tidak terkecuali daripada penekanan terhadap aspek akademik pelajar. (Ustaz Khairudin b. Ramli, 27 Jun 2005)

- i. Usrah seminggu sekali.
- ii. Kursus pengurusan jenazah secara mingguan dan tahunan
- iii. Qiyamullail sebulan sekali.
- iv. Program 'Iadah diluar di Institut Al-Quran Kuala Lumpur
- v. Hari Keluarga.
- vi. Temasya sukan tahunan.
- vii. Jualan tahunan Koperasi Huffaz (KOPFAZ).
- viii. Kursus Kesempurnaan Solat.
- ix. Lawatan sambil belajar.
- x. Kursus Bantuan Kecemasan dan Kebakaran.
- xi. Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang (setahun sekali).
- xii. Menjadi Imam Solat Terawih.



Selain daripada aktiviti yang telah dilaksanakan tersebut, masih ada aktiviti-aktiviti lain yang masih di dalam perancangan untuk dilaksanakan seperti: (Ustaz Khairudin b. Ramli, 27 Jun 2005)

- i. Program khemah ibadat pada hujung minggu.
- ii. Program Tilawah al-Quran intra-IQKL.
- iii. Program pertukaran pelajar dengan maahad-maahad tahfiz yang lain termasuk keluar negara.

### **3.6 Sejarah Penubuhan Madrasatul Quran, Kubang Bujuk.**

Madrasatul Quran, Kubang Bujuk, Serada, Kuala Terengganu merupakan sebuah pusat pengajian tahfiz al-Quran yang dikendalikan secara persendirian ataupun secara swasta. Madrasah ini merupakan pusat pengajian tahfiz swasta yang kedua tertua di negara ini selepas Raudhatul Tahfiz Al-Quran yang kemudiannya dikenali dengan Maahad Tahfiz Quran Wal Qiraat yang terletak di Pusat Dakwah Islamiah, Jeram, Selangor. Maahad Tahfiz Quran Wal Qiraat, Pusat Dakwah Islamiah, Jeram, Selangor ini diasaskan oleh Ustaz Haji Nasoha Bin Ahmad pada bulan Januari 1981. Madrasatul Quran yang lebih dikenali dengan nama Madrasatul Quran Kubang Bujuk ini telah diasaskan oleh Tuan Haji Muda Bin Haji Deraman pada 1 Oktober 1982 di Kubang Bujuk, Serada, Kuala Terengganu. (Ustaz Mohd Noh b. Supardan, 12 Jun 2005)

Penubuhan Madrasatul Quran Kubang Bujuk adalah hasil cetusan daripada *Ijtimak* (Perhimpunan) Tabligh Dunia yang diadakan di Padang Hiliran pada bulan November/Disember 1982. *Hadraji* (Ketua Jemaah Tabligh Sedunia) iaitu Maulana Hassan (Ketua Jemaah Tabligh India) juga datang ke *Ijtimak* ini dan beliau adalah yang merasmikan Madrasah ini dengan meletakkan batu asas di Masjid Madrasatul Quran Kubang Bujuk. Hingga kini, Madrasah ini telah melahirkan lebih dua ribu para

*Huffaz* sejak ia ditubuhkan 23 tahun yang lalu. (Ustaz Hj. Ramli b. Muda, 12 Jun 2005)

### **3.7 Sistem Pengajian di Madrasatul Quran, Kubang Bujuk.**

Sistem pengajian di Madrasatul Quran ini merangkumi syarat kemasukan pelajar dan tempoh pengajian yang akan dilalui oleh setiap pelajar yang ingin melanjutkan pengajian mereka di madrasah quran ini.

#### **3.7.1 Syarat Kemasukan Pelajar di Madrasatul Quran, Kubang Bujuk**

- a. Berumur di antara 12 hingga 15 tahun.
- b. Telah khatam al-Quran atau sekurang-kurangnya lancar bacaan keseluruhan al-Quran.
- c. Kedua-dua ibubapa bersetuju dan bersedia menanggung pembelanjaan anak mereka hingga tamat pengajian.
- d. Tidak ada sakit atau cacat anggota yang berat.
- e. Lulus ujian dan temuduga.
- f. Bagi pelajar yang berumur 15 tahun lebih hingga 16 tahun, pihak madrasah akan melihat kepada keputusan PMR dan keadaan pemohon.
- g. Bagi pelajar yang berumur 16 tahun hingga 19 tahun, mereka mestilah telah menghafaz 10 juzuk al-Quran.
- h. Bagi pelajar yang berumur 20 tahun ke atas, mereka akan diterima masuk oleh pihak madrasah jika mereka telah menghafaz 30 juzuk al-Quran dan berada di dalam keadaan yang baik.
- i. Bagi pelajar yang berumur 17 tahun ke atas yang tiada apa-apa kelebihan dan hafalan permohonan mereka akan ditolak
- j. Semua pemohon yang berumur 16 tahun ke atas diwajibkan mengikuti kursus tarbiah dan dakwah tabligh selama 40 hari di Malaysia / Terengganu.

- k. Pemohon yang belum cukup umur semasa mendaftar, mereka diwajibkan untuk keluar 40 hari setelah cukup umur kelak sekurang-kurangnya sekali. (Syarat Kemasukkan dan Sistem Pengajian di Madrastul Quran Kubang Bujuk. Risalah. 2005)

### **3.7.2 Tempoh Pengajian di Madrasatul Quran, Kubang Bujuk**

Secara puratanya, para pelajar di sini akan menamatkan pengajian mereka pada umur 25 tahun. Bagi kelas hafiz purata tempoh masa yang diambil oleh pelajar untuk menamatkan pengajian mereka adalah selama empat atau lima tahun sahaja. Ini kerana pihak Madrasah tidak menetapkan had berapa tahun untuk menamatkan pengajian tahfiz, ini semua bergantung kepada kemampuan pelajar itu sendiri. Tetapi terdapat dua orang pelajar yang berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam masa dua tahun sahaja. (Ustaz Hj. Ramli b. Muda, 12 Jun 2005)

### **3.7.3 Sistem Peperiksaan**

Sistem peperiksaan adalah suatu perkara yang amat penting dilaksanakan di sesebuah institusi pengajian untuk menilai prestasi pelajar dari semasa ke semasa. Sistem peperiksaan yang digunakan di Madrastul Quran Kubang Bujuk adalah seperti berikut:

- a. Sistem peperiksaan akhir adalah dengan membaca 10 juzuk yang telah dihafaz dalam masa 1 hari. Bacaan tersebut akan disemak oleh 3 orang guru hafiz dan 6 orang hafiz yang lain. Keseluruhan kesalahan adalah tidak melebihi 10 kesalahan.
- b. Masa untuk menamatkan hafazan adalah tiada tempoh yang tertentu. (Syarat Kemasukkan dan Sistem Pengajian di Madrastul Quran Kubang Bujuk. Risalah. 2005)

### **3.8 Sistem Pengajaran di Madrasatul Quran, Kubang Bujuk**

Madrasatul Quran, Kubang Bujuk telah mewujudkan sistem pengajaran melalui dua kelas pengajian iaitu Kelas Nazirah dan Kelas Tahfiz di samping sistem peperiksaan yang dijalankan untuk menguji tahap penguasaan pelajar.

#### **3.8.1 Kelas Nazirah**

Kelas Nazirah adalah merupakan satu kaedah pengajaran yang digunakan di Madrasatul Quran Kubang Bujuk ini di dalam proses pembelajaran hafazan al-Quran di institusi ini. Proses pengajaran ini adalah seperti berikut:

- a. Sistem pengajaran adalah mengikut tertib kelas hafiz iaitu Sabaq, Para Sabaq dan Amoktah.
- b. Pelajaran yang perlu diajar di samping pelajaran al-Quran ialah Fardhu ain, Tajwid, Akhlak dan Pelajaran Jawi (tulisan dan bacaan).
- c. Mengajar kaedah menghafaz al-Quran yang betul.
- d. Tempoh paling yang paling untuk masuk ke kelas hafiz ialah 3 bulan dan tempoh yang paling lama di dalam kelas nazirah ialah satu tahun. (Syarat Kemasukkan dan Sistem Pengajian di Madrastul Quran Kubang Bujuk. Risalah. 2005)

#### **3.8.2 Kelas Tahfiz**

Kelas Tahfiz adalah merupakan kaedah lain yang digunakan di MQKB ini dalam proses pembelajaran hafazan al-Quran selain Kelas Naziran yang dijalankan. Perjalanan kelas ini adalah seperti berikut:

- a. Para pelajar pada kebiasaannya akan menamatkan pengajian tahfiz ialah 3 hingga 5 tahun (2 tahun untuk sabaq dan 2 tahun untuk daur).
- b. Setiap pelajar dikehendaki sekurang-kurangnya menghafaz sebanyak 8 hingga 10 juzuk satu tahun.

- c. Sebelum khatam sabaq 30 juzuk al-Quran, pelajar dikehendaki menghafaz dengan lancar sebanyak 15 juzuk barulah dibenarkan untuk khatam sabaq.
- d. Setelah khatam 30 juzuk, pelajar akan memantapkan hafazan mereka dalam jangkamasa 6 hingga 2 tahun sehingga menduduki peperiksaan akhir. (Syarat Kemasukkan dan Sistem Pengajian di Madrastul Quran Kubang Bujuk. Risalah. 2005)

### **3.9 Sistem Pembelajaran di Madrasatul Quran, Kubang Bujuk**

Madrasatul Quran, Kubang Bujuk mempunyai sistem pembelajaran mereka sendiri di dalam mendidik pelajar-pelajar mereka di dalam bidang hafiz al-Quran ini. Terdapat beberapa kaedah pembelajaran yang digunakan di sini seperti kaedah hafazan yang telah dikhususkan, pembelajaran kitab dan penerapan terbiyah kepada pelajar mereka.

#### **3.9.1 Kaedah Hafazan**

Kaedah Hafazan yang digunapakai di MQKB ini diambil dari India dan Pakistan dengan dilakukan sedikit pengubahsuaian untuk disesuaikan dengan keadaan di Malaysia. Di Madrasatul Quran Kubang Bujuk ini kaedah menghafaz al-Quran pada kebiasaannya dimulakan dari hadapan iaitu bermula juzuk pertama surah *al-Baqarah* hinggalah seterusnya ke belakang sampai ke juzuk yang ke-30. Tetapi cara ini bukanlah menjadi satu kemestian bagi para pelajar. Ini kerana terdapat juga cara atau kaedah menghafaz al-Quran bermula dengan menghafaz juzuk yang ke-30 terlebih dahulu. Setelah juzuk yang ke-30 selesai dihafaz oleh para pelajar, maka mereka akan kembali semula menghafaz juzuk yang pertama, kedua dan seterusnya. Kaedah ini dilaksanakan bagi memudahkan para pelajar menghafaz al-Quran dengan mula menghafaz dari surah yang pendek-pendek terlebih dahulu dan setelah itu barulah diikuti dengan surah-surah yang panjang. Dari segi kesan psikologinya, cara ini penting untuk memupuk terlebih dahulu minat kepada suka menghafaz al-Quran.

jika para pelajar didedahkan terus dengan surah yang panjang seperti surah *al-Baqarah* di juzuk yang pertama, mereka akan berasa terbeban dan tidak seronok untuk menghafaz. (Ustaz Mohd Noh b. Supardan, 12 Jun 2005)

Di Madrasah Quran Kubang Bujok terdapat peringkat hafazan yang diistilahkan sebagai *khatam sabaq*. Setiap pelajar diberikan bilangan ayat hafazan baru yang berlainan. Ini bergantung kepada kemampuan pelajar itu sendiri. Terdapat pelajar yang mampu menghafaz dua hingga tiga muka surat sehari. Tetapi kebiasaannya para pelajar menghafaz hafazan baru mereka sebanyak satu muka surat sehari sehinggalah mereka khatam menghafaz 30 juzuk al-Quran dan inilah yang dipanggil *khatam sabaq*.

Tambahan pula, menghafaz bermula dengan juzuk yang ke-30 ini memudahkan para pelajar untuk menghafaz dengan senang dan mudah kerana mereka sudah sentiasa mendengar dan mengamalkannya dalam solat fardhu lima waktu. Selain itu juga, surah-surah dalam juzuk yang ke-30 ini tidaklah terlalu panjang dan ayat-ayatnya pun mudah untuk dihafaz. Ini secara tidak langsung akan melahirkan perasaan gembira untuk menghafaz. Di samping itu juga, kaedah atau cara ini dilakukan bagi disesuaikan dengan umur pelajar di MQKB ini yang rata-ratanya berumur sekitar 13, 14 dan 15 tahun yang mana usia di peringkat ini perlu diperkenalkan dengan hafazan al-Quran secara perlahan-lahan atau berperingkat-peringkat. Tidak boleh terus dibebankan dengan cara hafazan yang banyak dan panjang bagi mengelakkan perasaan jemu dan bosan untuk menghafaz. (Ustaz Mohd Noh b. Supardan, 12 Jun 2005)

Kaedah menghafaz yang betul menurut Ustaz Suhaimi b. Ismail (13 Jun 2005) ialah, para pelajar diwajibkan melancarkan terlebih dahulu ayat-ayat yang ingin dihafaz secara bersendirian. Kemudian para pelajar dikehendaki memperdengarkan hafazan mereka sesama mereka (iaitu seorang pelajar memperdengarkan bacaannya kepada seorang rakannya yang lain). Ia adalah bertujuan untuk mengetahui sama ada bacaan mereka betul atau salah. Ini dikenali dengan istilah semak bacaan atau *tasmi'*. Antara kesalahan yang biasa dilakukan oleh para pelajar ialah kesalahan pada baris bacaan, salah huruf atau tertinggal sesuatu ayat. Setelah itu barulah pelajar akan memperdengarkan bacaan mereka kepada

gurunya. Jika didapati pelajar tersebut masih lupa atau tidak lancar bacaannya, maka guru akan memberi peluang kepada pelajar tersebut untuk kembali melancarkan bacaannya terlebih dahulu. Selepas itu pelajar tersebut dikehendaki menyemak bacaannya di hadapan guru untuk kali yang kedua. Para pelajar sekali-kali tidak dibenarkan untuk menyemak bacaannya di hadapan guru jika tidak menyemak bacaannya terlebih dahulu dengan rakan-rakannya. Ini untuk mengelakkan para pelajar melakukan banyak kesilapan semasa menyemak bacaannya di hadapan guru.

Kaedah memperdengarkan bacaan baru kepada guru yang dikenali dengan istilah *sabaq*, para pelajar kebiasaannya menghafaz satu hingga dua muka surat sehari. Guru akan mencatatkan dalam sebuah buku catatan jumlah bilangan ayat hafazan yang telah dihafaz oleh seseorang pelajar pada hari tersebut beserta dengan tarikh pada hari tersebut. (Laporan Harian Kemajuan Pelajar. Bahagian Tahfiz Al-Quran)

Penggunaan teknik *sabaq* (menghafaz hafazan baru) biasanya dilakukan selepas sembahyang Subuh. Pada waktu ini para pelajar akan menghafaz ayat hafazan yang baru. Jika terdapat pelajar yang tidak mampu untuk mengingat hafazan barunya maka guru akan memberi peluang kali kedua kepada pelajar tersebut untuk menghafaznya lagi. Jika sehingga pukul 7.30 pagi pelajar tersebut masih lagi tidak mampu mengingat hafazannya, maka mereka akan dikenakan rotan sebagai ransangan. Selepas waktu makan jam 8.30 pagi pelajar tersebut akan memperdengarkan hafazannya kepada guru. Jika dia masih lagi tidak mampu mengingatnya, maka guru akan memberinya peluang sekali lagi untuk menghafaz *sabaqnya* sehinggalah pukul 9.00 pagi atau 9.15 pagi. Ini dilakukan agar pelajar tersebut mampu untuk menghafaz *sabaqnya* memandangkan sukatan yang ditetapkan oleh MQKB adalah 10 juzuk setahun iaitu lebih kurang 1 juzuk sebulan. (Ustaz Mohd Noh b. Supardan, 12 Jun 2005)

Selain daripada kaedah *sabaq*, pelajar juga menghafaz al-Quran dengan menggunakan kaedah *amokhtah*. Kaedah *amokhtah* yang diambil dari India dan Pakistan ini jarang diamalkan di Ma'ahad-Ma'ahad Tahfiz Negeri di Malaysia di mana para pelajar di Ma'ahad-Ma'ahad Tahfiz Negeri hanya menghafaz ayat-ayat baru sahaja. Manakala ayat-ayat lama yang telah dihafaz tidak diberi penekanan oleh

guru, sebaliknya bergantung kepada kerajinan para pelajar itu sendiri untuk mengulangi hafazannya. Jika pelajar itu rajin mengulanginya, maka hafazan lama akan kekal. Jika sebaliknya, ayat-ayat lama yang telah dihafaz lama-kelamaan akan hilang dan pelajar akan lupa ayat-ayat tersebut. (Ustaz Mohd Noh b. Supardan, 12 Jun 2005)

Prinsip yang dipegang oleh Madrasatul Quran Kubang Bujok adalah ‘satu perkara dalam satu masa’ iaitu pelajar dikehendaki menghafaz al-Quran sehingga khatam 30 juzuk terlebih dahulu barulah dibenarkan untuk meneruskan pengajian dalam ilmu-ilmu diniah yang lain (pengajian kitab-kitab). Ini untuk mengelakkan timbul masalah kepada para pelajar kerana mereka akan lupa hafazan yang lama kerana tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mengulang hafazan tersebut.

Menurut Ustaz Suhaimi b. Ismail (13 Jun 2005), jika pelajar tidak mampu untuk menghafaz satu juzuk sebulan, maka ini menunjukkan pelajar tersebut ‘main-main’ atau ingatan pelajar tersebut lemah. Tindakan yang akan diambil ke atas pelajar ini bergantung kepada pihak mesyuarat yang akan meneliti catatan hafazan pelajar tersebut yang telah dicatat oleh guru kelasnya. Ini kerana setiap dua bulan sekali pihak pentadbiran akan meminta laporan daripada setiap guru kelas catatan hafazan jumlah ayat yang telah dihafaz oleh setiap pelajar untuk menilai prestasi hafazan setiap pelajar.

Setelah dinilai prestasi setiap pelajar, maka pihak pentadbiran akan mengarahkan kepada mana-mana pelajar yang lupa hafazan lamanya supaya menghentikan dahulu hafazan *sabaq*nya. Ini untuk mengelakkan bebanan ke atas pelajar kerana jika dia masih menghafaz hafazan barunya sedangkan hafazan lamanya dia lupa, maka akan menyukarkannya untuk khatam hafazan 30 juzuk. Lama-kelamaan pelajar tersebut akan berasa bosan dan jemu kerana sentiasa ‘ditekan’ oleh guru dengan menggunakan rotan, denda dan pelbagai tindakan lain. Kesannya pelajar tersebut tidak lagi berminat untuk meneruskan pengajian. (Ustaz Suhaimi b. Ismail, 13 Jun 2005)

Selain daripada kaedah *sabaq* dan *amokhtah*, sistem pembelajaran dalam kelas iaitu dalam bentuk kelompok atau kumpulan juga ada digunakan di MQKB ini.



Satu kelompok mewakili satu kelas. Kelas untuk pengajian tahfiz ini dijalankan dalam sebuah dewan yang mana di dalam kelas atau dewan ini terdapat beberapa kelompok yang mewakili beberapa kelas yang duduk dalam keadaan memanjang. Setiap kelompok terdapat lebih kurang 20 orang pelajar bersama seorang guru, mereka duduk dalam keadaan *halaqah* berbentuk segi empat. Pembahagian pelajar kepada beberapa kelas adalah sama banyak dan guru tidak boleh memilih pelajarinya dan begitu juga sebaliknya. Ini ditentukan melalui ujian dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbiran MQKB. Kedudukan guru juga adalah selari dengan guru-guru kelas yang lain. Ini menunjukkan bahawa MQKB mempunyai sistem pengajaran dan pembelajaran mereka sendiri. (Ustaz Tengku Mohamad b. Tengku Abdullah, 13 Jun 2005)

Begitu juga dengan aktiviti di dalam masjid sebelum waktu subuh, di mana para pelajar juga dikehendaki duduk dalam *saff* berdasarkan kelas masing-masing. Kedudukan pelajar dalam *saff* mengikut kelas masing-masing ini akan memudahkan guru mengenalpasti pelajar yang hadir dengan yang tidak hadir. Pintu pagar utama dikunci sebagai langkah keselamatan dan mengelakkan pelajar dari keluar.

Dalam proses menghafaz hafazan baru, pihak MQKB tidak menetapkan kadar hafazan, sebaliknya bergantung kepada kemampuan pelajar itu sendiri dengan syarat tidak kurang daripada satu muka surat sehari. Semakin banyak ayat-ayat yang dapat dihafaz oleh pelajar, maka semakin cepat dia akan khatam hafazan 30 juzuk. Jika hafazan *sabaq* pelajar kurang daripada satu muka surat sehari, kemungkinan besar pelajar tidak dapat untuk menghafaz satu juzuk dalam masa sebulan. (Ustaz Tengku Mohamad b. Tengku Abdullah, 13 Jun 2005)

### **3.9.1.1 Kaedah *Deobandy***

MQKB menggunakan kaedah *Deobandy* bertujuan untuk menarik minat serta memudahkan peajar-pelajar mereka dalam menghafaz al-Quran. Kaedah ini kebiasaannya dimulakan dengan menghafaz al-Quran bermula dari 5 juzuk yang belakang terlebih dahulu. Selepas itu barulah diikuti dengan Surah al-Baqarah. (Ustaz Mohd Noh b. Supardan, 12 Jun 2005)

Kaedah ini diambil dari Negara Pakistan. Terdapat juga pelajar yang menghafaz juzuk yang ke 30 dan 29 terlebih dahulu.. kemudian juzuk 1,2 dan seterusnya hingga juzuk yang ke-28. Kaedah-kaedah ini sebenarnya bergantung kepada tenaga pengajar, tidak wujud satu kaedah khusus yang menyeluruh yang digunapakai oleh semua para pelajar. Ini kerana tenaga pengajar kebanyakannya menggunakan kaedah mereka sendiri untuk diajarkan kepada pelajar-pelajar mereka berdasarkan pengalaman belajar mereka di dalam hafazan al-Quran ini.

Keistimewaan pemilihan juzuk-juzuk bahagian belakang terlebih dahulu untuk dihafaz kerana juzuk-juzuk tersebut sentiasa dibaca dalam sembahyang. Tambahan pula juzuk-juzuk ini agak pendek dan sentiasa di dengar semasa mendirikan sembahyang subuh dan isya' kerana kebanyakan imam-imam membaca surah-surah dalam juzuk ini ketika mengimami solat seperti surah al-Mulk dalam juzuk yang ke-29. (Ustaz Mohd Noh b. Supardan, 12 Jun 2005)

### **3.9.1.2 Waktu Hafazan**

Sebelum waktu subuh para pelajar akan dikejutkan oleh tenaga pengajar pada pukul 4.45 pagi. Setelah mempersiapkan diri, para pelajar dikehendaki datang ke masjid untuk melaksanakan ibadah kerohanian sama ada untuk menunaikan solat tahajjud atau solat sunat yang lain. Kemudian para pelajar ini dikehendaki berada di *saff* pertama, kedua atau ketiga di hadapan secara berdua-dua menghadap antara satu sama lain untuk hafazan sendiri iaitu sama ada *sabaq* ulang (mengulang hafazan baru) atau *amokhtah* (mengulang hafazan lama) dan tidak dibenarkan sekali-kali berada di *saff* belakang dalam masjid. Ini untuk mengelakkan para pelajar dari melakukan aktiviti lain selain dari mengaji al-Quran seperti berbual, tidur dan sebagainya untuk memudahkan pemantauan dilakukan oleh guru-guru.

Faedah yang diperolehi oleh pelajar ketika menghafaz sebelum subuh ialah para pelajar dapat menjaga *takbiratul ula* sembahyang Subuh. Ini kerana selepas mereka selesai melaksanakan aktiviti menghafaz al-Quran iaitu 10 minit sebelum *iqamah* pada pukul 6.00 pagi, para pelajar akan menyimpan al-Quran masing-masing

dan duduk di dalam *saff* melakukan solat sunat sementara menunggu untuk sembahyang subuh.

Selepas waktu subuh para pelajar dikehendaki membaca surah *Yasin* juga dalam keadaan berdua-dua menghadap antara satu sama lain dalam *saff* sebagaimana keadaannya sebelum subuh. Ini adalah peraturan yang telah ditetapkan di MQKB di mana para pelajar tidak dibenarkan untuk berada dalam satu kelompok bagi mengelakkan aktiviti lain selain dari mengaji al-Quran. Mengaji al-Quran secara berdua-dua menghadap antara satu sama lain ini juga memberi manfaat kepada para pelajar di mana mereka boleh membantu rakan-rakan yang mengantuk dengan ‘menyedarkannya’ dan juga mengelakkan dari membelakangi al-Quran jika tidak menghadap antara satu sama lain. Teknik ini dilakukan dengan cara pelajar yang berada di *saff* pertama akan pusing ke belakang menghadap *saff* yang kedua. Manakala pelajar yang berada di *saff* ketiga akan pusing ke belakang menghadap pelajar yang berada di *saff* keempat. Satu peraturan yang mesti diingat dan diikuti oleh setiap pelajar ialah setiap kali mereka memasuki masjid mereka dikehendaki berada di *saff* yang pertama, kedua dan ketiga sahaja. (Ustaz Tengku Mohamad b. Tengku Abdullah, 13 Jun 2005)

Pada waktu selepas Subuh ini, pelajar dikehendaki membaca surah *Yasin* dengan mengambil kitab *Yasin* sahaja. Pelajar tidak dibenarkan mengambil *mashaf* al-Quran. Ini untuk mengelakkan pelajar dari menghafaz *sabaq* semalam yang masih belum ingat atau mengulangi *amokhtah* (hafazan lama) atau membaca kitab bagi pelajar kelas *Alim* dan tidak membaca *Yasin* sebagaimana yang telah ditetapkan oleh guru. Pelajar juga dimestikan memegang kitab *yasin* meskipun telah menjadi *hafiz* untuk mempraktikkan sunnah dan juga bagi memastikan pelajar ‘betul-betul’ membaca surah *yasin* sehingga tamat. Aktiviti ini dijalankan dengan dipantau oleh beberapa orang guru.

Bagi pelajar yang belum khatam menghafaz 30 juzuk, mereka dikehendaki menghafaz ayat baru (*sabaq*) selepas selesai membaca surat *Yasin* selepas waktu Subuh sehinggalah jam 7.30 pagi. Selepas makan pagi, pelajar akan membaca *sabaq* pada bahagian belakang sebanyak satu juzuk bermula pukul 8.30 hingga 11.00 pagi dan diteruskan dengan pengajian fardhu ain (bahagian *umumi*) selama setengah jam.

Selepas waktu zohor, para pelajar dikehendaki mengulang hafazan ayat-ayat yang telah dihafaz sebelum ini. Ini dikenali dengan istilah *amokhtah*. Sebagai contoh, jika pelajar telah menghafaz sebanyak lima juzuk, maka pelajar tersebut perlu mengulang hafazan juzuk pertama yang telah dihafaznya pada hari ini, juzuk kedua pada hari esok, juzuk ketiga pada lusa dan juzuk keempat pada tulat dan seterusnya. Setelah tamat mengulang juzuk-juzuk yang telah dihafaz, maka pelajar akan kembali mengulanginya bermula dengan juzuk satu sekali lagi. Ini diulangi secara berterusan sehinggalah pelajar khatam menghafaz 30 juzuk. Kaedah ini dilakukan bagi memastikan para pelajar tidak mengabaikan ayat-ayat yang telah dihafaz sebelum ini. Selain itu, kaedah ini juga memudahkan para pelajar apabila mereka khatam menghafaz 30 juzuk nanti di mana mereka tidak akan lupa pada juzuk-juzuk awal yang telah mereka hafaz kerana sebelum ini mereka telahpun sentiasa mengulangi menghafaznya dengan kaedah *amokhtah*. (Ustaz Tengku Mohamad b. Tengku Abdullah, 13 Jun 2005)

Selepas waktu Asar, para pelajar akan membaca kitab *Fada'il A'mal* sebagai *ta'lim* di masjid selama lebih kurang 15 hingga 20 minit.

### **3.9.2 Pembelajaran Kitab (*Alim*)**

Kelas *Alim* atau kelas kitab adalah bagi pelajar yang telah tamat pengajian di kelas hafiz iaitu khatam menghafaz 30 juzuk al-Quran. Jika berminat, mereka boleh menyambung pengajian mereka mendalami kitab-kitab dalam kelas *Alim*. Tempoh pengajian bagi kelas *Alim* ini adalah selama 8 tahun yang mana secara umumnya setiap tahun itu melambangkan setiap aras atau tingkat pengajian. Pada waktu ini, hanyalah hingga tahun yang ke tujuh sahaja dan masih belum lagi terdapat pelajar yang sampai ke tahun yang ke lapan atau kelas lapan. (Ustaz Erzani b. Hussin, 12 Jun 2005)

### 3.9.3 Penerapan Tarbiyah Pelajar

Penekanan aspek akhlak sangat dititikberatkan di Madrasah ini di mana pentarbiyahan sering dilakukan oleh tenaga pengajar dari masa ke semasa untuk mendidik para pelajar supaya memiliki akhlak yang baik. Mereka sentiasa dinasihati supaya memiliki akhlak yang baik meskipun sesetengah daripada mereka adalah pelajar-pelajar yang cerdas serta cepat menghafaz al-Quran tetapi jika tidak memiliki akhlak yang baik, mereka tidak akan suka pergi ke masjid, tidak suka membaca al-Quran, sebaliknya mereka lebih suka menghabiskan masa dengan hal yang sia-sia maka lama-kelamaan hafazan mereka akan luput dan hilang. Begitu juga dengan pelajar yang sudah tamat pengajian dinasihatkan supaya hidup dalam suasana amalan keagamaan untuk menjamin al-Quran yang dihafaz sentiasa kekal dalam ingatan. (Ustaz Erzani b. Hussin, 12 Jun 2005)

### 3.10 Ko-Kurikulum Pelajar di Madrasah Quran, Kubang Bujuk.

MQKB juga tidak ketinggalan di dalam melaksanakan kegiatan Ko-Kurikulum kepada pelajar-pelajar mereka untuk meningkatkan lagi tahap motivasi pelajar mereka. Aktiviti-aktiviti yang diterapkan kepada pelajar mereka adalah bertujuan untuk membina sifat sendiri di dalam para *huffaz* di MQKB ini. Antara kegiatan-kegiatan Ko-Kurikulum yang dilaksanakan oleh pihak pentadbir MQKB seperti:

#### 3.10.1 Imam Terawih

Faktor utama yang menjadikan MQKB ini cepat berkembang sehingga menjadi pilihan masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka belajar di Madrasah ini ialah faktor imam terawih. Di bulan Ramadhan, pihak Madrasah akan menghantar para pelajarnya menjadi imam terawih di masjid-masjid di seluruh negara. Ini secara tidak langsung dapat mempromosikan nama Madrasah Quran

Kubang Bujok. Meskipun cara ini agak baru tetapi ia ternyata berkesan dan dapat menimbulkan keghairahan masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka belajar tahfiz al-Quran. Mereka tertarik dengan sahsiah, akhlak dan budi pekerti yang dimiliki oleh para imam-imam terawih ini. (Ustaz Suhaimi b. Ismail, 13 Jun 2005)

Imam terawih hanya diwajibkan kepada mereka yang telah menjadi *hafiz* sahaja. Ini kerana dalam kelas *Alim* ini terdapat mereka yang *hafiz* dan juga yang tidak. Keadaan ini berlaku kerana terdapat pelajar yang tidak mampu untuk menghafaz 30 juzuk al-Quran dari kelas *hafiz* tetapi berminat dalam mempelajari kitab-kitab, mereka akan diserapkan terus ke dalam kelas *Alim*. Pada masa sekarang terdapat lebih kurang 50 orang pelajar yang telah menjadi *hafiz* dalam kelas *Alim* ini manakala separuh lagi tidak. (Ustaz Hj. Ramli b. Muda, 12 Jun 2005)

Menurut Ustaz Mohd Noh b. Supardan (12 Jun 2005), program imam terawih setiap bulan Ramadhan ini dilakukan adalah bertujuan untuk menjaga hafazan al-Quran para pelajar, manakala keluar berdakwah secara berjemaah pula adalah untuk menjaga iman mereka. Terdapat juga para pelajar 'bijak' yang mengamalkan konsep serampang dua mata di mana di samping mereka melakukan program keluar berdakwah secara berjemaah selama 40 hari, mereka juga turut menjadi imam terawih dalam kumpulan jemaah sesama mereka.

### **3.10.2 Keluar Berdakwah**

Salah satu program tetap bagi penuntut di Madrasah ini ialah keluar berdakwah secara berjemaah iaitu selama 40 hari. Ini menjadi syarat bagi setiap pelajar yang berumur 16 tahun ke atas yang baru memulakan pengajian mereka di MQKB ini dan juga bagi pelajar yang telah tamat pengajian menghafaz al-Quran 30 juzuk yang ingin mendapatkan syahadah (sijil perakuan tamat pengajian). Semasa keluar berdakwah 40 hari ini, pelajar yang ingin mendapatkan syahadah perlu menjadi imam di masjid-masjid yang dikunjungi. Segala perilaku, akhlak dan aktiviti membaca al-Quran di waktu lapang menjadi daya tarikan kepada para jemaah masjid dan masyarakat setempat. Ini menggalakkan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka belajar tahfiz al-Quran di Madrasah ini. Apa yang menariknya ialah jemaah

ini dapat menarik sebilangan masyarakat setempat menyertai jemaah tersebut untuk menjalankan aktiviti dakwah di tempat lain pula sehinggalah dakwah mereka selesai dan sama-sama kembali semula ke Madrasatul Quran Kubang Bujuk. Aktiviti ini adalah sepertimana yang telah disebutkan sebagai salah satu syarat kepada pelajar yang ingin meneruskan pengajian mereka MQKB ini. (Ustaz Zaid b. Omar, 13 Jun 2005)

Keluar berdakwah secara berjemaah ini memberi kesan yang baik terhadap hafazan para pelajar yang mana dapat dilihat pada penjagaan iman dan amal mereka. Ini kerana hafazan al-Quran memerlukan kepada hati dan jiwa yang bersih. Justeru itu, apabila para pelajar ini keluar berdakwah secara berjemaah mereka secara tidak langsung akan dapat membaiki iman dan amal mereka. Semasa belajar, para pelajar telah diberi berbagai maklumat dan pengetahuan berkaitan dengan adab dan juga cara untuk menghafaz dan mengingat apa yang dipelajari oleh mereka dengan baik. Mereka tahu dan kenal yang mana perkara yang halal, haram, boleh dilakukan dan yang tidak boleh dilakukan sebagaimana mengikut perintah Allah. Tetapi apabila mereka keluar berdakwah dalam jemaah, mereka akan dianugerahkan kekuatan oleh Allah S.W.T untuk menjaga iman mereka dan menjaga amalan mereka dengan mempraktikkan apa yang dipelajari sebelum ini. (Ustaz Zaid b. Omar, 13 Jun 2005)

Ini merupakan medan latihan bagi mereka untuk merealisasikan ilmu yang dipelajari secara teori dengan menterjemahkannya ke dalam bentuk amalan atau praktikal. Perkara yang halal mereka lakukan dan perkara yang haram mereka tinggalkan. Semasa belajar, mereka hanya mengetahuinya secara teori sahaja, tetapi apabila keluar berdakwah secara berjemaah, mereka dapat mempraktikkan apa yang telah dipelajari oleh mereka selama mereka berada di MQKB. Jika mereka hanya belajar secara teori sahaja tetapi tidak keluar berdakwah secara berjemaah untuk mempraktikkan apa yang dipelajari, maka kekuatan untuk menjaga iman mereka berada pada peringkat yang agak lemah. Secara tidak langsung, mereka akan mudah terpengaruh dan juga kekuatan iman di dalam diri mereka mudah digoyah dengan perkara-perkara yang tidak sepatutnya. (Ustaz Zaid b. Omar, 13 Jun 2005)

## **BAB IV**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.0 Pengenalan**

Pada bab yang ke-4 ini, penyelidik akan membincang dan menghuraikan hasil penganalisan data serta keputusan yang diperoleh berdasarkan maklum balas daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden di setiap Madrasah/Institut Tahfiz Al-Quran yang terlibat. Maklum balas yang dikumpul telah dikaji dari pelbagai aspek untuk menjawab persoalan kajian seperti mana yang telah dinyatakan dalam bab I yang lalu. Data yang telah dikumpul akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 12.0.

Secara keseluruhannya, sebanyak 380 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terlibat iaitu 288 set bagi Madrasah Quran Kubang Bujuk dan baki 85 set lagi kepada Institut Tahfiz Kuala Lumpur. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar tahun 1 hingga tahun 7 ke atas di Madrasah Quran Kubang Bujuk dan tingkatan 1 hingga tingkatan 6 bagi Institut Tahfiz Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, hanya 368 sahaja dikembalikan dan 12 set lagi tidak dikembalikan oleh responden.



Proses penganalisan data bagi soal selidik yang dijalankan adalah bertujuan untuk menentukan kekerapan, peratusan dan min (purata) bagi setiap item yang dikemukakan. Proses tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A (latar belakang responden) dan Bahagian B (analisis dapatan kajian). Bagi Bahagian A yang mengandungi 16 item yang terdiri daripada jantina, umur, tempat asal, tempat tinggal semasa menuntut, bilangan adik beradik, bilangan anak dalam keluarga, tahun pengajian, tahap peperiksaan, pekerjaan bapa, pekerjaan ibu, pekerjaan penjaga, pendidikan bapa, pendidikan ibu, pendidikan penjaga, faktor memilih bidang tahfiz, tahun pengajian, pernah menghafaz sebelum ini atau tidak, jumlah juzuk yang dihafaz sebelum ini, jumlah juzuk yang dihafaz sekarang, bilangan ayat yang dihafaz sehari dan akhir sekali masa yang diperuntukkan untuk menghafaz.

Manakala untuk Bahagian B (analisis dapatan kajian) pula mengandungi item-item soalan yang dibina berpandukan kepada persoalan kajian sepertimana yang telah dimaklumkan sebelum ini. Kesemua hasil analisis dan keputusan daripada soal selidik dapat dilihat melalui jadual-jadual yang dipaparkan selepas ini beserta huraianya.

#### **4.1 Bahagian A (Bahagian I: Latar Belakang Responden)**

Pada bahagian ini, penyelidik akan menghuraikan dan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan latar belakang responden. Ini termasuklah perkara-perkara yang telah dinyatakan pada 4.0 tadi. Penganalisan data pada bahagian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum mengenai latar belakang responden. Jumlah keseluruhan responden ialah sebanyak 368 orang pelajar. Perbincangan pada bahagian ini akan dijelaskan mengikut kategori item yang telah ditetapkan sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual-jadual di bawah.

**Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina**

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
1	Jantina	Lelaki	337	91.6
		Perempuan	31	8.4
<b>Jumlah</b>			<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Jadual 4.1 di atas menunjukkan taburan responden kajian berdasarkan jantina. Secara keseluruhannya, sebanyak 368 orang pelajar telah dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Jadual menunjukkan responden terdiri daripada *lelaki* dan juga *perempuan*. Sebanyak 337 orang pelajar *lelaki* atau meliputi sebanyak 91.6% terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini. Manakala pelajar *perempuan* yang terlibat terdiri daripada 31 orang atau 8.4 % sahaja. Ini menunjukkan responden *lelaki* lebih ramai terlibat berbanding responden *perempuan* dalam penyelidikan ini.

Pemilihan responden daripada lelaki dan juga perempuan adalah bertujuan untuk melihat maklumbalas yang diberikan di antara pelajar lelaki dan perempuan kerana pemikiran dan pemahaman antara lelaki dan perempuan seringkali berbeza.

**Jadual 4.2    Klasifikasi Umur Responden**

<b>Item</b>	<b>Perkara</b>		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
2	Umur	12 tahun ke bawah	30	8.2
		13 – 15 tahun	137	37.2
		16 – 18 tahun	108	29.3
		19 – 21 tahun	62	16.8
		22 – 24 tahun	25	6.8
		25 tahun ke atas	6	1.6
<b>Jumlah</b>			<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Jadual 4.2 di atas menunjukkan klasifikasi bagi umur responden yang terlibat. Jadual di atas menunjukkan bahawa peringkat umur dalam lingkungan *13 hingga 15 tahun* merupakan jumlah yang paling ramai iaitu 137 pelajar atau merangkumi 37.2%. Sementara itu, responden yang berumur dalam lingkungan *25 ke atas* membawa nilai paling sedikit iaitu hanya 1.6% atau enam orang pelajar.

Manakala selebihnya adalah mereka yang berumur dalam lingkungan *16 hingga 18 tahun* iaitu sebanyak 108 orang pelajar (29.3%), dalam lingkungan *19 hingga 21 tahun* sebanyak 62 orang pelajar (16.8%), *12 tahun ke bawah* sebanyak 30 orang pelajar (8.2%) dan dalam lingkungan *22 hingga 24 tahun* dengan jumlah 25 orang pelajar (6.8%).

**Jadual 4.3 Taburan Responden Mengikut Tempat Asal Mereka**

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
3	Tempat Asal	Bandaraya	38	10.3
		Bandar	144	39.1
		Luar Bandar	186	50.5
<b>Jumlah</b>			<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Pada jadual 4.3 taburan responden berdasarkan tempat asal masing-masing sebelum melanjutkan pengajian di Madrasah atau Institut Tahfiz. Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada tiga jawapan yang disediakan, majoriti responden memilih jawapan *luar bandar*. Ini merangkumi jumlah 50.5 % atau bersamaan dengan 186 orang. Manakala sebanyak 144 yang lain atau 39.1% menyatakan mereka berasal dari *bandar*. Sementara itu, 38 orang responden atau 10.3% berasal dari *bandaraya*.

**Jadual 4.4 Klasifikasi Tempat Tinggal Responden Semasa Menuntut**

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
4	Tempat Tinggal	Asrama	363	98.6
		Rumah	5	1.4
<b>Jumlah</b>			<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Pada jadual 4.4 di atas menunjukkan klasifikasi bagi tempat tinggal responden semasa menuntut. Apa yang dapat dilihat di sini ialah daripada 368 orang pelajar yang menjadi responden, sebanyak 363 pelajar atau 98.6% tinggal di *asrama*. Manakala

selebihnya iaitu lima orang atau meliputi 1.4% tinggal di *rumah* masing-masing. Klasifikasi tempat tinggal responden semasa menuntut menunjukkan responden tinggal di asrama melebihi responden tinggal di rumah.

**Jadual 4.5** Klasifikasi Bilangan Adik Beradik

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
5	1 – 2 Orang	12	3.3
	3 – 4 Orang	61	16.6
	5 – 6 Orang	113	30.7
	7 – 8 Orang	104	28.3
	9 – 10 Orang	44	12.0
	11 – 12 Orang	24	6.5
	13 Orang ke atas	10	2.7
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Paparan jadual 4.5 di atas menunjukkan hasil analisis berkenaan klasifikasi bilangan adik beradik responden. Majoriti responden mempunyai bilangan adik beradik seramai *lima hingga enam orang*. Jumlah tersebut merangkumi 113 responden atau 30.7%. Ini diikuti oleh responden yang mempunyai *tujuh hingga lapan orang* adik beradik dengan jumlah mereka sebanyak 104 responden atau 28.3%. Seterusnya adalah bilangan responden yang mempunyai *tiga hingga empat orang* adik beradik dengan jumlah mereka adalah seramai 61 orang atau 16.6%.

Peratus terendah yang dicatatkan adalah pelajar yang mempunyai *13 orang adik beradik ke atas* dengan bilangan mereka adalah 10 orang atau 2.7%. Sementara yang lain adalah sebanyak 44 responden mempunyai *sembilan hingga 10 orang* adik beradik, 24 responden atau 6.5% mempunyai bilangan adik beradik seramai *11 hingga 12 orang* dan 12 responden atau 3.3% terdiri dari mereka yang mempunyai hanya seorang abang atau seorang kakak atau seorang adik.

**Jadual 4.6** Klasifikasi Kedudukan dalam Keluarga

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)	
6	Bilangan Dalam Keluarga	1 – 2	156	42.4
		3 – 4	118	32.1
		5 – 6	57	15.5
		7 – 8	27	7.3
		9 – 10	7	1.9
		11 – 12	2	0.5
		13 ke atas	1	0.3
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>	

$n = 368$

Seterusnya pada jadual 4.6 menunjukkan berkenaan klasifikasi kedudukan responden dalam ahli keluarga mereka. Analisis yang dijalankan oleh penyelidik mendapati bahawa kebanyakan responden terdiri dari *anak sulung atau anak yang kedua* dengan jumlah mereka adalah sebanyak 156 orang atau 42.4%.. Manakala hanya seorang sahaja responden datang dari kedudukan *ke-13 ke atas* dalam ahli keluarga.

Di samping itu juga, jadual menunjukkan sebanyak 118 responden atau 32.1% responden dari anak yang *ketiga dan keempat*. Diikuti anak yang *kelima dan keenam* dengan jumlah respondennya adalah seramai 57 orang. 27 responden atau 7.3% pula berada dalam kedudukan *ketujuh dan kelapan* dalam ahli keluarga mereka. Manakala hanya dua orang responden adalah anak yang *ke-11 dan 12* dalam keluarga masing-masing.

**Jadual 4.7 Taburan Responden Mengikut Tahun Pengajian**

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)	
7	Tahun Pengajian	Tahun 1 – 2	142	38.6
		Tahun 3 – 4	87	23.6
		Tahun 5 – 6	48	13.0
		Tahun 7 ke atas	16	4.3
		Tingkatan 1 – 2	39	10.6
		Tingkatan 3 – 4	27	7.3
		Tingkatan 5 – 6	9	2.4
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>	

$n = 368$

Jadual 4.7 di atas menunjukkan taburan responden kajian berdasarkan tahun pengajian sekarang. Secara keseluruhannya, sebanyak 142 orang atau 38.6% daripada mereka berada pada *tahun 1 dan tahun 2* sekarang di MQKB. Ini diikuti dengan responden yang berada di *tahun 3 dan tahun 4* dengan jumlah 87 responden atau 23.6%. Manakala 48 responden atau 13.0% daripada mereka pula sedang menuntut di *tahun 5*

dan tahun 6 dan sebanyak 4.3% atau 16 orang responden telah menuntut selama *lebih tujuh tahun* di MQKB.

Di IQKL pula, jumlah responden teramai terdiri dari *tingkatan 1 dan tingkatan 2*. Ini diikuti dengan *tingkatan 3 dan tingkatan 4* dengan jumlah respondennya seramai 27 orang atau 7.3%. Manakala sembilan responden atau 2.4% berada di *tingkatan 5 dan tingkatan 6* sekarang di IQKL.

**Jadual 4.8 Taburan Responden Mengikut Tahap Peperiksaan**

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
8	UPSR	305	82.9
	PSRA	8	2.2
	PMR	29	7.9
	PMRU	3	0.8
	SRA	2	0.5
	SPM	8	2.2
	SMA	2	0.5
	STPM	1	0.3
	Lain-lain	10	2.7
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Pada jadual 4.8 menunjukkan taburan responden berdasarkan tahap peperiksaan mereka sebelum melanjutkan pengajian di Madrasah atau Institut ini. Jadual di atas



menunjukkan bahawa mereka yang lulusan atau lepasan *UPSR* menunjukkan jumlah yang paling ramai iaitu 305 pelajar atau merangkumi 82.9%. Ini diikuti oleh mereka yang telah mengambil *PMR* iaitu dengan jumlah respondennya seramai 29 orang atau 7.9%. Sementara itu, responden yang mendapat pendidikan selain yang dinyatakan adalah jumlah ketiga teramai dengan bilangan respondennya adalah 10 orang atau 2.7%.

Lepasan *STPM* merupakan jumlah yang paling kecil dengan hanya seorang responden atau 0.3%. Baki yang lainnya adalah dari lepasan *SPM* dan *PSRA* yang masing-masingnya sebanyak lapan responden atau 2.2%. Begitu juga dengan *SRA* dan *SMA* yang masing-masingnya juga seramai dua orang responden atau 0.5% dan responden yang telah mengambil *PMRU* dengan bilangan mereka sebanyak tiga orang atau 0.8%.

**Jadual 4.9** Klasifikasi Pekerjaan Bapa

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
9	Kakitangan Kerajaan	110	29.9
	Kakitangan Swasta	75	20.4
	Kerja Sendiri	158	42.9
	Pesara	7	1.9
	Meninggal Dunia	18	4.9
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Jadual 4.9 di atas menerangkan berkenaan klasifikasi pekerjaan bapa bagi setiap responden. Umumnya dapat dinyatakan di sini bahawa bapa responden yang *bekerja sendiri* menunjukkan peratusan tertinggi iaitu 42.9% atau meliputi 158 orang. Ini diikuti

pula dengan bapa responden yang berkhidmat sebagai *kakitangan kerajaan* dengan jumlah 110 orang atau 29.9%. Seterusnya ialah mereka yang bekerja sebagai *kakitangan bukan kerajaan* atau *swasta* iaitu sebanyak 75 orang (20.4%) dan juga bapa telah *meninggal dunia* seramai 18 orang (4.9%). Manakala bapa responden yang sudah *bersara* dari perkhidmatan mereka mencatatkan bilangan paling sedikit iaitu sebanyak tujuh orang atau hanya 1.9%.

**Jadual 4.10** Klasifikasi Pekerjaan Ibu

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
10	Kakitangan Kerajaan	60	16.3
	Kakitangan Swasta	19	5.2
	Kerja Sendiri	47	12.8
	Suri Rumah	240	65.2
	Meninggal Dunia	2	0.5
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Jadual 4.10 menunjukkan klasifikasi bagi pekerjaan ibu responden. Secara keseluruhannya, jadual di atas menunjukkan bahawa majoriti ibu responden hanya berperanan sebagai *suri rumah* sepenuh masa. Ia meliputi jumlah sebanyak 240 orang atau bersamaan 65.2%. Manakala ibu telah *meninggal dunia* mencatatkan jumlah paling sedikit iaitu sebanyak 0.5% bersamaan dengan dua orang. Selain itu, hasil kajian mendapati sebanyak 60 ibu respondenn atau 16.3% bekerja sebagai *kakitangan kerajaan*, 12.8% atau sebanyak 47 orang memiliki *kerja sendiri* seperti berniaga, bertani, menoreh getah, bercucuk tanam dan sebagainya. Selebihnya iaitu sebanyak 5.2% atau bersamaan dengan 19 orang bekerja di syarikat-syarikat *swasta* atau *bukan kerajaan*.

**Jadual 4.11 Klasifikasi Pekerjaan Penjaga**

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
11	Pekerjaan Penjaga	Kakitangan Kerajaan	3	0.8
		Kakitangan Swasta	2	0.5
		-	363	98.6
<b>Jumlah</b>			<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Jadual 4.11 di atas menerangkan klasifikasi pekerjaan penjaga bagi lima orang responden yang dijaga atau dipelihara oleh penjaga mereka. Daripada lima orang penjaga tersebut, 0.8% atau tiga orang daripada mereka bekerja dalam sektor kerajaan sebagai kakitangan awam atau *kakitangan kerajaan*. Manakala dua orang lagi penjaga dengan peratusan sebanyak 0.5% berkhidmat dalam sektor swasta sebagai *kakitangan syarikat swasta*. Bagi 363 orang atau sebanyak 98.6% responden dijaga oleh ibu bapa masing-masing sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini.

**Jadual 4.12** Klasifikasi Pendidikan Bapa

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
12	Sekolah Rendah	50	13.6
	Sekolah Menengah	116	31.5
	Maktab/ Kolej	63	17.1
	Universiti	128	34.8
	Lain-lain	11	3.0
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Jadual 4.12 di atas menerangkan berkenaan klasifikasi pendidikan bapa bagi setiap responden. Umumnya dapat dinyatakan di sini bahawa bapa responden yang mendapat pendidikan sehingga peringkat *universiti* menunjukkan peratusan tertinggi iaitu 34.8% atau meliputi 128 orang. Ini diikuti pula dengan bapa responden yang menamatkan pendidikan mereka sehingga *sekolah menengah* dengan jumlah 116 orang atau 31.5%. Seterusnya ialah yang mendapat pendidikan dari maktab atau kolej iaitu sebanyak 63 orang (17.1%), bapa yang hanya mendapat pendidikan setakat *sekolah rendah* sahaja adalah sebanyak 50 orang (13.6%). Manakala bapa responden yang tidak mendapat pendidikan atau mendapat pendidikan dari lain-lain peringkat mencatatkan bilangan paling sedikit iaitu sebanyak 11 orang atau hanya 3.0%

**Jadual 4.13 Klasifikasi Pendidikan Ibu**

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)	
13	Pendidikan Ibu	Sekolah Rendah	60	16.3
		Sekolah Menengah	150	40.8
		Maktab/ Kolej	69	18.8
		Universiti	79	21.5
		Lain-lain	10	2.7
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>	

$n = 368$

Jadual 4.13 menunjukkan klasifikasi bagi pendidikan ibu responden. Secara keseluruhannya, jadual di atas menunjukkan bahawa majoriti ibu responden menamatkan pendidikan mereka sehingga *sekolah menengah* sahaja. Ia meliputi jumlah sebanyak 150 orang atau bersamaan 40.8%. Manakala ibu-ibu yang mempunyai *lain-lain* pendidikan mencatatkan jumlah paling sedikit iaitu sebanyak 2.7% bersamaan dengan 10 orang. Selain itu, hasil kajian mendapati sebanyak 79 ibu responden atau 21.5% mendapat pendidikan sehingga ke peringkat *universiti*, 18.8% atau sebanyak 69 orang mendapat pendidikan dari *maktab atau kolej* dan selebihnya iaitu sebanyak 16.3% atau bersamaan dengan 60 orang yang mendapat pendidikan hanya setakat *sekolah rendah*.

**Jadual 4.14 Klasifikasi Pekerjaan Penjaga**

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
14	Sekolah Rendah	1	0.3
	Sekolah Menengah	1	0.3
	Maktab/ Kolej	-	-
	Universiti	3	0.8
	-	363	98.6
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Jadual 4.14 di atas menerangkan klasifikasi pendidikan penjaga bagi lima orang responden yang dijaga atau dipelihara oleh penjaga mereka. Daripada lima orang penjaga tersebut, 0.8% atau tiga orang daripada mereka mendapat pendidikan sehingga ke peringkat *universiti*. Selebihnya iaitu masing masing seorang dengan peratusan sebanyak 0.3% menamatkan pendidikan mereka sehingga sehingga *sekolah menengah* dan *sekolah rendah*. Bagi 363 orang atau sebanyak 98.6% responden yang dijaga oleh ibu bapa masing-masing telah dijelaskan pendidikan ibu bapa masing-masing sebelum ini.

**Jadual 4.15 Taburan Kekerapan Dan Peratus Faktor Memilih Bidang Tahfiz**

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
15	Faktor Memilih Bidang Tahfiz	Pilihan Sendiri	285	77.4
		Pilihan Ibu Bapa	71	19.3
		Nasihat Guru	3	0.8
		Mengikut Kawan	2	0.5
		Lain-lain	7	1.9
<b>Jumlah</b>			<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Jadual 4.15 menunjukkan kekerapan dan juga peratusan faktor responden memilih bidang tahfiz al-Quran. Berdasarkan analisis dilakukan, penyelidik mendapati sebanyak 285 orang responden atau meliputi sebanyak 77.4% memilih bidang tahfiz al-Quran atas *pilihan sendiri* atau kerana minat mereka terhadap hafazan al-Quran. Bakinya yang lain iaitu sebanyak 19.3% yang merangkumi bilangan sebanyak 71 orang memilih bidang tahfiz al-Quran atas *pilihan ibu bapa* masing-masing yang ingin melihat anak mereka menjadi *huffaz*. 1.9% atau tujuh orang responden memilih *sebab-sebab lain* seperti pilihan datuk, mengikut abang dan sebagainya. 0.8% atau tiga orang atas *nasihat guru* dan dua orang atau 0.5% memilih bidang ini kerana *mengikut kawan*.

**Jadual 4.16 Taburan Kekerapan dan Peratus Tempoh Pengajian Yang Telah Dilalui Responden**

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)	
16	Tempoh Pengajian	1 – 2 Tahun	187	50.8
		3 – 4 Tahun	96	26.1
		5 – 6 Tahun	51	13.9
		7 Tahun ke atas	34	9.2
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>	

$n = 368$

Jadual 4.16 yang tertera di atas menunjukkan taburan kekerapan dan peratus tentang tempoh pengajian yang telah dilalui oleh responden. Secara keseluruhannya, sebanyak 368 responden telah terpilih untuk menjawab soal selidik yang dikemukakan, sebanyak 187 orang atau 38.6% daripada mereka baru memulakan pengajian di Madrasah/Institut masing-masing kerana baru menamatkan sesi pengajian selama *setahun dan dua tahun*. Ini diikuti dengan responden yang berada berada selama *tiga hingga empat tahun* di Madrasah/Institut masing-masing dengan jumlah mereka sebanyak 96 orang responden atau 26.1%. Manakala 51 responden atau 13.9% daripada mereka pula telah menamatkan *lima dan enam tahun* di sana dan sebanyak 9.2% atau 34 orang responden pula telah menuntut selama *tujuh tahun atau lebih* di Madrasah/Institut masing-masing.



**Jadual 4.17 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Pernah Menghafaz Al-Quran Sebelum Memasuki Madrasah/Institut Ini**

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
17	Pernah Menghafaz Al-Quran	Pernah	192	52.2
		Tidak	176	47.8
<b>Jumlah</b>			<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Jadual 4.17 pula menunjukkan berkenaan kekerapan dan juga peratusan bagi responden yang pernah menghafaz al-Quran sebelum ini iaitu sebelum memasuki Madrasah atau Institut Tahfiz ini. Didapati bahawa sebanyak 192 orang responden atau merangkumi sebanyak 52.2% *pernah* menghafaz al-Quran sebelum mereka melanjutkan pengajian tahfiz di Madrasah atau Institut Tahfiz ini. Sebanyak 47.8% atau merangkumi bilangan sebanyak 176 orang *belum pernah* menghafaz al-Quran sebelum memasuki Madrasah atau Institut ini. Respon ini penting untuk mengetahui pernah atau tidak responden menghafaz al-Quran sebelum memasuki Madrasah atau Institut tahfiz masing-masing.

**Jadual 4.18 Taburan Kekerapan Dan Peratus Jumlah Juzuk Yang Dihafaz Responden Sebelum Memasuki Madrasah/Institut Ini**

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)	
18	Jumlah Juzuk yang telah Dihafaz	1 – 5 Juzuk	106	28.8
		6 – 10 Juzuk	16	4.3
		11 – 15 Juzuk	13	3.5
		16 – 20 Juzuk	4	1.1
		21 – 25 Juzuk	1	0.3
		26 – 29 Juzuk	2	0.5
		30 Juzuk	50	13.6
		-	176	47.8
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>	

$n = 368$

Seterusnya pada jadual 4.18 menunjukkan berkenaan taburan kekerapan dan peratus jumlah juzuk yang telah dihafaz oleh responden sebelum mereka mendaftarkan diri di Madrasah atau Institut ini. Penyelidik mendapati kebanyakan responden belum menghafaz al-Quran sebelum memasuki Madrasah atau Institut ini memandangkan Madrasah atau Institut ini merupakan pusat hafazan tahfiz yang pertama bagi mereka. Jumlah tersebut adalah sebanyak 47.8% atau bersamaan 176 responden. Ini diikuti dengan sejumlah 106 orang atau 28.8% telah menghafaz antara *satu hingga lima juzuk* secara sendiri-sendiri. Seterusnya sebanyak 50 responden atau 13.6% telah khatam menghafaz *30 juzuk* al-Quran sebelum memasuki Madrasah atau Institut ini. Ini menerangkan bahawa mereka ingin menyambung dan melengkapkan lagi pengajian tahfiz mereka di Madrasah atau Insititusi pengajian tahfiz ini.

Manakala hanya seorang sahaja atau 0.3% menyatakan telah menghafaz antara *21 hingga 25 juzuk* al-Quran sebelum memasuki Madrasah atau Institut ini. Baki yang

lain adalah sejumlah 16 responden atau 4.3% telah menghafaz sekitar *enam hingga 10 juzuk*, 13 responden telah menghafaz sebanyak *11 hingga 15 juzuk*, empat responden atau 1.1% telah menghafaz antara *16 hingga 20 juzuk* dan dua orang responden (0.5%) telah menghafaz sebanyak *26 hingga 29 juzuk* al-Quran sebelum memasuki Madrasah atau Institut ini.

**Jadual 4.19 Taburan Kekerapan dan Peratus Jumlah Juzuk Yang Telah Dihafaz Setakat Ini**

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)	
19	Jumlah Juzuk Yang Telah Dihafaz	1 – 5 Juzuk	94	25.5
		6 – 10 Juzuk	44	12.0
		11 – 15 Juzuk	42	11.4
		16 – 20 Juzuk	25	6.8
		21 – 25 Juzuk	13	3.5
		26 – 29 Juzuk	12	3.3
		30 Juzuk	138	37.5
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>	

$n = 368$

Jadual 4.19 menerangkan berkenaan taburan kekerapan dan peratusan jumlah juzuk yang berjaya dihafaz oleh responden setakat ini. Hasil analisis mendapati mereka yang telah khatam menghafaz *30 juzuk* al-Quran menunjukkan jumlah paling ramai iaitu sebanyak 138 orang atau bersamaan 37.5%. Responden yang baru menghafaz antara *satu hingga lima juzuk* pula mencatatkan bilangan kedua tertinggi iaitu sebanyak 94

orang atau 25.5% . Sementara itu, terdapat 44 responden atau 12.0% yang berjaya menghafaz antara *enam hingga 10 juzuk*.

Jumlah yang paling sedikit dicatatkan adalah sebanyak 12 responden atau 3.3% yang berjaya menghafaz antara *26 hingga 29 juzuk al-Quran*. Manakala baki yang lain adalah sebanyak 42 responden atau 11.4% telah menghafaz sebanyak *11 hingga 15 juzuk*, 25 orang atau 6.8% pula telah menghafaz antara *16 hingga 20 juzuk* dan 13 responden atau 3.5% telah menghafaz antara *21 hingga 25 juzuk al-Quran*.

**Jadual 4.20 Taburan Kekerapan Dan Peratus Jumlah Ayat Dihafaz Dalam Sehari**

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
20	Beberapa Ayat	9	2.4
	Setengah Muka Surat	25	6.8
	Satu Muka Surat	259	70.4
	Satu Rubu' (Satu Maqra')	58	15.8
	Dua Rubu' (Dua Maqra')	7	1.9
	Tiga Rubu' (Tiga Maqra')	5	1.4
	Satu Hizb (10m.s ke atas)	2	0.5
	Lebih Dari Satu Hizb	3	0.8
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>

*n* = 368

Jadual 4.20 di atas menunjukkan berkenaan taburan kekerapan dan peratusan bagi jumlah ayat yang dihafaz oleh responden dalam sehari. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 259 responden atau 70.4% menghafaz sebanyak *satu muka surat* sehari. Ini diikuti oleh 58 responden atau 15.8% menghafaz sebanyak *satu rubu' atau satu maqra* sehari. Manakala 25 orang responden atau 6.8% pula menghafaz sebanyak *setengah muka surat* sehari.

Baki yang lain adalah sebanyak 2.4% atau sembilan orang menghafaz *beberapa ayat* sahaja sehari, tujuh orang responden atau 1.9% menghafaz sebanyak *dua rubu' atau dua maqra'*, 1.4% atau lima orang responden menghafaz sebanyak *tiga rubu' atau tiga maqra'*, 3 orang responden atau 0.8 peratus menghafaz *lebih dari satu hizb* sehari manakala 0.5% atau sejumlah dua orang menghafaz sebanyak *satu hizb atau sekurang-kurangnya 10 muka surat* sehari.

**Jadual 4.21 Taburan Kekerapan dan Peratus Peruntukkan Masa Untuk Menghafaz Dalam Sehari**

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
21	Satu Jam	117	31.8
	Dua Jam	80	21.7
	Tiga jam	44	12.0
	Empat Jam	18	4.9
	Lima Jam	25	6.8
	Enam Jam	36	9.8
	Lain-lain	48	13.0
<b>Jumlah</b>		<b>368</b>	<b>100%</b>

$n = 368$

Jadual 4.21 menunjukkan analisis berkenaan taburan kekerapan dan peratusan masa yang diperuntukkan oleh responden untuk menghafaz dalam sehari. Terdapat tujuh pilihan jawapan yang disediakan oleh penyelidik. Setelah analisis data dilakukan, didapati bahawa kebanyakan responden memberikan respon dengan menyatakan, peruntukan masa untuk mereka menghafaz al-Quran dalam sehari adalah selama *satu jam* masa. Bilangan tersebut merangkumi sebanyak 31.8% atau bersamaan 117 responden.

Manakala sebanyak 80 responden atau 21.7% menyatakan masa yang mereka peruntukkan dalam sehari untuk menghafaz ialah selama *dua jam*. Ini diikuti pula dengan sebanyak 48 responden atau 13.0% memberikan respons *lain-lain* selain yang dinyatakan. Ini termasuklah masa yang diperuntukkan kurang sejam bagi mereka yang telah khatam (sekadar untuk mengingat kembali) dan lebih dari enam jam sehari.

Sementara itu, 12.0% atau 44 responden memperuntukkan masa selama *tiga jam* sehari, 9.8% atau 36 responden memperuntukkan masa selama *enam jam* sehari dan 25 responden atau 6.8% memperuntukkan masa selama *lima jam*. Manakala pilihan jawapan empat jam adalah yang paling sedikit dipilih oleh responden iaitu seramai 18 orang atau sebanyak 4.9%.

#### **4.2 Bahagian B (Bahagian II: Sistem Pembelajaran dan Bahagian III: Kaedah-kaedah Hafazan Yang Efektif, Masalah dan Cara Penyelesaiannya)**

Bahagian B ini mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan sistem pembelajaran dan kaedah-kaedah hafazan yang efektif. Secara keseluruhannya, sebanyak 130 item soalan telah dibina dan ia dibina berasaskan kepada tiga persoalan kajian yang telah dihuraikan sebelum ini. Kesemua item soalan yang dibentuk juga menggunakan format Skala Likert bagi memudahkan proses penyelidikan yang dijalankan. Format tersebut bertujuan untuk memberi kemudahan kepada responden untuk membuat pilihan jawapan secara tepat dan fleksibel. Skala Likert tersebut terdiri daripada lima kategori skor iaitu **1 = (Sangat Tidak setuju)**, **2 = (Tidak Setuju)**, **3 = (Kurang Setuju)**, **4 = (Setuju)** dan **5 = (Sangat Setuju)**.

Proses penganalisan data pada bahagian ini dilaksanakan untuk mendapatkan hasil kajian secara lebih terperinci berdasarkan setiap satu item soalan yang dikemukakan. Penganalisan data ini akan dibuat dengan merujuk skor kekerapan, peratus dan juga min (purata).

Bagi memudahkan proses analisis dijalankan, item-item soalan yang dibangunkan telah dibahagikan kepada tiga objektif kajian seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini. Ini termasuklah sistem pembelajaran yang dilaksanakan di

Madrasah atau Institut Tahfiz Al-Quran, kaedah-kaedah hafazan yang digunapakai dan masalah-masalah yang berkaitan dengan bidang hafazan al-Quran.

#### 4.2.1 Bahagian II: Sistem Pembelajaran Yang Dilaksanakan Di Madrasah/ Institut Tahfiz Al-Quran

Bagi objektif yang pertama ini, penyelidik telah menyediakan 45 item soalan yang berkaitan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Maklum balas ini penting dalam usaha untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan sistem pembelajaran yang dilaksanakan. Berikut dipaparkan keputusan analisis daripada item-item soalan tersebut bersama-sama huraianannya.

**Jadual 4.22 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berkenaan Sistem Pembelajaran Dua Aliran Lebih Sesuai Berbanding Satu Aliran**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
1	Sistem pembelajaran dua aliran (tahfiz dan akademik) adalah lebih sesuai berbanding satu aliran (tahfiz sahaja).	1	110	29.9	2.69
		2	70	19.0	
		3	78	21.2	
		4	43	11.7	
		5	67	18.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.22 di atas menunjukkan taburan sistem pembelajaran dua aliran yang dilaksanakan di Madrasah/Institut berdasarkan kekerapan, peratus dan juga min. Hasil daripada kajian mendapati bahawa kebanyakan responden menyatakan *sangat tidak setuju* dengan item yang dikemukakan. Ini merangkumi bilangan sebanyak 110 orang atau bersamaan dengan 29.9%. Manakala jumlah responden yang *setuju* mencatatkan nilai paling sedikit iaitu sebanyak 11.7% atau hanya 43 orang. Sementara itu, sebanyak



70 orang atau 19.0% menyatakan *tidak setuju*, 78 orang atau 21.2% *kurang setuju* dan mereka yang memberikan jawapan *sangat setuju* menunjukkan bilangan sebanyak 67 orang atau 18.2%.

Penyelidik mendapati bahawa lebih daripada separuh responden yang terlibat menunjukkan bahawa mereka tidak setuju sistem pembelajaran dua aliran iaitu akademik dan tahfiz dilaksanakan berbanding satu aliran tahfiz sahaja. Responden yang setuju perlaksanaan sistem pembelajaran dua aliran di pusat tahfiz al-Quran berbanding satu aliran menunjukkan peratusan sekitar 30% sahaja. Min keseluruhan bagi item yang pertama ini ialah 2.69.

**Jadual 4.23 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berkaitan Peraturan Di Madrasah/Institut Membantu Responden Memperolehi Hafazan Yang Baik**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
2	Peraturan di Madrasah/Institut membantu saya mendisiplinkan diri untuk memperolehi hafazan yang baik.	1	6	1.6	4.52
		2	2	0.5	
		3	19	5.2	
		4	107	29.1	
		5	234	63.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.23 menunjukkan kekerapan dan peratus peraturan di Madrasah/Institut membantu responden mendisiplinkan diri untuk memperolehi hafazan yang baik. Didapati bahawa majoriti responden *sangat setuju* dengan item yang dikemukakan. Jumlah tersebut meliputi sebanyak 63.6% atau bersamaan dengan 234 orang responden. Manakala responden yang memberikan jawapan *setuju* menunjukkan bilangan sebanyak 107 responden atau menyamai 29.1%.

Berdasarkan kepada jadual di atas juga, hasil analisis mendapati sebanyak 5.2% atau mewakili 19 orang responden menyatakan *kurang setuju* serta 1.6% yang berikutnya atau enam orang berpandangan *sangat tidak setuju*. Di samping itu juga, responden yang *tidak setuju* mencatatkan jumlah sebanyak dua orang atau mewakili 0.5%. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah 4.52

**Jadual 4.24 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berkenaan Jadual Pembelajaran Di Madrasah/Institut Sesuai Untuk Menghafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
3	Jadual pembelajaran di Madrasah/ Institut adalah sesuai untuk menghafaz.	1	4	1.1	4.51
		2	6	1.6	
		3	23	6.3	
		4	100	27.2	
		5	235	63.9	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Item yang seterusnya ini pula untuk mengetahui jadual pembelajaran di Madrasah/Institut adalah sesuai untuk menghafaz. Jika dilihat pada jadual 4.24 di atas, didapati bahawa kebanyakan responden memberikan jawapan *sangat setuju* dengan soalan yang dikemukakan. Jumlah tersebut merangkumi 63.9% atau bersamaan 235 orang responden. Bagi mereka yang memilih skor 4 (*setuju*) pula mencatatkan jumlah sebanyak 100 orang responden atau menyamai 27.2%. Selain itu juga, analisis mendapati terdapat 23 orang responden atau bersamaan 6.3% yang *kurang bersetuju* serta enam (1.6%) dan empat (1.1%) yang lain pula memberikan respons *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ke-3 ini. Min yang direkodkan bagi item ini ialah 4.51.

**Jadual 4.25 Taburan Kekerapan Dan Peratus Kaedah Hafazan Yang Digunakan Amat Berkesan Dan Sistematis**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
4	Kaedah hafazan yang digunakan amat berkesan dan sistematik.	1	2	0.5	4.54
		2	5	1.4	
		3	22	6.0	
		4	102	27.7	
		5	237	64.4	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya jadual 4.25 di atas memaparkan analisis berkenaan kaedah hafazan yang digunakan oleh Madrasah/Institut sama ada amat berkesan dan sistematik atau sebaliknya. Dapatan kajian menunjukkan peratusan tertinggi terletak pada skor jawapan *sangat setuju* dengan jumlah sebanyak 64.4% atau merangkumi sebanyak 237 orang responden. Catatan kedua tertinggi ialah sebanyak 27.7% atau bersamaan 102 orang responden yang direkodkan bagi skor *setuju*, manakala 22 yang lain atau 6.0% menyatakan respons, *kurang setuju* terhadap item yang dikemukakan. Di samping itu, terdapat tujuh orang responden atau meliputi 1.9% menyatakan pandangan *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Masing-masing 5 orang responden bagi skor *tidak setuju* dan bakinya untuk jawapan *sangat tidak setuju*.

Untuk item ini, penyelidik telah mengenal pasti bahawa kaedah hafazan yang digunakan di Madrasah/Institut amat berkesan dan sistematik dengan lebih 90% menyatakan demikian. Ini adalah merujuk kepada min yang diperoleh sebanyak 4.54.

**Jadual 4.26 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berkenaan Hubungan Tenaga Pengajar dengan Pelajar**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
5	Hubungan tenaga pengajar dengan pelajar adalah baik	1	5	1.4	4.55
		2	5	1.4	
		3	13	3.5	
		4	105	28.5	
		5	240	65.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.26 di atas pula menerangkan berkaitan hubungan tenaga pengajar dengan responden adalah baik. Hasil kajian mendapati keputusan yang diperoleh hampir sama dengan item sebelum ini. Skor *sangat setuju* menunjukkan jumlah terbanyak dengan 240 orang responden atau merangkumi 65.2%. Ini diikuti pula dengan skor *setuju* dengan jumlah sebanyak 105 orang responden atau 28.5%. Terdapat 13 orang responden atau bersamaan 3.5% yang memberikan respons *kurang setuju*, masing-masing lima orang atau 1.4% menyatakan *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Catatan min yang diperoleh iaitu 4.55 menggambarkan bahawa hubungan tenaga pengajar dengan pelajar amat baik.

**Jadual 4.27 Taburan Kekekapan Dan Peratus Berkaitan Kelayakan Tenaga Pengajar**

Item	Perkara	Skor	Kekekapan	Peratus (%)	Min
6	Tenaga pengajar terdiri daripada mereka yang benar-benar berkelayakan.	1	4	1.1	4.55
		2	4	1.1	
		3	17	4.6	
		4	105	28.5	
		5	238	64.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.17 di atas memaparkan analisis tentang kekekapan dan peratus kelayakan tenaga pengajar iaitu adakah mereka terdiri daripada orang yang benar-benar berkelayakan? Di dapati majoriti responden *sangat setuju* tentang pendapat demikian. Sebanyak 238 atau 64.7% daripada jumlah keseluruhan responden memilih skor berkenaan. Penyelidik juga mendapati hanya masing-masing empat responden atau 1.1% *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ini.

Manakala sebanyak 105 orang responden dan 17 yang lain memilih untuk skor *setuju* dan *kurang setuju*. Masing-masing membawa jumlah sebanyak 28.5% dan 4.6%. Catatan min yang diperolehi adalah 4.55.

**Jadual 4.28 Taburan Kekerapan Dan Peratus Keperluan Aktiviti Sukan di Madrasah/Institut**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
7	Aktiviti sukan adalah perlu di Madrasah/ Institut tahfiz.	1	2	0.5	4.62
		2	1	0.3	
		3	9	2.4	
		4	112	30.4	
		5	244	66.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Pada jadual 4.28 menunjukkan hasil analisis berkenaan keperluan aktiviti sukan di Madrasah/Institut. Peratusan tertinggi direkodkan bagi skor *sangat setuju* iaitu sebanyak 66.3% atau sejumlah 244 orang responden, manakala peratusan terendah ialah pada skor *tidak setuju* iaitu sebanyak 0.3% atau menyamai seorang responden. Ini diikuti dengan skor terendah yang kedua iaitu *sangat tidak setuju* dengan peratusnya adalah 0.5% atau dua orang responden. Sebanyak 112 orang responden atau 30.4% didapati menyatakan *setuju* dan baki sembilan orang responden atau 2.4% yang lain menyatakan *kurang setuju* terhadap item ini.

Min yang direkodkan bagi item ini ialah sebanyak 4.62. Penyelidik mendapati para responden amat meminati dan memerlukan aktiviti sukan di Madrasah/Institut di samping pengajian tahfiz mereka sebagai aktiviti sampingan untuk menyegarkan tubuh badan dan menghilangkan tekanan belajar.

**Jadual 4.29 Taburan Kekerapan Dan Peratus Suasana Pembelajaran Yang Dikelilingi Penghafaz Al-Quran Membantu Responden Menghafaz Dengan Baik**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
8	Suasana pembelajaran yang dikelilingi penghafaz al-Quran membantu saya untuk menghafaz dengan baik.	1	4	1.1	4.59
		2	2	0.5	
		3	20	5.4	
		4	89	24.2	
		5	253	68.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Suasana pembelajaran yang kondusif dan dikelilingi para *huffaz* amat penting bagi penghafaz al-Quran untuk membantu mereka menghafaz dengan baik. Ini terbukti dalam jadual 4.29 di atas dengan 253 orang responden atau 68.8% *sangat bersetuju* dengan pendapat sedemikian. Diikuti oleh 89 orang responden atau 24.2% menyatakan *setuju* terhadap item ini.

Namun terdapat juga sebanyak 20 responden (5.4%) yang memberikan maklum balas *kurang setuju*, dua orang responden atau 0.5% menyatakan *tidak setuju* dan baki empat orang lagi iaitu sebanyak 1.1% menyatakan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Min yang direkodkan bagi item ini ialah sebanyak 4.52.

**Jadual 4.30 Taburan Kekerapan Dan Peratus Aktiviti Menghafaz Dapat Meningkatkan Daya Ingatan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
9	Aktiviti-aktiviti menghafaz yang dijalankan dapat meningkatkan daya ingatan.	1	3	0.8	4.52
		2	2	0.5	
		3	19	5.2	
		4	119	32.3	
		5	225	61.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Paparan jadual 4.30 di atas adalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti menghafaz yang dijalankan dapat meningkatkan daya ingatan. Secara dasarnya, analisis menunjukkan majoriti responden *sangat bersetuju* dengan item ini. Ia merangkumi jumlah sebanyak 61.1% atau bersamaan 225 orang responden. 119 orang yang lain atau mewakili 32.3% pula memilih skor *setuju*, 19 responden (5.2%) *kurang setuju* serta dua responden (0.5%) lagi menyatakan *tidak setuju*. Manakala didapati sejumlah tiga orang responden atau bersamaan 0.8% responden memilih *sangat tidak setuju* tentang aktiviti-aktiviti menghafaz yang dijalankan dapat meningkatkan daya ingatan.

Catatan min bagi item ini pula ialah 4.52. Ini menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti menghafaz yang dijalankan dapat meningkatkan daya ingatan adalah pada tahap yang tinggi.



**Jadual 4.31 Taburan Kekerapan Dan Peratus Keyakinan Responden Menghafaz Dengan Baik Dalam Ketidacukupan Kelengkapan Sekolah**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
10	Saya yakin dapat menghafaz dengan baik walaupun kelengkapan sekolah tidak mencukupi.	1	2	0.5	4.33
		2	3	0.8	
		3	41	11.1	
		4	147	39.9	
		5	175	47.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jika item sebelum ini menghuraikan berkenaan aktiviti menghafaz, item seterusnya ini pula akan memaparkan berkenaan keyakinan responden untuk menghafaz dengan baik dalam keadaan kelengkapan sekolah (Madrasah/Institut) yang tidak mencukupi seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual 4.31 dia atas. Majoriti responden masih lagi *sangat bersetuju* bahawa mereka yakin dapat menghafaz dengan baik meskipun dalam keadaan serba kekurangan. Skor tersebut merangkumi 47.6% atau sebanyak 175 orang responden. Ini diikuti pula dengan responden yang memberikan respons *setuju* iaitu sebanyak 147 orang atau menyamai 39.9%.

Selain itu juga, sebanyak 11.1% atau 41 orang responden menyatakan *kurang setuju*, tiga orang atau 0.8% untuk *tidak setuju* dan dua yang lain *tidak setuju* sama sekali terhadap item berkenaan. Dari segi catatan min pula adalah berada pada tahap tinggi. Tidak banyak berubah dari item sebelumnya iaitu sebanyak 4.33.

**Jadual 4.32 Taburan Kekerapan Dan Peratus Keprihatinan Tenaga Pengajar Terhadap Masalah Yang Dihadapi Responden Dalam Menghafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
11	Tenaga pengajar mengambil berat masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menghafaz.	1	4	1.1	4.42
		2	4	1.1	
		3	27	7.3	
		4	130	35.3	
		5	203	55.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya pada jadual 4.32 di atas menunjukkan analisis berkenaan taburan kekerapan dan peratus berdasarkan keperihatinan tenaga pengajar terhadap masalah yang dihadapi oleh responden dalam menghafaz. Penyelidik sudah menjangkakan bahawa majoriti responden akan memilih skor *sangat setuju* dan *setuju* untuk item ini. kedua-dua skor sahaja sudah merangkumi sebanyak 90.5% dengan masing-masing sebanyak 203 dan 130 responden.

Namun begitu, terdapat 27 orang responden atau mewakili 7.3% yang *kurang setuju* tenaga pengajar mengambil berat masalah hafazan pelajar. Manakala masing-masing empat orang responden atau 1.1% menyatakan *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah sebanyak 4.42. Ini menunjukkan bahawa sememangnya tenaga pengajar mengambil berat masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menghafaz al-Quran.

**Jadual 4.33 Taburan Kekerapan Dan Peratus Peraturan Yang Ditetapkan Membebaskan Responden**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
12	Peraturan yang ditetapkan memberatkan para pelajar.	1	71	19.3	2.88
		2	66	17.9	
		3	109	29.6	
		4	81	22.0	
		5	41	11.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.33 di atas memaparkan berkenaan kekerapan peraturan yang ditetapkan memberatkan para pelajar. Hasil analisis mendapati bahawa kebanyakan responden memilih skor *kurang setuju* iaitu dengan jumlah 29.6% atau bersamaan 109 orang. Responden yang menyatakan keputusan *setuju* pula mencatatkan jumlah kedua tertinggi dengan 22.0% atau sebanyak 81 orang.

Manakala 71 orang atau 19.3% lagi memberikan respons *sangat tidak bersetuju*. Analisis juga mendapati bahawa 66 responden yang memilih jawapan *tidak setuju* dan baki 41 lagi untuk skor *sangat setuju*. Masing-masing membawa jumlah sebanyak 17.9% dan 11.1%. Min yang direkodkan bagi item ini ialah 2.88.

**Jadual 4.34 Taburan Kekerapan Dan Peratus Maahad/Institut Tahfiz Dua Aliran Membebankan Responden**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
13	Maahad/ Institut tahfiz yang mempunyai dua aliran membebankan pelajar.	1	52	14.1	3.44
		2	41	11.1	
		3	67	18.2	
		4	108	29.3	
		5	100	27.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya pada jadual 4.34 yang dipaparkan di atas menerangkan berkenaan Maahad/Institusi tahfiz yang mempunyai dua aliran membebankan para responden. Di dapati bahawa majoriti responden memilih untuk *setuju* dengan item ini. sebanyak 108 orang responden atau mewakili 29.3% berpandangan sedemikian. Di tambah pula sebanyak 100 orang lain atau 27.2 yang menyatakan *sangat setuju* bahawa Maahad/Institusi yang mempunyai dua aliran membebankan pelajar.

Di samping itu, analisis mendapati sebanyak 67 orang responden atau 18.2% merasakan *kurang setuju* terhadap item ini. Manakala 52 yang lain atau 14.1% menyatakan *sangat tidak setuju* dan 41 orang responden atau 11.1% memilih skor *tidak setuju*. Min yang direkodkan bagi item 13 ini ialah 3.44.

**Jadual 4.35 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mata Pelajaran Akademik Di Madrasah/Institut Menjejaskan Hafazan Responden**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
14	Mata pelajaran akademik di Madrasah/ Institut menjejaskan hafazan saya.	1	43	11.7	3.55
		2	43	11.7	
		3	65	17.7	
		4	104	28.3	
		5	113	30.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.35 yang ditayangkan di atas merupakan analisis berkenaan mata pelajaran akademik di Madrasah/Institut menjejaskan hafazan al-Quran. Sebanyak 215 orang responden atau mewakili 59.0% dari kalangan responden *sangat bersetuju* dengan item yang disediakan. Ini termasuklah 104 daripadanya menyatakan *setuju*, manakala selebihnya memilih untuk *sangat setuju*. Jumlah responden yang menandakan pada skor *kurang setuju* juga menunjukkan bilangan yang agak sederhana iaitu sebanyak 65 orang atau bersamaan 17.7%.

Analisis juga mengenal pasti masing-masing hanya 43 orang responden atau 11.7% yang *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Min yang dicatatkan adalah sebanyak 3.55.

**Jadual 4.36 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Akan Cuba Berpindah Jika Terdapat Madrasah/Institut Yang Lebih Baik Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazannya**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
15	Jika terdapat Madrasah/ Institut yang menggunakan sistem pembelajaran dan kaedah hafazan yang lebih baik saya akan cuba untuk berpindah.	1	96	26.1	2.76
		2	72	19.6	
		3	79	21.5	
		4	66	17.9	
		5	55	14.9	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Dapatan kajian yang dipaparkan dalam jadual 4.36 di atas ialah berkenaan kekerapan responden untuk berpindah jika terdapat Madrasah/Institut yang menggunakan sistem pembelajaran dan kaedah hafazan yang lebih baik. Jadual di atas menunjukkan responden yang tidak bersetuju lebih banyak berbanding responden yang bersetuju.

Sebanyak 96 orang responden atau bersamaan 26.1% menyatakan skor *sangat tidak setuju* untuk item ini di samping 72 yang lain atau mewakili 19.6% memberikan respons *tidak setuju*. Manakala skor *kurang setuju* pula menunjukkan jumlah sebanyak 21.5% atau sebanyak 79 orang responden. Responden yang memilih skor *setuju* adalah sebanyak 66 orang atau 17.9% dan catatan paling sedikit direkodkan pada skor *sangat setuju* iaitu sebanyak 55 orang sahaja atau menyamai 14.9%. Min yang dicatatkan ialah sebanyak 2.76.

**Jadual 4.37 Taburan Kekerapan Dan Peratus Galakkan Tenaga Pengajar Kepada Responden Untuk Menghafaz Dan Memelihara Hafazan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
16	Tenaga pengajar sentiasa memberikan semangat untuk menghabiskan hafazan dan dapat memeliharanya dengan baik.	1	2	0.5	4.62
		2	3	0.8	
		3	10	2.7	
		4	104	28.3	
		5	249	67.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya jadual 4.37 di atas menerangkan berkenaan kekerapan responden menerima galakan dan sokongan moral dari tenaga pengajar untuk menghabiskan hafazan dan memeliharanya dengan baik. Analisis mendapati majoriti responden *sangat bersetuju* terhadap item ini. sebanyak 249 orang responden atau mewakili 67.7% memberikan respons *sangat setuju*, manakala 104 yang lain atau bersamaan 28.3% menyatakan untuk skor *setuju*. Peratusan yang tinggi bagi kedua-dua skor ini membuktikan bahawa tenaga pengajar sentiasa memberikan semangat kepada responden untuk menghabiskan hafazan dan memeliharanya dengan baik.

Namun begitu, terdapat 2.7% dari kalangan responden yang berasa *kurang setuju* terhadap item ini. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat tiga orang responden atau menyamai 0.8% yang memberikan skor *tidak setuju* serta baki dua yang lain berpandangan *sangat tidak setuju*. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah 4.62.

**Jadual 4.38 Taburan Kekerapan Dan Peratus Kegiatan Kerohanian Di Madrasah/Institut Membantu Responden Menguatkan Hafazan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
17	Kegiatan kerohanian di Madrasah/ Institut membantu pelajar menguatkan hafazan mereka.	1	5	1.4	4.56
		2	1	0.3	
		3	20	5.4	
		4	98	26.6	
		5	244	66.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Analisis pada jadual 4.38 di atas memaparkan taburan kekerapan kegiatan kerohanian di Madrasah/Institut membantu menguatkan hafazan para pelajar. Di dapati bahawa hanya 26 orang responden yang tidak bersetuju terhadap item ini. 20 daripadanya menyatakan skor *kurang setuju*, seorang menyatakan skor *tidak setuju* dan selebihnya skor *sangat tidak setuju*. Masing-masing membawa jumlah peratus sebanyak 5.4%, 0.3% dan 1.4%.

Penyelidik mendapati majoriti responden bersetuju bahawa kegiatan kerohanian di Madrasah/Institut membantu pelajar menguatkan hafazan mereka. Sebanyak 244 daripadanya memberikan skor *sangat setuju* serta 98 lagi menandakan *setuju*. Gabungan diantara skor 4 dan 5 mencatatkan jumlah 92.9%. Catatan min yang positif iaitu 4.56 menunjukkan bahawa sememangnya kegiatan kerohanian membantu pelajar menguatkan hafazan mereka.



**Jadual 4.39 Taburan Kekerapan Dan Peratus Ketegasan Tenaga Pengajar Melemahkan Semangat Responden Untuk Menghafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
18	Tenaga pengajar yang tegas menjadikan saya lemah semangat untuk menghafaz.	1	110	29.9	2.54
		2	70	19.0	
		3	102	27.7	
		4	50	13.6	
		5	36	9.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Item ke-18 dalam bahagian ini adalah berkaitan ketegasan tenaga pengajar melemahkan semangat responden untuk menghafaz. Pada jadual 4.39 di atas menunjukkan sebilangan besar responden memilih untuk jawapan *sangat tidak setuju*. Ia membawa jumlah 29.9% atau mewakili 110 daripada keseluruhan responden. Analisis bagi responden *kurang setuju* pula ialah sebanyak 102 orang atau bersamaan 27.7%, manakala bagi skor *tidak setuju* terdapat 70 orang responden atau 19.0% yang menyatakan demikian.

Di samping itu, sejumlah 13.6% dan 9.8% lagi menunjukkan pada skor *setuju* dan *sangat setuju*. Kedua-duanya membawa bilangan sebanyak 86 orang responden.. Selaras dengan itu, min yang diperoleh bagi item ini selepas di analisis ialah sebanyak 2.54.

**Jadual 4.40 Taburan Kekerapan Dan Peratus Sistem Tasmik Membantu Mengukuhkan Bacaan dan Hafazan Responden**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
19	Sistem tasmik yang dijalankan membantu saya untuk mengukuhkan bacaan dan hafazan saya.	1	7	1.9	4.54
		2	1	0.3	
		3	12	3.3	
		4	114	31.0	
		5	234	63.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya kita perhatikan pada jadual 4.40 di atas di mana ia memaparkan analisis berkenaan keberkesanan sistem tasmik yang dijalankan membantu mengukuhkan bacaan dan hafazan para pelajar. Di dapati bahawa sebilangan besar atau majoriti responden bersetuju terhadap item ini. Sebanyak 63.6% daripada jumlah keseluruhan atau 234 orang responden terdiri daripada mereka yang memilih skor *sangat setuju*. 31.0% atau sebanyak 114 yang lain memberikan respons *setuju* sekaligus menunjukkan bahawa sememangnya sistem tasmik yang dijalankan membantu menguatkan hafazan para pelajar.

Selain itu, sebanyak 12 orang responden atau bersamaan 3.3 merasakan *kurang setuju* tentang keberkesanan sistem tasmik menguatkan hafazan, manakala baki lapan yang lain tidak bersetuju terhadap item ke-19 ini. Ini termasuklah tujuh orang yang menyatakan *sangat tidak setuju* serta seorang lagi *tidak setuju*. Kedua-duanya merangkumi 2.2%. Min yang dicatatkan bagi item ini juga amat menggalakkan iaitu sebanyak 4.54.

**Jadual 4.41 Taburan Kekerapan Dan Peratus Keyakinan Responden Dapat Mengekalkan Hafazan Setelah Tamat Pengajian**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
20	Saya yakin dapat mengekalkan hafazan saya setelah keluar dari Madrasah/ Institut ini.	1	50	13.6	3.27
		2	52	14.1	
		3	81	22.0	
		4	118	32.1	
		5	67	18.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya kita akan perhatikan kepada hasil analisis bagi item ke-20 yang berkaitan dengan keyakinan responden mengekalkan hafazan mereka setelah keluar dari Madrasah/Institut tahfiz ini. Hasilnya mendapati responden yang memilih skor *setuju* menunjukkan dapatan tertinggi iaitu sebanyak 118 orang atau merangkumi 32.1%. Skor *kurang setuju* pula berada pada kedudukan kedua tertinggi iaitu sebanyak 81 orang responden serta meliputi 22.0%.

Bagi responden yang *sangat bersetuju* terhadap item ini pula menunjukkan peratusan yang sederhana. 18.2% atau bersamaan 67 orang responden memilih skor *sangat setuju*, manakala 14.1% lagi atau 52 orang responden yang lain menyatakan *tidak setuju*. Dapat kajian juga menunjukkan sebanyak 50 orang responden atau mewakili baki 13.6% memberikan respons *sangat tidak setuju* akan keyakinan dapat mengekalkan hafazan setelah tamat pengajian nanti. Min keseluruhan yang dicatatkan bagi item ini ialah 3.27.

**Jadual 4.42 Taburan Kekerapan Dan Peratus Kepentingan Penjagaan Pemakanan Dalam Menguatkan Daya Ingatan Responden**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
21	Penjagaan pemakanan adalah penting dalam menguatkan daya ingatan saya.	1	7	1.9	4.52
		2	7	1.9	
		3	23	6.3	
		4	83	22.6	
		5	248	67.4	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Analisis berikutnya akan cuba menghuraikan berkenaan taburan kekerapan dan peratusan berdasarkan kepentingan penjagaan pemakanan dalam menguatkan daya ingatan responden. Jadual 4.42 di atas menunjukkan betapa faktor penjagaan pemakanan memainkan peranan penting dalam menguatkan daya ingatan para pelajar. Sebanyak 90.0% dari kalangan responden bersetuju dengan item ini. 67.4% daripadanya memberikan respons *sangat bersetuju*, manakala bakinya menandakan skor *setuju*. Masing-masing meliputi jumlah responden sebanyak 248 dan 83 orang.

Penyelidik juga mendapati 23 orang responden yang *kurang setuju* bahawa penjagaan pemakanan penting dalam menguatkan daya ingatan responden. Manakala masing-masing 1.9% atau tujuh orang responden memberikan jawapan *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Catatan min sebanyak 4.52 menunjukkan para responden bersetuju bahawa penjagaan pemakanan adalah penting dalam menguatkan daya ingatan *huffaz*.

**Jadual 4.43 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Merasakan Perlu Adanya Program Khidmat Masyarakat Diadakan di Madrasah/ Institut**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
22	Saya merasakan program Khidmat Masyarakat perlu diadakan di setiap Madrasah/ Institut tahfiz untuk merapatkan hubungan <i>huffaz</i> dengan masyarakat.	1	18	4.9	4.13
		2	10	2.7	
		3	40	10.9	
		4	138	37.5	
		5	162	44.0	
Jumlah			368	100.0	

Pada item ke-7, soalan yang dikemukakan adalah untuk mengetahui keperluan aktiviti sukan di Madrasah/Institut sama ada perlu atau tidak. Item 22 dalam jadual 4.43 di atas pula untuk mengetahui pendapat responden mengenai keperluan mengadakan Khidmat Masyarakat di Madrasah/Institut untuk merapatkan hubungan *huffaz* dengan masyarakat atau sebaliknya. Hasil analisis mendapati kekerapan responden yang memilih skor *sangat setuju* iaitu dengan sebanyak 162 orang atau mewakili 44.0%.

Sebanyak 138 orang responden pula memilih jawapan *setuju* atau meliputi 44.0%, manakala 40 responden lagi memberikan respons *kurang setuju* bahawa Khidmat Masyarakat perlu diadakan di Madrasah/Institut. Terdapat juga sebanyak 28 orang responden yang *tidak bersetuju* dengan item ini. Masing-masing 18 orang atau 4.9% bagi respons *sangat tidak setuju* serta 10 yang lain atau 2.7% bagi respons *tidak setuju*. Min yang dicatatkan pula ialah sebanyak 4.13.

**Jadual 4.44 Taburan Kekurangan Dan Peratus Responden Merasakan Satu Untuk Keperluan Mengadakan Program Kecemerlangan Pelajar Bagi Meningkatkan Prestasi Akademik**

Item	Perkara	Skor	Kekurangan	Peratus (%)	Min
23	Saya berpendapat Program Kecemerlangan Pelajar perlu sentiasa diadakan untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam bidang akademik.	1	28	7.6	3.83
		2	22	6.0	
		3	66	17.9	
		4	119	32.3	
		5	133	36.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Dalam jadual 4.44 di atas, item yang dikemukakan adalah untuk melihat sama ada Program Kecemerlangan Pelajar untuk meningkatkan prestasi akademik responden adalah satu keperluan yang patut sentiasa di adakan atau sebaliknya. Ternyata maklum balas yang diterima penyelidik adalah positif iaitu lebih daripada 68% dari kalangan responden yang bersetuju terhadap item ini. sebanyak 36.1% atau merangkumi 133 orang responden memilih untuk *sangat setuju* manakala sebanyak 119 atau 32.3% pula memberikan skor *setuju*.

Bagi responden yang tidak bersetuju pula, analisis telah merekodkan sebanyak 116 orang responden yang bertindak sedemikian. 66 orang atau 17.9% daripadanya memberikan respons *kurang setuju*, 7.6% atau 28 orang responden memberikan respons *sangat tidak setuju* dan selebihnya untuk skor *tidak setuju* iaitu sebanyak 22 orang responden atau 6.0%. Catatan min yang dicatatkan bagi item ini ialah 3.83.

**Jadual 4.45 Taburan Kekerapan Dan Peratus Sistem Pentadbiran Dan Pengurusan Madrasah/Institut Berfungsi Dengan Baik**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
24	Sistem pentadbiran atau pengurusan di Madrasah/ Institut ini berfungsi dengan baik.	1	10	2.7	4.21
		2	5	1.4	
		3	36	9.8	
		4	162	44.0	
		5	155	42.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Analisis data yang seterusnya ialah berkenaan taburan kekerapan dan peratusan sistem pentadbiran atau pengurusan di Madrasah/ Institut berjalan dengan baik. Paparan jadual 4.45 menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa sememangnya sistem pentadbiran dan pengurusan di Madrasah/ Institut berfungsi dengan baik. Di dapati sebanyak 162 orang responden atau 44.0% telah menyatakan sokongan penuh pada skor *setuju*. Di samping itu, 155 yang lain atau meliputi 42.1% telah memberikan respons *sangat setuju*.

Sejajar dengan itu, hasil analisis juga mendapati sebanyak 36 orang atau mewakili 9.8% telah beranggapan *tidak setuju* terhadap item ini. Lebihan sebanyak 4.1% atau 15 orang responden iaitu 2.7% atau 10 orang daripadanya memberikan respons *sangat tidak setuju* dan selebihnya memilih untuk *tidak setuju*. Catatan min yang ditunjukkan adalah sebanyak 4.21

**Jadual 4.46 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tiada Masalah Birokrasi Di Madrasah/Institut**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
25	Tidak wujud masalah birokrasi di Madrasah/ Institut ini.	1	21	5.7	3.76
		2	28	7.6	
		3	77	20.9	
		4	136	37.0	
		5	106	28.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya merupakan analisis berkenaan kekerapan tidak wujud masalah birokrasi di Madrasah/ Institut Tahfiz ini. Jadual 4.46 menunjukkan majoriti responden memilih skor *setuju* dengan jumlah sebanyak 136 orang atau meliputi 37.0% , manakala catatan skor *sangat tidak setuju* merekodkan jumlah paling minimum iaitu sebanyak 21 orang atau mewakili 5.7% sahaja. Skor *sangat setuju* juga mencatatkan bilangan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 106 orang atau bersamaan 28.8%. Jumlah responden yang bersetuju sahaja melebihi 60%.

Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 77 orang responden lagi atau bersamaan 20.9% merasa *kurang setuju* bahawa tidak wujud masalah birokrasi di Madrasah/Institut ini. Akhir sekali, hanya 28 orang responden atau 7.6% yang berpandangan *tidak setuju* terhadap item 25 ini. Min yang diperoleh selepas analisis bagi item ini ialah sebanyak 3.76.



**Jadual 4.47 Taburan Kekerapan Dan Peratus Kemudahan Infrastruktur  
Tambahan Cukup Lengkap Dan Selesa Digunakan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
26	Kemudahan seperti perpustakaan, makmal bahasa, studio rakaman, dewan seminar dan asrama cukup lengkap dan selesa digunakan.	1	66	17.9	3.18
		2	41	11.1	
		3	88	23.9	
		4	108	29.3	
		5	65	17.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.47 di atas memaparkan berkenaan kekerapan kemudahan infrastruktur seperti perpustakaan, makmal bahasa, studio rakaman, dewan seminar dan asrama mencukupi dan selesa digunakan. Hasil analisis mendapati sebilangan besar dari kalangan responden bersetuju dengan item yang disediakan. Sebanyak 108 responden memilih skor *setuju* dengan peratusnya sebanyak 29.3%. Ini diikuti dengan skor *kurang setuju* iaitu sebanyak 88 orang responden atau bersamaan dengan 23.9%.

Seterusnya bagi skor *sangat tidak setuju*, sebanyak 66 orang responden atau mewakili 17.9%. Selain itu, terdapat 65 orang responden atau 17.7% memilih skor *sangat tidak setuju* dan bilangan terendah dicatat pada skor *tidak setuju* iaitu sebanyak 11.1% atau 41 orang responden. Min keseluruhan bagi item ini ialah 3.18.

**Jadual 4.48 Taburan Kekerapan Dan Peratus Pengurusan Kemudahan Yang Ada Dilakukan Secara Efisien Dan Sistematis Oleh Pihak Pentadbiran**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
27	Pengurusan setiap kemudahan yang ada oleh pihak pentadbiran adalah efisien dan sistematis.	1	16	4.3	3.76
		2	19	5.2	
		3	87	23.6	
		4	160	43.5	
		5	86	23.4	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Analisis pada jadual 4.48 menunjukkan kekerapan pengurusan setiap kemudahan yang ada oleh pihak pentadbiran adalah efisien dan sistematis atau sebaliknya. Dapatan kajian menunjukkan majoriti di kalangan responden bersetuju bahawa pengurusan setiap kemudahan yang ada dilakukan penuh efisien dan sistematis oleh pihak pentadbir. Sebanyak 160 orang responden atau mewakili 43.5% memberikan respons *setuju* manakala 87 yang lain atau 23.6% menyatakan *skor kurang setuju*.

Di samping itu juga, sebanyak 86 orang responden atau menyamai 23.4% memilih untuk skor *sangat setuju* serta 19 orang responden atau 5.2% menyatakan skor *tidak setuju*. Bagi skor *sangat tidak setuju* pula mencatatkan hanya 16 orang sahaja dengan peratusnya adalah 4.3%. Min yang sederhana dicatatkan pada item ini iaitu 3.76.

**Jadual 4.49 Taburan Kekerapan Dan Peratus Pihak Madrasah/Institut Mempunyai Pegawai Mencukupi Untuk Menguruskan Kemudahan Yang Ada**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
28	Pihak Madrasah/ Institut mempunyai pegawai yang mencukupi untuk menguruskan setiap kemudahan yang ada.	1	16	4.3	3.73
		2	41	11.1	
		3	73	19.8	
		4	134	36.4	
		5	104	28.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.49 di atas menunjukkan lebih daripada 1/2 dari kalangan responden yang bersetuju terhadap item yang dikemukakan. 134 orang responden memberikan respons *setuju*, manakala 104 yang lain pula menyatakan *sangat setuju*. Masing-masing membawa jumlah peratus sebanyak 36.4% dan 28.3%.

Analisis kajian juga mengenal pasti sebanyak 73 orang responden memberikan maklum balas *kurang setuju* sama ada pihak Madrasah/Institut mempunyai pegawai mencukupi untuk menguruskan kemudahan yang ada. Selain itu juga, terdapat 41 orang atau mewakili 11.1% telah memilih skor *tidak setuju*, manakala baki yang lain memilih skor *sangat tidak setuju*. Catatan min keseluruhan bagi item ini ialah 3.73.

**Jadual 4.50 Taburan Kekerapan Dan Peratus Pihak Pentadbiran Memberi Kebebasan Kepada Responden Menggunakan Kemudahan Yang Ada**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
29	Pihak pentadbiran memberikan kebebasan sepenuhnya kepada pelajar untuk menggunakan kemudahan yang ada.	1	32	8.7	3.44
		2	39	10.6	
		3	101	27.4	
		4	128	34.8	
		5	68	18.5	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Paparan jadual 4.50 menunjukkan analisis berkaitan kebenaran pihak pentadbiran memberikan kebebasan kepada para responden untuk menggunakan setiap kemudahan yang ada. Keseluruhannya, majoriti dari kalangan responden bersetuju terhadap item yang disediakan. Sebanyak 128 orang responden atau 34.8% telah memilih pada skor *setuju*. 27.4% atau bersamaan 101 orang yang lain telah memberikan maklum balas *kurang setuju*.

Selain itu, terdapat sebanyak 68 orang responden atau mewakili 18.5% yang berasa *sangat setuju* pihak pentadbiran memberikan kebebasan sepenuhnya kepada pelajar untuk menggunakan setiap kemudahan yang ada. Manakala, hanya 10.6% atau bersamaan 39 orang responden dan 8.7 atau bersamaan 32 orang responden yang *tidak bersetuju* dan *sangat tidak bersetuju* dengan item yang dikemukakan. Min keseluruhan yang dicatatkan bagi item ini ialah 3.44.

**Jadual 4.51 Taburan Kekerapan Dan Peratus Peruntukkan Tempoh Pengajian Untuk Menghafaz Al-Quran Mencukupi Untuk Responden Khatam Menghafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
30	Tempoh pengajian yang diperuntukkan mencukupi untuk saya menghafaz keseluruhan al-Quran.	1	7	1.9	4.17
		2	16	4.3	
		3	43	11.7	
		4	143	38.9	
		5	159	43.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.51 yang dipaparkan di atas adalah berkenaan kesempatan untuk menghafaz keseluruhan al-Quran dalam tempoh masa pengajian yang telah ditetapkan. Hasil analisis mendapati sebilangan besar dari kalangan responden bersetuju terhadap item ini. 159 daripada 368 responden atau merangkumi 43.2% memilih untuk skor *sangat setuju*. Manakala 143 lagi atau bersamaan 38.9% memberikan respons *setuju*. Ini menunjukkan tempoh pengajian yang diperuntukkan mencukupi untuk responden menghafaz keseluruhan al-Quran.

Bilangan responden yang berpandangan *kurang setuju* juga menunjukkan bilangan yang agak banyak iaitu 43 orang atau meliputi 11.7%. Dapatan juga menunjukkan sebanyak 16 orang responden menyatakan *tidak setuju* serta tujuh lagi memilih *sangat tidak setuju*. Kedua-duanya membawa jumlah sebanyak 4.3% dan 1.9%. Min yang dicatatkan adalah 4.17.

**Jadual 4.52 Taburan Kekerapan Dan Peratus Perlaksanaan Sistem Peperiksaan Selaras Dengan Ma'ahad-Ma'ahad Tahfiz Negeri**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
31	Sistem peperiksaan yang dilaksanakan adalah selaras dengan sistem peperiksaan yang digunakan oleh Ma'ahad-Ma'ahad Tahfiz Negeri di seluruh negara.	1	34	9.2	3.46
		2	52	14.1	
		3	79	21.5	
		4	117	31.8	
		5	86	23.4	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.52 yang dipaparkan di atas merupakan analisis untuk melihat sejauh mana sistem peperiksaan yang dilaksanakan selaras dengan sistem peperiksaan yang digunakan oleh Ma'ahad-Ma'ahad Tahfiz Negeri di seluruh negara. Hasil kajian mendapati skor *sangat setuju* menunjukkan paras paling tinggi iaitu iaitu 31.8% atau merangkumi sebanyak 117 orang responden manakala skor paling rendah ialah skor *sangat tidak setuju* iaitu dengan 34 orang rewsponden atau 9.2% sahaja. Di samping itu, sebanyak 79 orang responden atau mewakili 21.5% dari kalangan responden memilih skor *kurang setuju* disebabkan kesamaran pandangan mereka terhadap item yang disediakan.

Seterusnya penyelidik telah mendapati sebanyak 52 orang dari kalangan responden atau bersamaan 14.1% memberikan respons *tidak setuju*. Sementara itu, lebih sebanyak 34 orang responden atau menyamai 9.2% berpandangan *sangat tidak setuju* tentang sistem peperiksaan yang dilaksanakan selaras dengan sistem peperiksaan yang digunakan oleh Ma'ahad-Ma'ahad Tahfiz Negeri di seluruh negara. Min keseluruhan yang dicatatkan ialah 3.46.

**Jadual 4.53 Taburan Kekerapan Dan Peratus Penilaian Sahsiah Dan Akhlak Para Huffaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
32	Penilaian ke atas sahsiah dan akhlak para <i>huffaz</i> dilakukan dari masa ke semasa.	1	5	1.4	4.27
		2	17	4.6	
		3	27	7.3	
		4	142	38.6	
		5	177	48.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Pada jadual yang seterusnya di atas, item yang disediakan adalah untuk mengetahui sama ada penilaian sahsiah dan akhlak para *huffaz* dilakukan dari masa semasa. Analisis mendapati lebih daripada 85% responden bersetuju terhadap item ini. Namun, 15% dari kalangan responden berpandangan sebaliknya.

Sebanyak 177 orang pelajar atau 48.1% memberikan maklum balasa *sangat setuju* dan ditambah sebanyak 142 orang lagi atau menyamai 38.6% yang menjawab *setuju*. Sementara itu, sejumlah 27 orang responden atau merangkumi 7.3% telah memilih skor *kurang setuju*. Sebanyak 17 orang responden lagi telah memberikan respons *tidak setuju*, manakala bakil lima yang lain memilih skor *sangat tidak setuju*. Masing-masing membawa jumlah sebanyak 4.6% dan 1.4%. Min bagi item ini ialah 4.27.

**Jadual 4.54 Taburan Kekerapan Dan Peratus Laporan Prestasi Di Hantar Kepada Ibu Bapa Mengikut Keperluan Dan Permintaan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
33	Laporan prestasi pelajar dihantar kepada ibu bapa mengikut keperluan dan permintaan.	1	15	4.1	4.20
		2	12	3.3	
		3	41	11.1	
		4	116	31.5	
		5	184	50.0	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Paparan jadual 4.54 di atas menunjukkan hasil analisis berkenaan laporan prestasi pelajar yang akan dihantar kepada ibu bapa bergantung kepada keperluan dan permintaan ibu bapa. Skor positif menjadi pilihan utama di kalangan responden dengan mencatatkan jumlah sebanyak 81.5% di mana sebahagian besarnya adalah pada skor *sangat setuju*. Ia merangkumi sebanyak 184 orang responden manakala untuk skor *setuju* mencatatkan jumlah sebanyak 116 orang atau mewakili 31.5%.

Di samping itu, analisis mendapati hanya 68 orang responden yang tidak bersetuju terhadap item ini. 41 orang daripadanya atau menyamai 11.1% memilih skor *kurang setuju*, sementara 12 lagi memberikan respons *tidak setuju*. Skor *sangat tidak setuju* pula mencatatkan jumlah sebanyak 15 orang responden atau mewakili 4.1%. Min keseluruhan yang dicatatkan bagi item ini iaitu 4.20.



**Jadual 4.55 Taburan Kekerapan Dan Peratus Hukuman Khusus Diperuntukkan Oleh Pentadbir Bagi Kesalahan Dilakukan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
34	Pihak pentadbiran ada memperuntukkan suatu sistem hukuman khusus bagi kesalahan yang dilakukan.	1	20	5.4	4.10
		2	7	1.9	
		3	45	12.2	
		4	141	38.3	
		5	155	42.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya pula penyelidik akan menghuraikan berkenaan analisis berkaitan dengan peruntukkan hukuman khusus bagi setiap kesalahan yang dilakukan. Jadual 4.55 di atas jelas menunjukkan bahawa majoriti dari kalangan responden memberikan reaksi positif dengan memilih skor *sangat setuju* dan *setuju*. Sebanyak 155 orang responden memberikan respons *sangat setuju*, sementara 141 lagi memilih skor *setuju*. Masing-masing membawa jumlah peratusan dua yang tertinggi iaitu 42.1% dan 38.3% .

Penyelidik juga telah mendapati sebanyak 45 orang responden yang memberikan maklum balas *kurang setuju*. Ia membawa jumlah sebanyak 12.2%. Selain itu juga, analisis mencatatkan bilangan yang sedikit bagi skor *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Masing-masing memberikan jumlah sebanyak tujuh orang dan 20 orang responden. Peratusan yang diperolehi ialah sebanyak 1.9% bagi *tidak setuju* dan 5.4% bagi *sangat tidak setuju*. Secara keseluruhannya, min yang dicatatkan ialah sebanyak 4.10.

**Jadual 4.56 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berdasarkan Kepentingan Guru Dalam Membimbing Hafazan *Huffaz***

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
35	Guru merupakan orang yang sangat penting dalam membimbing hafazan para <i>huffaz</i> .	1	3	0.8	4.73
		2	5	1.4	
		3	4	1.1	
		4	66	17.9	
		5	290	78.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.56 menunjukkan kekerapan dan peratus berkenaan guru merupakan orang yang sangat penting dalam membimbing hafazan para *huffaz*. Didapati bahawa majoriti responden *sangat setuju* dengan item yang dikemukakan. Jumlah tersebut meliputi sebanyak 78.8% atau bersamaan dengan 290 orang responden. Manakala responden yang memberikan jawapan *setuju* menunjukkan bilangan sebanyak 66 responden atau menyamai 17.9%.

Berdasarkan kepada jadual di atas juga, hasil analisis mendapati sebanyak 1.4% atau mewakili lima orang responden menyatakan *tidak setuju* serta 1.1% yang berikutnya atau empat orang berpandangan *kurang setuju*. Di samping itu juga, responden yang *sangat tidak setuju* mencatatkan jumlah sebanyak tiga orang atau mewakili 0.8%. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah 4.73.

**Jadual 4.57 Taburan Kekerapan Dan Peratus Kadar Hafazan Ditentukan Oleh Pelajar Sendiri Bukan Pihak Madrasah/Institut**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
36	Kadar hafazan sehari adalah ditentukan oleh pelajar sendiri bukan pihak Madrasah/ Institut.	1	18	4.9	4.05
		2	26	7.1	
		3	42	11.4	
		4	114	31.0	
		5	168	45.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Item yang seterusnya ini pula untuk mengetahui sama ada kadar hafazan sehari ditentukan oleh pelajar sendiri bukan pihak Madrasah/ Institut atau sebaliknya. Jika dilihat pada jadual 4.57 di atas, didapati bahawa kebanyakan responden memberikan jawapan *sangat setuju* dengan soalan yang dikemukakan. Jumlah tersebut merangkumi 45.7% atau bersamaan 168 orang responden. Bagi mereka yang memilih skor 4 (*setuju*) pula mencatatkan jumlah sebanyak 114 orang responden atau menyamai 31.0%.

Selain itu juga, analisis mendapati terdapat 42 orang responden atau bersamaan 11.4% yang *kurang bersetuju* serta 26 (1.6%) dan 18 (1.1%) responden yang lain pula memberikan respons *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ke-36 ini. Min yang direkodkan bagi item ini ialah 4.05.

**Jadual 4.58 Taburan Kekerapan Dan Peratus Pelajar Diwajibkan Mencapai Target Hafazan Dalam Tempoh Masa Yang Telah Ditetapkan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
37	Pelajar diwajibkan mencapai target hafazan yang telah ditetapkan oleh pihak Madrasah/ Institut dalam tempoh masa yang tertentu.	1	12	3.3	4.12
		2	19	5.2	
		3	42	11.4	
		4	134	36.4	
		5	161	43.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya jadual 4.58 di atas memaparkan analisis berkenaan pelajar diwajibkan mencapai target hafazan yang telah ditetapkan oleh pihak Madrasah/Institut dalam tempoh masa tertentu. Dapatan kajian menunjukkan peratusan tertinggi dicatatkan pada skor jawapan *sangat setuju* dengan jumlah sebanyak 43.8% atau merangkumi sebanyak 161 orang responden. Catatan kedua tertinggi ialah sebanyak 36.4% atau bersamaan 134 orang responden yang direkodkan bagi skor *setuju*, manakala 42 yang lain atau 11.4% menyatakan respons, *kurang setuju* terhadap item yang dikemukakan. Di samping itu, terdapat 31 orang responden iaitu 8.5% menyatakan pandangan *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Masing-masing 19 (5.2%) orang responden bagi skor *tidak setuju* dan bakinya untuk jawapan *sangat tidak setuju*.

Untuk item ini, penyelidik telah mengenal pasti bahawa pelajar diwajibkan mencapai target hafazan yang telah ditetapkan oleh pihak madrasah/ Institut dalam tempoh masa tertentu berdasarkan 80.2% menyatakan demikian. Ini adalah merujuk kepada min yang diperoleh sebanyak 4.12.

**Jadual 4.59 Taburan Kekerapan Dan Peratus Kesediaan Pihak Madrasah/  
Institut Menyediakan Tenaga Pengajar Yang Mencukupi**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
38	Pihak Madrasah/ Institut ini menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi untuk membimbing para pelajar.	1	9	2.4	4.29
		2	12	3.3	
		3	32	8.7	
		4	125	34.0	
		5	190	51.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.59 di atas pula menerangkan berkaitan kemampuan pihak Madrasah/Institut menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi untuk membimbing para pelajar. Hasil kajian mendapati keputusan yang diperoleh hampir sama dengan item sebelum ini. Skor *sangat setuju* menunjukkan jumlah terbanyak dengan 190 orang responden atau merangkumi 51.6%. Ini diikuti pula dengan skor *setuju* dengan jumlah sebanyak 125 orang responden atau 34.0%.

Terdapat 32 orang responden atau bersamaan 8.7% yang memberikan respons *kurang setuju*. Manakala masing-masing 12 orang atau 3.3% menyatakan *tidak setuju* dan sembilan orang responden menyamai 2.4% berpendirian *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Catatan min yang diperoleh iaitu 4.55 menunjukkan bahawa pihak Madrasah/Institut menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi untuk membimbing para pelajar .

**Jadual 4.60 Taburan Kekerapan Dan Peratus Perlaksanaan Sistem Akademik Adalah Selaras Dengan Sukatan Kementerian Pendidikan Malaysia**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
39	Sistem pembelajaran akademik yang digunakan adalah selaras dengan sukatan Kementerian Pendidikan Malaysia.	1	133	36.1	2.51
		2	61	16.6	
		3	64	17.4	
		4	72	19.6	
		5	38	10.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.60 di atas memaparkan analisis tentang kekerapan dan peratus sistem pembelajaran akademik yang digunakan adalah selaras dengan sukatan Kementerian Pendidikan Malaysia atau sebaliknya. Di dapati majoriti responden *sangat tidak setuju* tentang persoalan ini. Sebanyak 133 atau 36.1% daripada jumlah keseluruhan responden memilih skor berkenaan. Penyelidik juga mendapati 61 (16.6%) dan 64 orang responden yang lain juga tidak bersetuju tetapi dengan skor *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ini.

Manakala sebanyak 72 orang responden dan 38 yang lain memilih untuk skor *setuju* dan *sangat setuju*. Masing-masing membawa jumlah sebanyak 19.6% dan 10.3%. Catatan min yang diperolehi berada pada tahap rendah (*tidak setuju*) iaitu sebanyak 2.51.

**Jadual 4.61 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Sistem Pembelajaran Yang Merangkumi Pengajian Kitab-Kitab Lama Di Madrasah/Institut**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
40	Selain akademik dan hafazan al-Quran, sistem pembelajaran di Madrasah/ Institut ini juga merangkumi pengajian kitab-kitab lama.	1	17	4.6	4.10
		2	26	7.1	
		3	37	10.1	
		4	112	30.4	
		5	176	47.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Pada jadual 4.61 menunjukkan hasil analisis berkenaan selain akademik dan hafazan al-Quran, sistem pembelajaran di Madrasah/Institut ini merangkumi pengajian kitab-kitab lama. Peratusan tertinggi direkodkan bagi skor *sangat setuju* iaitu sebanyak 47.8% atau sejumlah 176 orang responden, manakala peratusan terendah ialah pada skor *sangat tidak setuju* iaitu sebanyak 4.6% atau menyamai 17 orang responden. Ini diikuti dengan skor terendah yang kedua iaitu *tidak setuju* dengan peratusnya adalah 7.1% atau 26 orang responden.

Sebanyak 112 orang responden atau 30.4% didapati memilih menyatakan *setuju* dan baki 37 orang responden atau 10.1% yang lain menyatakan *kurang setuju* terhadap item ini. Min yang direkodkan bagi item ini ialah sebanyak 4.10. Penyelidik mendapati para responden mempelajari kitab-kitab lama selain bidang akademik dan tahfiz al-Quran.

**Jadual 4.62 Taburan Kekerapan Dan Peratus Sistem Pembelajaran Di Madrasah/Institut Sekarang Amat Baik Dan Perlu Dikekalkan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
41	Sistem pembelajaran di Madrasah/ Institut Tahfiz ini pada masa sekarang amat baik dan perlu dikekalkan.	1	7	1.9	4.33
		2	14	3.8	
		3	32	8.7	
		4	112	30.4	
		5	203	55.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Sistem pembelajaran yang teratur dan sistematik amat penting bagi pengafaz al-Quran untuk membantu mereka menghafaz dengan baik. Ini terbukti dalam jadual 4.62 di atas dengan 203 orang responden atau 55.2% *sangat bersetuju* dengan pendapat sedemikian. Diikuti oleh 112 orang responden atau 30.4% menyatakan *setuju* terhadap item ini.

Namun terdapat juga sebanyak 32 responden (8.7%) yang memberikan maklum balasa *kurang setuju*, 14 orang responden atau 3.8% menyatakan *tidak setuju* dan baki tujuh orang lagi iaitu sebanyak 1.9% menyatakan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Min yang direkodkan bagi item ini ialah sebanyak 4.33.



**Jadual 4.63 Taburan Kekerapan Dan Peratus Pendapat Responden Merasakan Perlu Diperbanyakkan Dan Dikembangkan Madrasah/Institut Tahfiz Ke Seluruh Negara**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
42	Saya merasakan perlu bagi Madrasah/ Institut Tahfiz diperbanyakkan dan dikembang lagi ke seluruh negara.	1	1	0.3	4.75
		2	2	0.5	
		3	5	1.4	
		4	72	19.6	
		5	288	78.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Paparan jadual 4.63 di atas adalah berkaitan dengan pandangan responden yang merasakan Madrasah/Institut Tahfiz perlu diperbanyakkan dan dikembangkan ke seluruh negara. Secara dasarnya, analisis menunjukkan majoriti responden *sangat setuju* dengan item ini. Ia merangkumi jumlah sebanyak 78.3% atau bersamaan 288 orang responden. 72 orang yang lain atau mewakili 19.6% pula memilih skor *setuju*.

Terdapat juga lima responden (1.4%) yang *kurang setuju* serta dua responden (0.5%) lagi menyatakan *tidak setuju*. Manakala didapati hanya seorang responden atau bersamaan 0.3% menyatakan *sangat tidak setuju* tentang keperluan supaya diwujudkan dan dikembangkan lebih banyak Madrasah/Institut Tahfiz ke seluruh negara. Catatan min bagi item ini pula ialah 4.75 yang membawa pengertian keperluan bagi Madrasah/Institut Tahfiz diperbanyakkan dan dikembangan ke seluruh negara adalah pada tahap yang tinggi.

**Jadual 4.64 Taburan Kekurangan Dan Peratus Peraturan Dan Sistem Yang Digunakan Pihak Madrasah/Institut Membantu Pelajar Mengingat Dan Menguatkan Hafazan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
43	Peraturan dan sistem yang digunakan oleh pihak Madrasah/ Institut Tahfiz dapat membantu saya mengingat dan menguatkan hafazan.	1	8	2.2	4.34
		2	4	1.1	
		3	27	7.3	
		4	144	39.1	
		5	185	50.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jika pada item yang ke-42 sebelum ini menghuraikan berkenaan keperluan memperbanyakkan dan mengembangkan lagi madrasah/institut tahfiz ke seluruh negara. Item seterusnya ini akan memaparkan berkenaan peraturan dan sistem yang digunakan oleh pihak Madrasah/Institut Tahfiz ini dapat membantu responden mengingat dan menguatkan hafazan atau sebaliknya. Seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual 4.31 dia atas, majoriti responden *sangat bersetuju* bahawa peraturan dan sistem yang digunakan oleh pihak Madrasah/Institut membantu pelajar mengingat dan menguatkan hafazan mereka. Skor tersebut merangkumi 50.3% atau sebanyak 185 orang responden. Ini diikuti pula dengan responden yang memberikan respons *setuju* iaitu sebanyak 144 orang atau menyamai 39.1%.

Selain itu juga, sebanyak 7.3% atau 27 orang responden menyatakan *kurang setuju*, lapan orang atau 2.2% untuk *sangat tidak setuju* dan empat yang lain *tidak setuju* terhadap item ini. Min yang dicatatkan pada item ini berada pada tahap tinggi iaitu sebanyak 4.33.

**Jadual 4.65 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berkenaan Sistem Pentadbiran Asrama Dikawal Dengan Baik Warden Asrama**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
44	Sistem pentadbiran asrama dikawal dengan baik oleh warden asrama.	1	14	3.8	4.13
		2	20	5.4	
		3	43	11.7	
		4	117	31.8	
		5	174	47.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya pada jadual 4.65 di atas menunjukkan analisis berkenaan taburan kekerapan dan peratus berdasarkan sistem pentadbiran asrama dikawal dengan baik oleh warden asrama. Majoriti responden memilih skor *sangat setuju* dan *setuju* untuk item ini. Peratusan yang dicatatkan bagi kedua-dua skor adalah sebanyak 79.1% dengan masing-masing sebanyak 174 dan 117 responden.

Namun begitu, terdapat 43 orang responden atau mewakili 11.7% yang *kurang setuju* dengan sistem pentadbiran asrama yang diselia oleh warden asrama. Manakala masing-masing 20 orang responden atau 5.4% dan 14 orang responden atau menyamai 3.8% menyatakan *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah sebanyak 4.13. Ini menunjukkan bahawa sistem pentadbiran asrama dikawal dengan baik oleh warden asrama.

**Jadual 4.66 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berkenaan Pihak Madrasah/Institut Memperuntukkan Sejumlah Elaun**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
45	Pihak Madrasah/ Institut ada memperuntukkan sejumlah elaun untuk saya.	1	137	37.2	4.13
		2	46	12.5	
		3	139	37.8	
		4	46	12.5	
		5	-	-	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.66 di atas merupakan hasil analisis yang terakhir dalam bahagian II ini. Ia adalah berkenaan kekerapan pihak Madrasah/Institut memperuntukkan elaun untuk responden. Majoriti responden memilih untuk skor *kurang setuju* dengan jumlah sebanyak 37.8% atau mewakili sebanyak 139 responden. Di samping itu, sebanyak 137 responden atau merangkumi 37.2% memberikan respons *sangat tidak setuju*.

Analisis juga mendapati sebanyak 46 orang responden atau 12.5% masing-masing memilih skor *tidak setuju* dan *setuju*. Tiada sebarang kekerapan dicatatkan untuk skor *sangat setuju*. Min keseluruhan yang dicatatkan bagi item terakhir ini ialah 4.13.

#### 4.2.2 Bahagian III (a): Kaedah Hafazan Yang Digunapakai Dalam Menghafaz al-Quran

Dalam bahagian ini, penyelidik telah menyediakan 37 item soalan yang berpandukan kepada objektif yang tertera di atas. Item-item soalan yang dibina adalah bertujuan untuk mengenal pasti serta mengetahui beberapa kaedah hafazan yang digunakan oleh pelajar tahfiz dalam menghafaz al-Quran. Berikut dipaparkan analisis serta huraian berkenaan objektif yang kedua ini:

**Jadual 4.67 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Kaedah Mengkhususkan Satu Mashaf Al-Quran Sahaja**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
1	Mengkhususkan satu Mashaf al-Quran sahaja.	1	7	1.9	4.45
		2	7	1.9	
		3	29	7.9	
		4	94	25.5	
		5	231	62.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.67 di atas menunjukkan taburan kaedah mengkhususkan satu mashaf al-Quran sahaja berdasarkan kekerapan, peratus dan juga min. Hasil daripada kajian mendapati bahawa kebanyakan responden menyatakan *sangat setuju* dengan item yang dikemukakan. Ini merangkumi bilangan responden sebanyak 231 orang atau bersamaan dengan 62.8%. Manakala jumlah responden yang *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* mencatatkan nilai paling sedikit iaitu masing-masing sebanyak 1.9% atau hanya tujuh orang responden sahaja. Sementara itu, sebanyak 94 orang responden atau 25.5% menyatakan *setuju* dan 29 orang responden atau 7.9% menyatakan jawapan *kurang setuju*.

Penyelidik mendapati bahawa hampir 90% responden yang terlibat menunjukkan bahawa mereka bersetuju dengan penggunaan atau pengkhususan satu mashaf al-Quran sahaja untuk menghafaz. Responden yang tidak setuju perlaksanaan sistem pembelajaran dua aliran di pusat tahfiz al-Quran berbanding satu aliran menunjukkan peratusan sekitar 10% sahaja. Min keseluruhan bagi item yang pertama ini ialah 4.45.

**Jadual 4.68 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Kaedah Membahagi-bahagikan Ayat (Chunking)**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
2	Kaedah membahagi-bahagikan ayat (chunking).	1	28	7.6	3.53
		2	40	10.9	
		3	89	24.2	
		4	130	35.3	
		5	81	22.0	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.68 menunjukkan kekerapan dan peratus kaedah hafazan secara membahagi-bahagikan ayat atau *chunking*. Didapati bahawa majoriti responden *setuju* dengan item yang dikemukakan. Jumlah tersebut adalah sebanyak 35.3% atau bersamaan dengan 130 orang responden. Manakala responden yang memberikan jawapan *kurang setuju* pula menunjukkan bilangan sebanyak 89 responden atau menyamai 24.2%.

Berdasarkan kepada jadual 4.68 juga, hasil analisis mendapati sebanyak 22.0% atau mewakili 81 orang responden menyatakan *sangat setuju* serta 10.9% yang berikutnya atau 40 orang memilih untuk *tidak setuju*. Di samping itu juga, responden yang *sangat tidak setuju* mencatatkan jumlah sebanyak 28 orang atau mewakili 7.6%. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah 3.53

**Jadual 4.69 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Membahagikan Ayat Atau Juzuk Yang Hendak Dihafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
3	Bahagikan ayat atau juzuk yang hendak dihafaz.	1	12	3.3	4.01
		2	22	6.0	
		3	37	10.1	
		4	175	47.6	
		5	122	33.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Item yang seterusnya ini pula untuk mengetahui kaedah hafazan yang digunakan iaitu membahagikan ayat atau juzuk yang hendak dihafaz. Jika dilihat pada jadual 4.69, didapati bahawa kebanyakan responden memberikan jawapan *setuju* dengan soalan yang dikemukakan. Jumlah tersebut merangkumi 47.6% atau bersamaan 175 orang responden. Bagi mereka yang memilih skor 5 (*sangat setuju*) pula mencatatkan jumlah sebanyak 122 orang responden iaitu sebanyak 33.2%.

Selain itu juga, analisis mendapati terdapat 37 orang responden atau bersamaan 10.1% yang *kurang bersetuju* serta 22 (6.0%) dan 12 (3.3%) yang lain pula memberikan respon *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Min yang direkodkan bagi item ini ialah 4.01.

**Jadual 4.70 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Kaedah Memahami Ayat-ayat Yang Dihafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
4	Kaedah memahami ayat-ayat yang dihafaz.	1	12	3.3	3.95
		2	16	4.3	
		3	61	16.6	
		4	169	45.9	
		5	110	29.9	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya jadual 4.70 di atas memaparkan analisis berkenaan kaedah memahami ayat-ayat yang dihafaz. Dapatan kajian menunjukkan peratusan tertinggi adalah pada skor bagi jawapan *setuju* dengan jumlah sebanyak 45.9% atau merangkumi sebanyak 169 orang responden. Catatan kedua tertinggi ialah sebanyak 29.9% atau bersamaan 110 orang responden yang direkodkan bagi skor *sangat setuju*, manakala 61 yang lain atau 16.6% menyatakan respon, *kurang setuju* terhadap item yang dikemukakan. Di samping itu, terdapat 28 orang responden atau meliputi 7.6% menyatakan pandangan *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Masing-masing 16 (4.3%) orang responden bagi skor *tidak setuju* dan bakinya untuk jawapan *sangat tidak setuju*.

Untuk item ini, penyelidik telah mengenal pasti bahawa kaedah hafazan yang digunakan di Madrasah/Institut ini antaranya adalah memahami ayat-ayat yang hendak dihafaz. Ini berdasarkan kepada peratusan yang diperolehi sebanyak 75%.Min yang diperolehi adalah sebanyak 3.95.



**Jadual 4.71 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Kaedah Minda Fotografi**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
5	Kaedah Minda Fotografi (tumpu dan ingat).	1	13	3.5	4.08
		2	18	4.9	
		3	47	12.8	
		4	138	37.5	
		5	152	41.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.26 di atas pula menerangkan berkaitan kaedah minda fotografi iaitu kaedah tumpu dan ingat. Hasil kajian mendapati keputusan yang diperoleh hampir sama dengan item sebelum ini. Skor *sangat setuju* menunjukkan jumlah terbanyak dengan 152 orang responden atau merangkumi 41.3%. Ini diikuti pula dengan skor *setuju* dengan jumlah sebanyak 138 orang responden atau 37.5%. Terdapat 47 orang responden atau bersamaan 3.5% yang memberikan respons *kurang setuju*.

Manakala baki dua skor lagi iaitu masing-masing 18 orang atau 1.4% dan 13 orang atau 3.5% menyatakan *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Catatan min yang diperolehi iaitu 4.08 menunjukkan bahawa kaedah minda fotografi digunakan.

**Jadual 4.72 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Kaedah Mengulang Bacaan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
6	Kaedah mengulang bacaan (Takrir).	1	3	0.8	4.64
		2	10	2.7	
		3	103	28.0	
		4	252	68.5	
		5	3	0.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.72 di atas memaparkan analisis tentang kekerapan dan peratus penggunaan kaedah mengulang bacaan atau takrir. Di dapati majoriti responden *bersetuju* tentang pendapat demikian. Sebanyak 252 atau 68.5% daripada jumlah keseluruhan responden memilih skor berkenaan. Penyelidik juga mendapati hanya masing-masing tiga responden atau 0.8% *sangat setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ini.

Manakala sebanyak 103 orang responden dan 10 yang lain memilih untuk skor *kurang setuju* dan *tidak setuju*. Masing-masing membawa jumlah sebanyak 28.0% dan 2.7%. Catatan min adalah pada tahap tinggi (*setujut setuju*) iaitu sebanyak 4.64.

**Jadual 4.73 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Kaedah Mendengar Kaset Dan CD**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
7	Kaedah mendengar kaset dan CD.	1	31	8.4	3.73
		2	23	6.3	
		3	68	18.5	
		4	139	37.8	
		5	107	29.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Pada jadual 4.73 menunjukkan hasil analisis berkenaan kaedah hafazan dengan cara mendengar kaset atau cakera padat. Peratusan tertinggi yang dicatatkan bagi skor *setuju* iaitu sebanyak 37.8% atau sejumlah 139 orang responden, manakala peratusan terendah ialah pada skor *tidak setuju* iaitu sebanyak 6.3% atau menyamai 23 orang responden. Ini diikuti dengan skor terendah yang kedua iaitu *sangat tidak setuju* dengan peratusnya adalah 8.4% atau 31 orang responden. Sebanyak 107 orang responden atau 29.1% didapati memilih untuk berada pada kedudukan *sangat setuju* dan baki 68 orang responden atau 18.5% yang lain menyatakan *kurang setuju* terhadap item ini.

Min yang diperolehi bagi item ini ialah sebanyak 3.73. Penyelidik mendapati bahawa responden ada menggunakan kaedah ini berdasarkan peratusan yang diperolehi iaitu lebih daripada 60%.

**Jadual 4.74 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Kaedah Merakam Suara**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
8	Kaedah merakam suara.	1	29	7.9	3.42
		2	29	7.9	
		3	129	35.1	
		4	121	32.9	
		5	60	16.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Dalam jadual 4.74 di atas menerangkan berkenaan dengan kaedah hafazan dengan cara merakam suara sendiri dan memainkannya semula. Di dapati cara ini kurang dipraktikkan oleh responden jika ditinjau kepada analisis yang telah dilakukan. Di dapati 129 orang responden atau 35.1% *kurang setuju* dengan cara yang sedemikian. Tetapi terdapat juga 121 orang responden yang lain *bersetuju* dengan cara ini dan diikuti oleh 60 orang responden atau 16.3% yang menyatakan *sangat setuju* terhadap item ini.

Di samping itu, masing-masing terdapat 29 orang responden dengan peratusan 7.9% memilih skor *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Namun jika dibandingkan di antara responden yang setuju dengan mereka yang tidak setuju, didapati kaedah ini kurang popular kerana responden yang tidak bersetuju melebihi responden yang bersetuju. Min yang diperolehi bagi item ini ialah sebanyak 3.42.

**Jadual 4.75 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Kaedah Menulis Sebelum Dan Selepas Menghafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
9	Kaedah menulis sebelum dan selepas menghafaz.	1	41	11.1	3.32
		2	47	12.8	
		3	98	26.6	
		4	119	32.3	
		5	63	17.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Paparan jadual 4.75 di atas adalah berkaitan dengan kaedah menulis sebelum dan selepas menghafaz. Secara dasarnya, analisis menunjukkan majoriti responden *setuju* dengan item ini. Ia merangkumi jumlah sebanyak 32.3% atau bersamaan 119 orang responden. 98 orang yang lain atau mewakili 26.6% pula memilih skor *kurang setuju*, 63 responden (17.1%) *sangat setuju*

Di samping itu, 47 responden (12.8%) lagi menyatakan *tidak setuju*. Manakala didapati sejumlah 41 orang responden atau bersamaan 11.1% berada pada kedudukan *sangat tidak setuju* berhubung kaedah menulis sebelum dan selepas menghafaz. Catatan min bagi item ini ialah 3.32 yang menggambarkan bahawa kaedah menulis sebelum dan selepas menghafaz kurang popular memandangkan peratusan yang seimbang di antara mereka yang bersetuju dan tidak atau kedudukannya adalah pada tahap yang sederhana.

**Jadual 4.76 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berdasarkan Kaedah Menghafaz Sebelum Dan Selepas Bangun Tidur**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
10	Kaedah menghafaz sebelum dan selepas bangun tidur.	1	9	2.4	4.14
		2	12	3.3	
		3	42	11.4	
		4	160	43.5	
		5	145	39.4	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jika pada item sebelum ini menghuraikan berkenaan kaedah menulis sebelum dan selepas menghafaz, akan tetapi item seterusnya ini pula akan memaparkan berkenaan kaedah menghafaz sebelum dan selepas bangun tidur seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual 4.76 dia atas. Majoriti responden masih lagi *bersetuju* bahawa mereka mempraktikkan kaedah menghafaz sebelum dan selepas bangun dari tidur. Skor tersebut merangkumi 43.5% atau sebanyak 160 orang responden. Ini diikuti pula dengan responden yang memberikan respons *sangat setuju* iaitu sebanyak 145 orang atau menyamai 39.4%.

Selain itu juga, sebanyak 11.4% atau 42 orang responden menyatakan *kurang setuju*, 12 orang atau 3.3% untuk *tidak setuju* dan sembilan yang lain *tidak setuju* sama sekali terhadap item berkenaan. Min yang dicatatkan adalah berada pada tahap tinggi iaitu sebanyak 4.14.

**Jadual 4.77 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berdasarkan Kaedah Gundalan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
11	Kaedah gundalan.	1	21	5.7	3.90
		2	17	4.6	
		3	63	17.1	
		4	144	39.1	
		5	123	33.4	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya pada jadual 4.77 di atas menunjukkan analisis berkenaan taburan kekerapan dan peratus berdasarkan kaedah hafazan gundalan. Majoriti responden memilih skor *setuju* dan *sangat setuju* untuk item ini. Kedua-dua skor merangkumi sebanyak 72.5% dengan masing-masing sebanyak 144 (39.1%) dan 123 (33.4%) orang responden.

Namun begitu, terdapat 63 orang responden atau mewakili 17.1% yang *kurang setuju* dengan kaedah gundalan ini. Manakala masing-masing 21 dan 17 orang responden atau 5.7% dan 4.6% menyatakan *sangat tidak setuju* dan *tidak setuju* terhadap item ini. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah sebanyak 3.90. Ini menunjukkan bahawa sememangnya tenaga kaedah gundalan digunakan oleh pelajar dalam menghafaz al-Quran.

**Jadual 4.78 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Kaedah Tasmi'**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
12	Kaedah Tasmi'	1	1	0.3	4.64
		2	6	1.6	
		3	7	1.9	
		4	98	26.6	
		5	256	69.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.78 di atas memaparkan berkenaan kekerapan dan peratus kaedah tasmi'. Hasil analisis mengenal pasti bahawa kebanyakan responden menyatakan *sangat setuju* iaitu dengan jumlah 69.6% atau bersamaan 256 orang. Responden yang menyatakan keputusan *setuju* juga mencatatkan jumlah kedua tertinggi dengan 26.6% atau sebanyak 98 orang

Analisis juga telah mengenal pasti hanya 14 orang sahaja yang tidak bersetuju dengan kaedah ini. Tujuh daripada mereka berada dalam skor *kurang setuju* sebanyak 1.9%, enam orang dengan 1.6% pula dalam skor *tidak setuju* dan akhir sekali hanya seorang sahaja dengan peratusannya sebanyak 0.3% telah memilih skor *sangat tidak setuju*. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah 4.64.



**Jadual 4.79 Taburan Kekerapan Dan Peratus Bergaul Dengan Mereka Yang Telah Hafiz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
13	Bergaul dengan mereka yang telah menjadi hafiz.	1	5	1.4	4.49
		2	4	1.1	
		3	17	4.6	
		4	120	32.6	
		5	222	60.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya pada jadual 4.34 yang dipaparkan di atas menerangkan berkenaan dengan bergaul dengan mereka yang telah menjadi hafiz. Di dapati bahawa majoriti responden memilih untuk *setuju* dengan item ini. Sebanyak 222 orang responden atau mewakili 60.3% berpandangan sedemikian. Di tambah pula dengan mereka yang *setuju* sebanyak 100 dengan 32.6 menjadikan jumlah yang setuju sahaja melebihi 90%..

Di samping itu, analisis mendapati sebanyak 17 orang responden atau 4.6% merasakan *kurang setuju* terhadap item ini. Manakala lima yang lain atau 1.4% menyatakan *sangat tidak setuju* dan baki empat orang responden atau 11.1% yang lain memilih skor *tidak setuju*. Min yang direkodkan bagi item ini ialah 4.49.

**Jadual 4.80 Taburan Kekerapan Dan Peratus Kaedah Mendengar Bacaan Hafiz Al-Quran**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
14	Mendengar bacaan hafiz al-Quran.	1	3	0.8	4.50
		2	6	1.6	
		3	12	3.3	
		4	130	35.3	
		5	217	59.0	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.80 di atas merupakan analisis berkenaan kaedah mendengar bacaan hafiz al-Quran. Sebanyak 347 orang responden atau mewakili 94.3% dari kalangan responden bersetuju dengan item yang disediakan. Ini termasuklah 130 orang dengan 35.3% daripadanya yang memberikan respons skor *setuju*, manakala selebihnya adalah bagi skor *sangat setuju*.

Jumlah responden yang menyatakan *kurang setuju* menunjukkan bilangan yang agak kecil iaitu sebanyak 16 orang atau bersamaan 3.3% sahaja. Analisis juga mendapati bahawa hanya sembilan orang responden yang *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Enam responden atau 1.6% daripadanya *tidak setuju* manakala tiga yang lain pula *sangat tidak setuju*. Min yang dicatatkan adalah pada aras yang tinggi iaitu 4.50.

**Jadual 4.81 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Mengulang Hafazan Bersama Orang Lain**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
15	Mengulang hafazan bersama orang lain.	1	5	1.4	4.46
		2	3	0.8	
		3	29	7.9	
		4	110	29.9	
		5	221	60.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Dapatan kajian yang dipaparkan dalam jadual 4.81 di atas ialah berkenaan kekerapan responden mengulang hafazan bersama pelajar lain. Jadual di atas menunjukkan bahawa peratusan responden yang bersetuju adalah lebih ramai berbanding dengan responden yang tidak bersetuju.

Sebanyak 221 orang responden atau bersamaan 60.1% memilih *sangat setuju* untuk item ini di samping 110 yang lain atau mewakili 29.9% memberikan respons *setuju*. Manakala skor *kurang setuju* pula menunjukkan jumlah sebanyak 7.90% atau sebanyak 29 orang responden. Responden yang memilih skor *sangat tidak setuju* adalah sebanyak lima orang atau 1.4% dan catatan paling sedikit direkodkan pada skor *tidak setuju* iaitu sebanyak tiga orang sahaja atau menyamai 0.8%. Min yang dicatatkan ialah sebanyak 4.46.

**Jadual 4.82 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Selalu Membaca Ayat Yang Dihafaz Dalam Solat**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
16	Selalu membaca ayat yang dihafaz di dalam solat.	1	2	0.5	4.45
		2	2	0.5	
		3	8	2.2	
		4	76	20.7	
		5	280	76.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya jadual 4.82 di atas menerangkan berkenaan kekerapan responden selalu membaca ayat yang telah dihafaz di dalam solat mereka. Sebagaimana analisis item sebelum ini, majoriti responden untuk item ini *sangat bersetuju* terhadap item yang dikemukakan. Sebanyak 280 orang responden atau mewakili 76.1% memberikan respon *sangat setuju*, manakala 76 yang lain atau bersamaan 20.7% menyatakan untuk skor *setuju*. Peratusan yang tinggi bagi kedua-dua skor ini membuktikan bahawa responden sentiasa membaca ayat yang telah dihafaz di dalam solat mereka.

Namun begitu, terdapat 2.2% atau lapan orang dari kalangan responden yang berasa *kurang setuju* terhadap item ini. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat dua orang responden atau menyamai 0.5% yang masing-masing memberikan maklum balas *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah 4.45.

**Jadual 4.83 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Menyertai *Musabaqah Hifz Al-Quran***

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
17	Menyertai <i>Musabaqah Hifz al-Quran</i> .	1	24	6.5	3.58
		2	29	7.9	
		3	96	26.1	
		4	146	39.7	
		5	73	19.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Analisis pada jadual 4.83 di atas memaparkan taburan kekerapan dan peratusan responden yang menyertai *Musabaqah Hifz Al-Quran*. Di dapati bahawa 24 orang responden (6.5%) yang *sangat tidak bersetuju* terhadap item ini. 29 orang lagi responden dengan peratusan 7.9% pula menyatakan skor *tidak setuju*, manakala 96 responden atau 26.1% menyatakan skor *kurang setuju*.

Penyelidik mendapati majoriti responden bersetuju tentang penyertaan di dalam *musabaqah hifz al-Quran*. Sebanyak 146 daripadanya memberikan skor *setuju* serta 73 lagi menandakan *setuju*. Gabungan kedua-dua skor tersebut mencatatkan peratusan sebanyak 59.5%. Catatan min yang sederhana iaitu 3.58 menunjukkan bahawa sememangnya ada sebilangan mereka menyertai *musabaqah hifz al-Quran*.

**Jadual 4.84 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Guru  
Memperdengarkan Bacaan Ayat Yang Hendak Dihafaz Kepada  
Responden**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
18	Guru memperdengarkan kepada saya bacaan ayat-ayat yang hendak dihafaz terlebih dahulu.	1	12	3.3	3.85
		2	31	8.4	
		3	70	19.0	
		4	142	38.6	
		5	113	30.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual di atas adalah berkaitan dengan guru akan memperdengarkan terlebih dahulu kepada responden bacaan ayat-ayat yang hendak dihafaz oleh mereka. Pada jadual 4.84 di atas menunjukkan sebilangan besar responden memilih untuk jawapan *setuju*. Ia mencatatkan jumlah sebanyak 38.6% atau mewakili 142 daripada keseluruhan responden. Analisis bagi responden *sangat setuju* pula ialah sebanyak 113 orang atau bersamaan 30.7%.

Manakala bagi skor *tidak setuju* terdapat 70 orang responden atau 19.0% yang menyatakan demikian. Di samping itu, sejumlah 8.4% dan 3.3% lagi menunjukkan pada skor *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Kedua-duanya membawa bilangan sebanyak 43 orang responden. Min yang diperoleh bagi item ini selepas di analisis ialah sebanyak 3.85.

**Jadual 4.85 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Responden Memastikan Terlebih Dahulu Baris, Sifat Huruf Dan Hukum Tajwid Ayat Hendak Dihafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
19	Saya akan memastikan terlebih dahulu baris, sifat huruf dan hukum tajwid setiap ayat yang hendak dihafaz.	1	1	0.3	4.60
		2	6	1.6	
		3	14	3.8	
		4	96	26.1	
		5	251	68.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya kita perhatikan pada jadual 4.85 di atas di mana ia memaparkan analisis berkenaan responden akan memastikan terlebih dahulu baris, sifat huruf dan hukum tajwid setiap ayat yang hendak dihafaz. Di dapati bahawa sebilangan besar atau majoriti responden bersetuju terhadap ini. Sebanyak 68.2% daripada jumlah keseluruhan atau 251 orang responden terdiri daripada mereka yang memilih skor *sangat setuju*. 26.1% atau sebanyak 96 yang lain memberikan respons *setuju* sekaligus menunjukkan bahawa sememangnya pelajar akan memastikan terlebih dahulu baris, sifat huruf dan hukum tajwid setiap ayat yang hendak dihafaz.

Selain itu, sebanyak 14 orang responden atau bersamaan 3.8% merasakan *kurang setuju* tentang hal ini, manakala baki tujuh yang lain tidak bersetuju terhadap item ke-19 ini. Ini termasuklah enam orang yang menyatakan *tidak setuju* serta seorang lagi *sangat tidak setuju*. Kedua-duanya merangkumi 1.9%. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah sebanyak 4.60.

**Jadual 4.86 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Akan Memahami Maksud Ayat Terlebih Dahulu Sebelum Menghafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
20	Saya akan memahami maksud ayat terlebih dahulu sebelum menghafaznya.	1	20	5.4	3.63
		2	21	5.7	
		3	108	29.3	
		4	145	39.4	
		5	74	20.1	
Jumlah					

$n = 368$

Seterusnya adalah hasil analisis bagi item yang berkaitan dengan responden akan memahami terlebih dahulu maksud ayat yang hendak dihafaz olehnya. Hasilnya, didapati bahawa responden yang memilih skor *setuju* menunjukkan dapatan tertinggi iaitu sebanyak 145 orang atau merangkumi 39.4%. Skor *kurang setuju* pula berada pada kedudukan kedua tertinggi iaitu sebanyak 108 orang responden serta meliputi 29.3%.

Bagi responden yang *sangat bersetuju* terhadap item ini pula menunjukkan peratusan yang sederhana. 20.1% atau bersamaan 74 orang responden memilih skor *sangat setuju*, manakala 5.7% lagi atau 21 orang responden yang lain menyatakan *tidak setuju*. Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 20 orang responden atau mewakili baki 5.4% memberikan respons *sangat tidak setuju* berkenaan memahami terlebih dahulu maksud ayat yang hendak dihafaz. Min keseluruhan yang dicatatkan bagi item ini ialah 3.63.



**Jadual 4.87 Taburan Kekerapan Dan Peratus Memahami Maksud Ayat Yang Hendak Dihafaz Membantu Responden Menghafaz Dengan Baik Dan Lancar**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
21	Memahami maksud ayat yang hendak dihafaz membantu saya menghafaz dengan baik dan lancar.	1	12	3.3	3.96
		2	18	4.9	
		3	66	17.9	
		4	150	40.8	
		5	122	33.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Analisis berikutnya adalah berkenaan dengan memahami maksud ayat yang hendak dihafaz membantu responden menghafaz dengan baik dan lancar. Jadual 4.87 menunjukkan bahawa memahami maksud ayat yang hendak dihafaz sememangnya membantu seseorang menghafaz dengan baik dan lancar. Sebanyak 74% dari kalangan responden bersetuju dengan item ini. 40.8% daripadanya memberikan respons *setuju*, manakala bakinya menandakan skor *sangat setuju*. Masing-masing meliputi jumlah responden sebanyak 150 dan 122 orang.

Penyelidik juga mendapati 66 orang responden yang *kurang setuju* bahawa memahami maksud ayat yang hendak dihafaz dapat membantu responden menghafaz dengan baik dan lancar. Manakala 4.9% atau 18 orang responden memberikan jawapan *tidak setuju* dan baki 3.3% atau 12 yang lain memberikan jawapan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Catatan min yang diperolehi adalah sebanyak 3.96.

**Jadual 4.88 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Menetapkan Kadar Ayat Yang Hendak Dihafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
22	Saya menetapkan kadar hafazan ayat yang ingin dihafaz seperti satu maqra' satu hari.	1	14	3.8	4.13
		2	10	2.7	
		3	45	12.2	
		4	143	38.9	
		5	156	42.4	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Item 22 dalam jadual 4.88 di atas pula bertujuan untuk mengetahui sama ada responden menetapkan kadar hafazan ayat yang ingin dihafaz seperti satu maqra' sehari ataupun tidak. Hasil analisis mendapati kekerapan responden yang memilih skor *sangat setuju* iaitu dengan peratusan sebanyak 42.4% atau sejumlah 162 orang responden adalah kekerapan dan peratus yang tertinggi. Ini diikuti pula oleh skor *setuju* dengan bilangan respondennya sebanyak 143 orang atau mewakili 38.9%.

Sebanyak 45 orang responden pula memilih jawapan *kurang setuju* atau meliputi 12.2%, manakala 45 responden lagi memberikan respon *kurang setuju* berkenaan hal ini. Terdapat juga sebanyak 24 orang responden yang tidak bersetuju dengan item ini. Masing-masing 14 orang atau 3.8% bagi respon *sangat tidak setuju* serta 10 yang lain atau 2.7% bagi respon *tidak setuju*. Min yang dicatatkan pula ialah sebanyak 4.13.

**Jadual 4.89 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Tidak Akan Berpindah Ke *Muqarrar* Lain Selagi Ayat Yang Dihafaz Belum Lancar**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
23	Saya tidak akan berpindah ke <i>muqarrar</i> lain selagi ayat yang hendak dihafaz belum betu-lbetul lancar.	1	5	1.4	4.41
		2	10	2.7	
		3	16	4.3	
		4	136	37.0	
		5	201	54.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Dalam jadual 4.89 di atas, item yang didirikan adalah untuk melihat sama ada responden tidak akan berpindah ke *muqarrar* lain selagi ayat yang sedang dihafaz belum betul-betul lancar atau sebaliknya. Ternyata maklum balas yang diterima penyelidik adalah positif iaitu lebih daripada 90% dari kalangan responden yang bersetuju terhadap item ini. Sebanyak 54.6% atau merangkumi 201 orang responden memilih untuk skor *sangat setuju* manakala sebanyak 136 atau 37.0% pula memberikan skor *setuju*.

Bagi responden yang tidak bersetuju pula, analisis telah merekodkan sebanyak 31 orang responden yang menyatakan *tidak setuju*. 16 orang atau 4.3% daripadanya memberikan respon *kurang setuju*, 2.7% atau 10 orang responden memberikan respon *tidak setuju* dan selebihnya untuk skor *sangat tidak setuju* iaitu sebanyak lima orang responden atau 1.4%. Catatan min yang dicatatkan bagi item ini ialah 4.41.

**Jadual 4.90 Taburan Kekerapan Dan Peratus Melihat Tafsir Sebelum Dan Selepas Menghafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
24	Melihat tafsir sebelum dan selepas menghafaz.	1	27	7.3	3.44
		2	38	10.3	
		3	117	31.8	
		4	118	32.1	
		5	68	18.5	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Analisis data yang seterusnya ialah berkenaan taburan kekerapan dan peratusan kaedah melihat tafsir sebelum dan selepas menghafaz. Paparan jadual 4.90 menunjukkan kebanyakannya responden bersetuju dengan cara melihat tafsir sebelum dan selepas menghafaz untuk menguatkan ingatan pada ayat yang telah dihafaz. Di dapati sebanyak 118 orang responden atau 32.1% menyatakan *setuju*. Namun, kurang seorang sahaja responden dari mereka yang setuju memilih skor *kurang setuju* dengan sebanyak 31.8%.

Hasil analisis juga mendapati sebanyak 68 orang atau mewakili 18.5% telah menyatakan *sangat setuju* terhadap item ini. Lebih sebanyak 17.6% atau 65 orang responden tidak bersetuju iaitu 10.3% atau 38 orang daripadanya memberikan respon *tidak setuju* dan selebihnya menyatakan *sangat tidak setuju*. Catatan min yang ditunjukkan adalah sebanyak 3.44.

**Jadual 4.91 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Melancarkan Ayat Yang Hendak Dihafaz Beberapa Kali Terlebih Dahulu Sebelum Menghafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
25	Saya akan melancarkan ayat yang hendak dihafaz beberapa kali terlebih dahulu sebelum mula menghafaz.	1	2	0.5	4.70
		2	1	0.3	
		3	5	1.4	
		4	88	23.9	
		5	272	73.9	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya merupakan analisis berkenaan kekerapan responden akan melancarkan ayat yang hendak dihafaz beberapa kali terlebih dahulu sebelum mula menghafaznya. Jadual 4.91 menunjukkan majoriti responden memilih skor *sangat setuju* dengan jumlah sebanyak 272 orang atau 73.9%, manakala catatan skor *tidak setuju* adalah merupakan jumlah paling minimum iaitu sebanyak seorang atau mewakili 0.3% sahaja. Skor *setuju* juga mencatatkan bilangan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 88 orang atau bersamaan 23.9% menjadikan jumlah responden yang bersetuju sahaja melebihi 97%.

Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak lima orang responden lagi atau bersamaan 1.4% menyatakan *kurang setuju* dengan kaedah di atas. Akhir sekali, hanya dua orang responden atau 0.5% yang memilih *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Min yang diperoleh selepas analisis bagi item ini ialah 4.70.

**Jadual 4.92 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Responden Akan Lebih Mudah Menghafaz Jika Mendengar Sesuatu Ayat Berulang Kali**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
26	Apabila mendengar bacaan sesuatu ayat berulang kali saya akan lebih mudah untuk menghafaz ayat tersebut.	1	3	0.8	4.56
		2	1	0.3	
		3	15	4.1	
		4	116	31.5	
		5	233	63.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.92 di atas memaparkan berkenaan kekerapan responden apabila mendengar bacaan sesuatu ayat berulang kali akan lebih mudah bagi mereka untuk menghafaz ayat tersebut. Hasil analisis mendapati sebilangan besar dari kalangan responden bersetuju dengan item yang disediakan. Sebanyak 233 responden memilih skor *sangat setuju* dengan peratusnya sebanyak 63.3%. Ini diikuti dengan skor *setuju* iaitu sebanyak 116 orang responden atau bersamaan dengan 31.5%.

Seterusnya bagi skor *kurang setuju*, sebanyak 15 orang responden atau mewakili 4.1% memilih skor ini. Selain itu, terdapat 15 orang responden atau 0.8% memilih skor *sangat tidak setuju* dan bilangan terendah dicatat pada skor *tidak setuju* iaitu sebanyak 0.3% atau hanya seorang sahaja orang responden. Min keseluruhan bagi item ini ialah 4.56.

**Jadual 4.93 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Mempraktikkan Kaedah Menghafaz Secara Mengulang-Ulang Dalam Bacaan Ketika Solat**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
27	Saya mempraktikkan kaedah menghafaz secara mengulang-ulang dalam bacaan-bacaan ketika solat.	1	7	1.9	4.35
		2	4	1.1	
		3	35	9.5	
		4	129	35.1	
		5	193	52.4	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Analisis pada jadual 4.93 menunjukkan kekerapan responden mempraktikkan kaedah menghafaz secara mengulang-ulang dalam bacaan ketika solat. Dapatan kajian menunjukkan majoriti di kalangan responden bersetuju bahawa perlu dan mereka mempraktikkan kaedah menghafaz secara mengulang-ulang dalam bacaan ketika solat mereka. Sebanyak 193 orang responden atau mewakili 52.4% memberikan respon *sangat setuju* manakala di tambah dengan 129 yang lain atau 35.1% menyatakan *skor setuju* menjadikan jumlah yang bersetuju sahaja melebihi 87%.

Di samping itu juga, sebanyak 35 orang responden atau menyamai 9.5% memilih untuk skor *kurang setuju* serta tujuh orang responden atau 1.9% menyatakan skor *sangat tidak setuju*. Rekod bagi skor *tidak setuju* pula mencatatkan hanya empat orang sahaja dengan peratusnya sebanyak 1.1%. Min yang sederhana dicatatkan pada item ini iaitu 4.35.

**Jadual 4.94 Taburan Kekerapan Dan Peratus Menggambarkan Ayat Yang Hendak Dihafaz Dalam Ingatan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
28	Menggambarkan ayat yang hendak dihafaz dalam ingatan.	1	1	0.3	4.54
		2	4	1.1	
		3	19	5.2	
		4	114	31.0	
		5	230	62.5	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.49 di atas menunjukkan lebih daripada 3/4 dari kalangan responden yang bersetuju terhadap item yang dikemukakan. 230 orang responden memberikan respon *sangat setuju*, manakala 114 yang lain pula menyatakan *setuju*. Masing-masing membawa jumlah peratus sebanyak 62.5% dan 31.0%.

Analisis kajian juga mengenal pasti sebanyak 19 orang responden memberikan maklum balas *kurang setuju* dengan cara menggambarkan ayat yang hendak dihafaz dalam kotak fikiran. Selain itu juga, terdapat empat orang atau mewakili 1.1% telah memilih skor *tidak setuju*, manakala baki yang lain iaitu hanya seorang sahaja memilih skor *sangat tidak setuju* dengan peratusan sebanyak 0.3%. Catatan min keseluruhan bagi item ini ialah 4.54.



**Jadual 4.95 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Memahami Terlebih Dahulu Isi Kandungan Ayat Yang Hendak Dihafaz Sebelum Dan Selepas Menghafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
29	Memahami dahulu isi kandungan ayat yang hendak dihafaz sebelum dan selepas menghafaznya.	1	16	4.3	3.68
		2	21	5.7	
		3	115	31.3	
		4	127	34.5	
		5	89	24.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Paparan jadual 4.95 menunjukkan analisis berkaitan kaedah memahami dahulu isi kandungan ayat yang hendak dihafaz sebelum dan selepas menghafaznya. Keseluruhannya, majoriti dari kalangan responden bersetuju terhadap item yang disediakan. Malah sebanyak 127 orang responden atau 34.5% telah memilih pada skor *setuju*. Tetapi 31.3% atau bersamaan 115 orang responden yang lain pula telah memberikan maklum balas *kurang setuju*.

Selain itu, terdapat sebanyak 89 orang responden atau mewakili 24.2% yang berasa *sangat setuju* kaedah memahami dahulu isi kandungan ayat yang hendak dihafaz sebelum dan selepas menghafaznya. Manakala, didapati hanya 5.7% atau bersamaan 21 orang responden dan 4.3% atau bersamaan 16 orang responden yang *tidak bersetuju* dan *sangat tidak bersetuju* dengan item yang dikemukakan. Min keseluruhan yang dicatatkan bagi item ini ialah 3.68.

**Jadual 4.96 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Akan Menulis Ayat Yang Hendak Dihafaz Secara Berulang Kali Sebelum Dan Selepas Menghafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
30	Saya akan menulis ayat yang hendak dihafaz berulang kali sebelum dan selepas menghafaznya.	1	28	7.6	3.20
		2	51	13.9	
		3	155	42.1	
		4	86	23.4	
		5	48	13.0	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.96 yang dipaparkan di atas berkenaan responden menulis ayat yang hendak dihafaz secara berulang kali sebelum dan selepas menghafaz ayat tersebut. Hasil analisis mendapati sebilangan besar dari kalangan responden *kurang setuju* terhadap item ini. Sebanyak 155 daripada 368 responden atau merangkumi 42.1% memilih untuk skor *tersebut*. Manakala 86 orang atau bersamaan 23.4% yang lain pula berbeza pendapat dengan memberikan respons *setuju*. Ini menunjukkan pandangan yang berbeza-beza berkenaan kaedah atau cara menulis ayat yang hendak dihafaz secara berulang kali sebelum dan selepas menghafaz ayat tersebut.

Seterusnya bilangan responden yang menyatakan *tidak setuju* juga menunjukkan bilangan yang agak banyak iaitu seramai 51 orang atau meliputi 13.9%. Dapatan juga menunjukkan sebanyak 48 orang responden menyatakan *sangat setuju* serta 28 responden lagi memilih *sangat tidak setuju*. Kedua-duanya membawa jumlah sebanyak 13.0% dan 7.6%. Min pada aras sederhana dicatatkan iaitu sebanyak 3.20.

**Jadual 4.97 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Menulis Berulang Kali Sesuatu Ayat Akan Lebih Mudah Bagi Responden Untuk Mengingatinya**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
31	Dengan menulis berulang kali sesuatu ayat saya akan lebih mudah untuk mengingatinya.	1	31	8.4	3.43
		2	35	9.5	
		3	125	34.0	
		4	99	26.9	
		5	78	21.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.97 yang dipaparkan di atas merupakan analisis tentang kaedah menulis berulang kali sesuatu ayat akan lebih mudah bagi responden untuk mengingatinya. Hasil kajian mendapati keputusan yang agak sama dengan item sebelum ini iaitu skor *kurang setuju* menunjukkan paras paling tinggi iaitu 34.0% atau merangkumi sebanyak 125 orang responden. Manakala skor paling rendah adalah terletak pada skor *sangat tidak setuju* iaitu dengan 31 orang responden atau 8.4% sahaja.

Di samping itu, sebanyak 99 orang responden atau mewakili 26.9% dari kalangan responden memilih skor *setuju* dan diikuti oleh skor *sangat setuju* dengan bilangan responden seramai 78 orang atau 21.2%. Seterusnya penyelidik telah mendapati sebanyak 35 orang dari kalangan responden atau bersamaan 9.5% memberikan respons *tidak setuju* dengan pendapat, menulis berulang kali sesuatu ayat akan lebih mudah bagi responden untuk mengingatinya. Min keseluruhan yang direkodkan ialah 3.43.

**Jadual 4.98 Taburan Kekerapan Dan Peratus Keistimewaan Dan Kelebihan Al-Quran Mendorong Responden Menghafaznya**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
32	Keistimewaan dan kelebihan al-Quran mendorong saya menghafaznya.	1	1	0.3	4.67
		2	-	-	
		3	10	2.7	
		4	99	26.9	
		5	258	70.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Pada jadual di atas, item yang disediakan adalah untuk mengetahui adakah disebabkan keistimewaan dan kelebihan al-Quran mendorong responden untuk menghafaznya. Analisis mendapati lebih daripada 97% responden bersetuju terhadap item ini. Namun, terdapat juga sekitar 3% dari kalangan responden menyatakan sebaliknya.

Sebanyak 258 orang pelajar atau 70.1% memberikan maklum balas *sangat setuju* dan ditambah sebanyak 99 orang lagi atau menyamai 26.9% yang menyatakan *setuju*. Sementara itu, sejumlah 10 orang responden atau merangkumi 2.7% telah memilih skor *kurang setuju* dan baki seorang lagi memilih skor *sangat tidak setuju*. Manakala untuk skor *tidak setuju* tiada kekerapan dan peratus dicatatkan. Min yang agak memberangsangkan turut dicatat bagi item ini iaitu 4.67.

**Jadual 4.99 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Sering Menghafaz Dan Mengulang-Ulang Hafazan Sesudah Solat Fardhu Dengan Sekurang-Kurangnya Seperempat Juzuk**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
33	Saya sering menghafaz dan mengulang-ulang hafazan saya setiap kali selepas solat fardhu sekurang-kurangnya satu perempat juzuk al-Quran.	1	9	2.4	4.15
		2	12	3.3	
		3	58	15.8	
		4	125	34.0	
		5	164	44.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Paparan jadual 4.99 di atas menunjukkan hasil analisis berkenaan pengakuan responden yang sering menghafaz dan mengulang-ulang hafazan mereka setiap kali selepas solat fardhu sekurang-kurangnya satu perempat juzuk al-Quran. Skor yang positif menjadi pilihan utama di kalangan responden dengan mencatatkan jumlah sebanyak 78.6% di mana sebahagian besarnya adalah pada skor *sangat setuju*. Ia merangkumi sebanyak 164 (44.6%) orang responden manakala untuk skor *setuju* mencatatkan jumlah sebanyak 125 orang atau mewakili 34.0%.

Di samping itu, analisis mendapati hanya 58 orang responden yang *kurang setuju* terhadap item ini. 12 orang lagi atau menyamai 15.8% memilih skor *tidak setuju*, sementara baki sembilan yang lain atau 2.4% memberikan respon *sangat tidak setuju*. Min keseluruhan yang dicatatkan bagi item ini ialah 4.15.

**Jadual 4.100 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Menghafaz Dan Mengulang Bacaan Mereka Mengikut Jadual Yang Disusun Sendiri**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
34	Saya menghafaz dan mengulang bacaan saya mengikut jadual yang saya susun sendiri.	1	5	1.4	4.13
		2	14	3.8	
		3	60	16.3	
		4	137	37.2	
		5	152	41.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya pula penyelidik akan menghuraikan berkenaan analisis bagi item berkenaan dengan responden menghafaz dan mengulang bacaan mengikut jadual yang disusun oleh mereka sendiri. Jadual 4.100 di atas jelas menunjukkan bahawa majoriti dari kalangan responden memberikan reaksi positif dengan memilih skor *sangat setuju* dan *setuju*. Sebanyak 152 orang responden memberikan respons *sangat setuju*, sementara 137 lagi memilih skor *setuju*. Masing-masing membawa jumlah peratusan dua yang tertinggi iaitu 41.3% dan 37.2% .

Penyelidik juga telah mengenal pasti sebanyak 60 orang responden yang memberikan maklum balas *kurang setuju*. Ia membawa jumlah sebanyak 16.3%. Selain itu juga, analisis mencatatkan bilangan yang sedikit bagi skor *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Masing-masing memberikan jumlah sebanyak 14 orang dan lima orang responden sahaja. Peratusan yang diperolehi ialah sebanyak 3.8% bagi *tidak setuju* dan 1.4% bagi *sangat tidak setuju*. Secara keseluruhannya, min yang dicatatkan ialah sebanyak 4.13.

**Jadual 4.101 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Sentiasa Beristiqamah Dalam Menghafaz Dan Mengulang Hafazan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
35	Saya sentiasa beristiqamah dan berdisiplin dalam menghafaz dan mengulang hafazan saya.	1	1	0.3	4.26
		2	12	3.3	
		3	45	12.2	
		4	141	38.3	
		5	169	45.9	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.101 menunjukkan kekerapan dan peratus tentang responden sentiasa beristiqamah dan berdisiplin dalam menghafaz dan mengulang hafazan. Didapati bahawa majoriti responden *sangat setuju* dengan item yang dikemukakan. Jumlah tersebut meliputi sebanyak 84.2% atau bersamaan dengan 310 orang responden. Ini termasuklah 169 responden atau 45.9% yang menyatakan *sangat setuju*. Manakala responden yang memberikan jawapan *setuju* pula menunjukkan bilangan sebanyak 141 responden atau menyamai 38.3%.

Berdasarkan kepada jadual 4.101 juga, hasil analisis mendapati sebanyak 12.2% atau mewakili 45 orang responden menyatakan *tidak setuju* serta 3.3% yang berikutnya atau 12 orang berpandangan *kurang setuju*. Di samping itu juga, hanya seorang responden sahaja yang menyatakan *sangat tidak setuju* dengan peratusan 0.3%. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah 4.26.

**Jadual 4.102 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berdasarkan Melakukan Solat Sunat *Hifzi* Untuk Mengaja Hafazan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
36	Saya melakukan solat sunat <i>hifzi</i> empat rakaat pada malam jumaat untuk menjaga hafazan saya.	1	19	5.2	4.06
		2	20	5.4	
		3	56	15.2	
		4	97	26.4	
		5	176	47.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.102 menunjukkan kekerapan dan peratus responden melakukan solat sunat *hifzi* empat rakaat pada malam jumaat untuk menjaga hafazan. Didapati bahawa majoriti responden *sangat setuju* dengan item yang dikemukakan. Jumlah tersebut meliputi sebanyak 47.8% atau bersamaan dengan 176 orang responden. Manakala responden yang memberikan jawapan *setuju* menunjukkan bilangan sebanyak 97 responden atau menyamai 26.4%.

Berdasarkan kepada jadual di atas juga, hasil analisis mendapati sebanyak 15.2% atau mewakili 56 orang responden menyatakan *kurang setuju* serta 5.4% yang berikutnya atau 20 orang berpandangan *tidak setuju*. Di samping itu juga, responden yang *sangat tidak setuju* pula mencatatkan jumlah sebanyak dua orang atau mewakili 0.5%. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah 4.06.



**Jadual 4.103 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Sering Melakukan Solat Sunat *Tahajjud* dan Hajat Serta Berpuasa Sunat**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
37	Saya sering bersolat sunat <i>tahajjud</i> dan solat sunat hajat pada malam hari dan juga turut berpuasa sunat.	1	4	1.1	4.39
		2	13	3.5	
		3	25	6.8	
		4	121	32.9	
		5	205	55.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.103 di atas adalah berkenaan kekerapan pelajar sering bersolat sunat *tahajjud* dan solat sunat hajat pada malam hari dan juga turut berpuasa sunat. Reaksi yang diterima oleh penyelidik adalah positif serta menggalakkan. Majoriti responden memilih untuk skor *sangat setuju* dengan jumlah sebanyak 55.7% atau mewakili sebanyak 121 orang responden. Di samping itu, sebanyak 121 orang responden atau merangkumi 32.9% memberikan respons *setuju*. Penyelidik mendapati lebih sebanyak 88% dari kalangan responden yang bersetuju terhadap item ini.

Sementara itu, skor *kurang setuju* memberikan jumlah sebanyak 25 orang responden ataupun 6.8%. Analisis juga mendapati sebanyak 13 orang responden yang memilih skor *tidak setuju* serta baki empat yang lain menyatakan *sangat tidak setuju*. Masing-masing membawa jumlah sebanyak 3.5% dan 1.1%. Min keseluruhan yang dicatatkan bagi item terkahir ini ialah 4.39.

### 4.2.3 Bahagian III (b): Masalah-masalah Dalam Menghafaz

Dalam bahagian ini, penyelidik telah menyediakan 48 item soalan yang berpandukan kepada objektif yang tertera di atas. Item-item soalan yang dibina adalah bertujuan untuk mengenal pasti serta mengetahui masalah-masalah dalam menghafaz al-Quran oleh pelajar-pelajar tahfiz. Berikut dipaparkan analisis serta huraian berkenaan objektif yang ketiga ini:

**Jadual 4.104 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Niat Yang Tidak Ikhlas Untuk Menghafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
1	Niat yang tidak ikhlas untuk menghafaz.	1	104	28.3	3.18
		2	29	7.9	
		3	42	11.4	
		4	84	22.8	
		5	109	29.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.104 di atas menunjukkan taburan masalah-masalah menghafaz iaitu niat yang tidak ikhlas untuk menghafaz berdasarkan kekerapan, peratus dan juga min. Hasil daripada kajian mendapati bahawa kebanyakan responden menyatakan *sangat setuju* dengan item yang dikemukakan. Ini merangkumi bilangan sebanyak 109 orang atau bersamaan dengan 29.6%. Manakala jumlah responden yang *tidak setuju* mencatatkan nilai paling sedikit iaitu sebanyak 7.9% atau hanya 29 orang sahaja. Sementara itu, sebanyak 104 orang atau 28.3% menyatakan *sangat tidak setuju*, 84 orang atau 22.8% *setuju* dan mereka yang memberikan jawapan *kurang setuju* menunjukkan bilangan sebanyak 42 orang atau 11.4%.

Penyelidik mendapati bahawa wujud keseimbangan di antara mereka yang bersetuju dengan mereka yang tidak bersetuju dengan masalah-masalah menghafaz iaitu niat yang tidak ikhlas. Tetapi responden yang setuju dengan masalah ini menunjukkan bilangan yang lebih sedikit iaitu 52.4% berbanding responden yang tidak setuju iaitu 47.6%. Min keseluruhan bagi item ini ialah 3.18.

**Jadual 4.105 Taburan Kekerapan Dan Peratus Masalah Cintakan Dunia Dan Terlalu Sibuk Dengan Hal-Hal Keduniaan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
2	Cintakan dunia dan terlalu sibuk dengan hal-hal keduniaan.	1	98	26.6	3.15
		2	40	10.9	
		3	46	12.5	
		4	77	20.9	
		5	107	29.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.105 menunjukkan kekerapan dan peratus masalah cintakan dunia dan terlalu sibuk dengan hal-hal keduniaan di kalangan pelajar tahfiz. Didapati bahawa majoriti responden tidak menafikan hal ini bahkan *sangat setuju* dengan item yang dikemukakan. Jumlah tersebut meliputi sebanyak 29.1% atau bersamaan dengan 107 orang responden. Namun terdapat 98 yang lain pula tidak bersetuju item ini dengan pendapat *sangat tidak setuju*. Peratusan mereka adalah sebanyak 26.6%.

Berdasarkan kepada jadual 4.105 juga, hasil analisis mendapati sebanyak 20.9% atau mewakili 77 orang responden menyatakan *setuju* serta 12.5% yang berikutnya atau 46 orang berpandangan *kurang setuju*. Di samping itu juga, responden yang *tidak setuju* mencatatkan jumlah sebanyak 40 orang atau mewakili 10.9%. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah 3.15.

**Jadual 4.106 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tidak Merasai Kenikmatan Membaca Dan Menghafaz al-Quran**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
3	Tidak merasai kenikmatan membaca dan menghafaz al-Quran.	1	77	20.9	3.17
		2	52	14.1	
		3	57	15.5	
		4	94	25.5	
		5	88	23.9	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Item yang seterusnya ini pula untuk mengetahui masalah menghafaz iaitu tidak merasai kenikmatan membaca dan menghafaz al-Quran. Jika dilihat pada jadual 4.106 di atas, didapati bahawa kebanyakan responden memberikan jawapan *setuju* dengan soalan yang dikemukakan. Jumlah tersebut merangkumi 25.5% atau bersamaan 94 orang responden. Bagi mereka yang memilih skor 5 (*sangat setuju*) pula mencatatkan jumlah sebanyak 88 orang responden atau menyamai 23.9%. Selain itu juga, analisis mendapati terdapat 77 orang responden atau bersamaan 20.9% yang *sangat tidak setuju* serta 57 (15.5%) dan 52 (1.1%) orang responden yang lain pula memberikan respon *kurang setuju* dan *tidak setuju* terhadap ini. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah 3.17.

**Jadual 4.107 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Masalah Berkaitan Lupa**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
4	Masalah Lupa	1	56	15.2	3.39
		2	40	10.9	
		3	69	18.8	
		4	111	30.2	
		5	92	25.0	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya jadual 4.107 di atas memaparkan analisis berkenaan masalah hafazan iaitu lupa. Dapatan kajian menunjukkan peratusan tertinggi terletak pada skor jawapan *setuju* dengan jumlah sebanyak 30.2% atau merangkumi sebanyak 111 orang responden. Catatan kedua tertinggi ialah sebanyak 25.0% atau bersamaan 92 orang responden yang dicatatkan bagi skor *sangat setuju*, manakala 69 yang lain atau 18.8% menyatakan respon, *kurang setuju* terhadap item yang dikemukakan. Di samping itu, terdapat 96 orang responden atau meliputi 26.1% menyatakan pandangan *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Masing-masing 56 orang responden bagi skor *sangat tidak setuju* dan bakinya untuk jawapan *tidak setuju*.

Untuk item ini, penyelidik telah mendapati bahawa masalah hafazan berkaitan lupa ini agak seimbang di antara pelajar yang bersetuju (55%) dengan mereka yang tidak bersetuju (45%). Ini adalah merujuk kepada min yang diperolehi sebanyak 3.39.

**Jadual 4.108 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berdasarkan Tidak Mampu Membaca Al-Quran Dengan Baik**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
5	Tidak mampu membaca al-Quran dengan baik.	1	62	16.8	3.10
		2	57	15.5	
		3	88	23.9	
		4	105	28.5	
		5	56	15.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.108 di atas pula menerangkan berkaitan masalah tidak mampu membaca al-Quran dengan baik . Hasil kajian mendapati keputusan yang diperoleh hampir sama dengan item sebelum ini. Skor *setuju* menunjukkan jumlah terbanyak dengan 105 orang responden atau merangkumi 28.5%. Ini diikuti pula dengan skor *kurang setuju* dengan jumlah sebanyak 88 orang responden atau 23.9%. Terdapat 62 orang responden atau bersamaan 16.8% yang memberikan respon *sangat tidak setuju*.

Manakala masing-masing 56 dan orang 576 atau 15.2 dan 15.5% menyatakan *sangat setuju* dan *tidak setuju* terhadap item ini. Catatan min yang diperoleh iaitu 3.10 menjelaskan masalah tidak mampu membaca al-Quran dengan baik tidak sampai separuh dan segelintir pelajar sahaja.

**Jadual 4.109 Taburan Kekerapan Dan Peratus Masalah Tidak Mampu Mengurus Masa Dengan Baik**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
6	Tidak mampu mengurus masa dengan baik.	1	41	11.1	3.36
		2	51	13.9	
		3	80	21.7	
		4	126	34.2	
		5	70	19.0	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.109 di atas memaparkan analisis tentang kekerapan dan peratus masalah tidak mampu mengurus masa dengan baik. Di dapati majoriti responden *setuju* tentang pendapat demikian. Sebanyak 126 atau 34.2% daripada jumlah keseluruhan responden memilih skor berkenaan. Penyelidik juga mendapati 80 orang responden pula atau menyamai 21.7% *kurang tidak setuju* terhadap item ini.

Manakala sebanyak 70 orang responden atau mewakili 19.0% menyatakan *sangat setuju*. Manakala 51 dan 41 yang lain memilih untuk skor *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Masing-masing membawa jumlah sebanyak 13.9% dan 11.1%. Catatan min adalah sebanyak 3.36.

**Jadual 4.110 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Masalah Sukar  
Membezakan Ayat-Ayat Mutasyabih**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
7	Sukar membezakan ayat-ayat Mutasyabih.	1	29	7.9	3.55
		2	38	10.3	
		3	78	21.2	
		4	148	40.2	
		5	75	20.4	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Pada jadual 4.110 menunjukkan hasil analisis berkenaan masalah sukar untuk membezakan ayat-ayat mutasyabih Peratusan tertinggi dicatatkan bagi skor *setuju* iaitu sebanyak 40.2% atau sejumlah 148 orang responden, manakala peratusan terendah ialah pada skor *sangat tidak setuju* iaitu sebanyak 7.9% atau menyamai 29 orang responden. Ini diikuti dengan skor terendah yang kedua iaitu *tidak setuju* dengan peratusnya adalah 10.3% atau 38 orang responden.

Sebanyak 78 orang responden atau 21.2% menyatakan *kurang setuju* dan baki 75 orang responden atau 20.4% yang lain menyatakan *sangat setuju* terhadap item ini. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah sebanyak 3.55.



**Jadual 4.111 Taburan Kekerapan Dan Peratus Masalah Gangguan Dari Keadaan Sekeliling**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
8	Gangguan dari keadaan sekeliling.	1	38	10.3	3.55
		2	45	12.2	
		3	57	15.5	
		4	134	36.4	
		5	94	25.5	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Suasana pembelajaran yang kondusif dan aman amat penting bagi pengafaz al-Quran untuk membantu mereka menghafaz dengan baik. Apabila diajukan soalan kepada pelajar, adakah keadaan sekeliling memberi gangguan kepada mereka? Jawapannya adalah sebagaimana dalam jadual 4.111 di atas dengan 134 orang responden atau 36.4% *setuju* dengan pendapat sedemikian. Ini diikuti dengan 94 orang responden atau 24.2% yang lain menyatakan *sangat setuju* terhadap item di atas.

Namun terdapat juga sebanyak 57 responden (15.5%) yang memberikan maklum balas *kurang setuju*, 45 orang responden atau 12.2% menyatakan *tidak setuju* dan baki 38 orang lagi iaitu sebanyak 10.3% menyatakan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah sebanyak 3.55.

**Jadual 4.112 Taburan Kekerapan Dan Peratus Masalah Keluarga Mengganggu Fokus Hafazan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
9	Masalah keluarga mengganggu fokus hafazan saya.	1	64	17.4	3.01
		2	70	19.0	
		3	75	20.4	
		4	117	31.8	
		5	42	11.4	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Paparan jadual 4.112 di atas adalah berkaitan dengan masalah keluarga mengganggu fokus hafazan responden. Secara dasarnya, analisis menunjukkan majoriti responden *setuju* dengan item ini. Ia merangkumi jumlah sebanyak 31.8% atau bersamaan 117 orang responden. Namun bertentangan pula dengan 75 orang responden yang lain atau mewakili 20.4% yang memilih skor *kurang setuju*.

Analisis juga mendapati 70 responden (19.0%) lagi *tidak setuju* dan 64 responden (0.5%) yang lain pula menyatakan *sangat tidak setuju* terhadap item di atas. Manakala baki 42 orang responden lagi memilih *sangat setuju* dengan peratusan mereka adalah sebanyak 11.4%. Catatan min bagi item ini pula ialah 3.01 memberi gambaran bahawa masalah keluarga tidak mengganggu fokus hafazan pelajar.

**Jadual 4.113 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berkenaan Masalah Kewangan Mengganggu Tumpuan Hafazan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
10	Masalah kewangan mengganggu tumpuan hafazan saya.	1	77	20.9	2.86
		2	65	17.7	
		3	103	28.0	
		4	78	21.2	
		5	45	12.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jika pada item sebelum ini menghuraikan berkenaan masalah keluarga mengganggu fokus hafazan, akan tetapi item seterusnya ini pula akan memaparkan berkenaan masalah kewangan pula mengganggu hafazan pelajar seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual 4.113 dia atas. Majoriti responden *kurang setuju* bahawa masalah kewangan mengganggu tumpuan hafazan. Skor tersebut merangkumi 28.0% atau sebanyak 103 orang responden. Ini diikuti pula dengan responden yang memberikan respon *setuju* iaitu sebanyak 78 orang atau menyamai 21.2%, lebih seorang daripada skor *sangat tidak setuju* yang mencatatkan jumlah responden sebanyak 77 orang atau 20.9%.

Selain itu juga, sebanyak 17.7% atau 65 orang responden menyatakan *tidak setuju* dan 45 yang lain atau merangkumi 12.2% *sangat setuju* sama sekali terhadap item berkenaan. Dari segi catatan min pula, keseluruhannya adalah berada pada tahap rendah iaitu sebanyak 2.86.

**Jadual 4.114 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berkenaan Pergaulan Sosial  
Memberi Kesan Kepada Daya Ingatan Seseorang Untuk Menghafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
11	Pergaulan sosial mempengaruhi daya ingatan seseorang untuk menghafaz.	1	28	7.6	3.76
		2	31	8.4	
		3	56	15.2	
		4	138	37.5	
		5	115	31.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya pada jadual 4.114 di atas menunjukkan analisis berkenaan taburan kekerapan dan peratus berdasarkan pergaulan sosial mempengaruhi daya ingatan seseorang untuk menghafaz. Majoriti responden akan memilih skor *setuju* dan *sangat setuju* untuk item ini. Kedua-dua skor ini sahaja sudah merangkumi sebanyak 68.8% dengan masing-masing sebanyak 138 dan 115 responden dengan peratusan masing-masing 37.5% dan 31.3%.

Namun begitu, terdapat juga 56 orang responden atau mewakili 15.2% yang *kurang setuju* pergaulan sosial mempengaruhi daya ingatan seseorang menghafaz al-Quran. Manakala 31 orang responden lagi atau 8.4% menyatakan *tidak setuju* dan baki 7.6% atau 28 orang responden menyatakan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah sebanyak 4.42. Ini menunjukkan bahawa majoriti bersetuju pergaulan sosial memberi kesan dan impak yang tidak baik kepada ingatan seseorang untuk menghafaz al-Quran.

**Jadual 4.115 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Menjaga Pancaindera Daripada Melakukan Maksiat**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
12	Saya menjaga pancaindera daripada melakukan perkara-perkara maksiat.	1	11	3.0	4.24
		2	15	4.1	
		3	28	7.6	
		4	135	36.7	
		5	179	48.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.115 di atas memaparkan berkenaan kekerapan dan peratus responden menjaga pancaindera daripada melakukan maksiat. Hasil analisis mendapati bahawa kebanyakan responden memilih skor *sangat setuju* iaitu dengan jumlah 48.6% atau bersamaan 179 orang. Responden yang menyatakan keputusan *setuju* pula mencatatkan jumlah kedua tertinggi dengan 36.7% atau sebanyak 135 orang, manakala 28 orang atau 7.6% lagi memberikan respons *kurang setuju*.

Analisis juga telah mendapati bahawa 15 responden yang memilih jawapan *tidak setuju* dan baki 11 lagi untuk skor *sangat tidak setuju*. Masing-masing membawa jumlah sebanyak 4.1% dan 3.0%. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah 4.24.

**Jadual 4.116 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berkenaan Banyak Hiburan Memberi Kesan Kepada Tumpuan Dan Daya Ingatan Seseorang**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
13	Banyak hiburan seperti mendengar lagu, menonton tv dan membaca majalah memberi kesan kepada tumpuan dan daya ingatan seseorang.	1	75	20.4	3.51
		2	29	7.9	
		3	42	11.4	
		4	77	20.9	
		5	145	39.4	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya pada jadual 4.116 yang dipaparkan di atas menerangkan berkenaan banyak hiburan seperti mendengar lagu, menonton tv dan membaca majalah memberi kesan kepada tumpuan dan daya ingatan seseorang. Di dapati bahawa majoriti responden memilih untuk *sangat setuju* dengan item ini. Sebanyak 145 orang responden atau mewakili 39.4% berpandangan sedemikian. Ditambah pula sebanyak 77 yang lain atau 20.9% yang menyatakan *setuju* bahawa banyak hiburan seperti mendengar lagu, menonton tv dan membaca majalah memberi kesan kepada tumpuan dan daya ingatan seseorang.

Di samping itu, analisis mendapati sebanyak 75 orang responden atau 20.4% merasakan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Manakala 42 yang lain atau 11.4% menyatakan *kurang setuju* dan 29 orang responden atau 7.9% memilih skor *tidak setuju*. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah 3.51.

**Jadual 4.117 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Amat Menitikberatkan Adab Sebelum Dan Selepas Menghafaz Al-Quran Sperti Amalan Berdoa**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
14	Saya amat menitikberatkan adab-adab sebelum dan selepas menghafaz al-Quran seperti amalan-amalan doa yang diberikan oleh guru saya.	1	9	2.4	4.38
		2	5	1.4	
		3	27	7.3	
		4	124	33.7	
		5	203	55.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.117 yang ditayangkan di atas merupakan analisis berkenaan responden amat menitikberatkan adab-adab sebelum dan selepas menghafaz al-Quran seperti amalan-amalan doa yang diberikan oleh guru. Sebanyak 203 orang responden atau mewakili 88.9% dari kalangan responden *sangat setuju* dengan item ini termasuklah 124 daripadanya yang memberikan respon skor *setuju*, manakala selebihnya adalah bagi skor *sangat setuju*. Jumlah responden yang menyatakan *kurang setuju* menunjukkan bilangan yang agak sederhana iaitu sebanyak 27 orang atau bersamaan 7.3%.

Analisis juga mendapati sebanyak 14 orang responden yang *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Masing-masing sembilan (2.4%) dan lima (1.2%) orang responden. Min yang dicatatkan ialah sebanyak 4.38.

**Jadual 4.118 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berkenaan Responden Yang Amat Menitikberatkan Soal Pemakanan Yang Boleh Melemahkan Daya Ingatan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
15	Saya juga amat menitikberatkan soal pemakanan seperti mengelakkan memakan hati, kepala ikan dan benda-benda masam yang boleh melemahkan daya ingatan saya.	1	13	3.5	3.97
		2	26	7.1	
		3	57	15.5	
		4	135	36.7	
		5	137	37.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Dapatan kajian yang dipaparkan dalam jadual 4.118 di atas ialah berkenaan kekerapan responden yang amat menitikberatkan soal pemakanan seperti mengelakkan memakan hati, kepala ikan dan benda-benda masam yang boleh melemahkan daya ingatan. Skor positif dicatatkan dalam jadual di atas iaitu responden yang bersetuju lebih banyak berbanding responden yang tidak bersetuju.

Sebanyak 137 orang responden atau bersamaan 37.2% menyatakan skor *sangat setuju* untuk item ini di samping 135 yang lain atau mewakili 36.7% memberikan respon *setuju*. Manakala skor *kurang setuju* pula menunjukkan jumlah sebanyak 15.5% atau sebanyak 57 orang responden. Responden yang memilih skor *tidak setuju* adalah sebanyak 26 orang atau 7.1% dan catatan paling sedikit direkodkan pada skor *sangat setuju* iaitu sebanyak 13 orang sahaja atau menyamai 3.5%. Min yang dicatatkan ialah 3.97.



**Jadual 4.119 Taburan Kekerapan Dan Peratus Pengaruh Rakan Bermasalah  
Mempengaruhi Tahap Hafazan Seseorang**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
16	Pengaruh rakan bermasalah mempengaruhi tahap hafazan seseorang.	1	18	4.9	3.90
		2	24	6.5	
		3	55	14.9	
		4	150	40.8	
		5	121	32.9	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya jadual 4.119 di atas menerangkan berkenaan kekerapan dan peratus pengaruh rakan bermasalah mempengaruhi tahap hafazan para *huffaz* yang lain. Analisis mendapati majoriti responden bersetuju terhadap item ini. Sebanyak 150 orang responden atau mewakili 40.8% memberikan respon *setuju*, manakala 121 yang lain atau bersamaan 32.9% menyatakan *sangat setuju*. Peratusan yang tinggi bagi kedua-dua skor ini membuktikan bahawa pengaruh rakan bermasalah memberi kesan negatif kepada hafazan seseorang.

Namun begitu, terdapat 14.9% atau 55 orang dari kalangan responden yang menyatakan *kurang setuju* terhadap item ini. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat 24 orang responden atau menyamai 6.5% yang memberikan skor *tidak setuju* serta baki 18 yang lain berpandangan *sangat tidak setuju*. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah 3.90.

**Jadual 4.120 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Suka Bergaul Dengan Pelajar-Pelajar Lama Dan Guru-Guru Mereka**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
17	Saya suka bergaul dengan pelajar-pelajar lama dan guru-guru yang telah menjadi hafiz al-Quran.	1	11	3.0	4.26
		2	10	2.7	
		3	30	8.2	
		4	138	37.5	
		5	179	48.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Analisis pada jadual 4.120 di atas memaparkan taburan kekerapan dan peratus responden yang suka bergaul dengan pelajar-pelajar senior dan guru-guru hafiz Quran mereka. Di dapati kebanyakan responden bersetuju terhadap item ini. Ini terbukti apabila sebanyak 179 daripada keseluruhan responden menyatakan skor *sangat setuju* dan 138 lagi menyatakan skor *setuju*. Masing-masing membawa jumlah peratus sebanyak 48.6%, dan 37.5%.

Penyelidik mendapati responden yang tidak bersetuju dengan item ini adalah sejumlah 51 orang. Sebanyak 30 orang daripadanya memberikan skor *kurang setuju*, 11 orang menyatakan *sangat tidak setuju* dan 10 orang untuk skor *tidak setuju*. Ketiganya menunjukkan peratus seperti berikut iaitu 8.2%, 3.0% dan 2.7%. Catatan min yang positif iaitu 4.26 menunjukkan bahawa sememangnya responden suka bergaul dengan pelajar-pelajar senior dan guru-guru hafiz Quran mereka.

**Jadual 4.121 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Meminta Nasihat Dari Pelajar Lama Dan Guru Tentang Cara Menjaga Hafazan Dan Menyemak Hafazan Bersama**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
18	Saya selalu meminta nasihat dan pandangan mereka tentang cara-cara untuk menjaga hafazan di samping meminta mereka menyemak bacaan hafazan saya.	1	10	2.7	4.31
		2	7	1.9	
		3	27	7.3	
		4	139	37.8	
		5	185	50.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.121 di atas adalah berkaitan dengan responden selalu meminta nasihat dan pandangan dari pelajar-pelajar lama dan guru-guru mereka tentang cara-cara untuk menjaga hafazan di samping meminta mereka menyemak bacaan hafazan responden. Sebilangan besar responden memilih untuk jawapan *sangat setuju*. Ia membawa jumlah 50.3% atau mewakili 185 daripada keseluruhan responden. Ini ditambah pula dengan mereka yang memilih skor *setuju* menjadikan jumlah yang setuju kepada 324 orang atau sebanyak 88.1%.

Analisis bagi responden *kurang setuju* pula ialah sebanyak 27orang atau bersamaan 7.3%, manakala bagi skor *sangat tidak setuju* pula terdapat 10 orang responden atau 2.7% yang menyatakan demikian. Di samping itu, sejumlah 1.9% atau 10 orang menyatakan *tidak setuju*. Min yang diperoleh bagi item ini selepas di analisis ialah sebanyak 4.31.

**Jadual 4.122 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Pendapat Responden  
Hafazan Al-Quran Dapat Membaiki Akhlak Seseorang**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
19	Saya berpendapat penghafazan al-Quran dapat membaiki akhlak seseorang.	1	10	2.7	4.33
		2	12	3.3	
		3	28	7.6	
		4	114	31.0	
		5	204	55.4	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya kita perhatikan pada jadual 4.122 di atas yang memaparkan analisis berkenaan pendapat responden tentang penghafazan al-Quran dapat membaiki akhlak seseorang. Di dapati bahawa sebilangan besar atau majoriti responden bersetuju terhadap item ini. Sebanyak 55.4% daripada jumlah keseluruhan atau 204 orang responden terdiri daripada mereka yang memilih skor *sangat setuju*. 31.0% atau sebanyak 114 yang lain memberikan respon *setuju* sekaligus menunjukkan bahawa sememangnya hafazan al-Quran dapat membaiki akhlak seseorang.

Selain itu, sebanyak 28 orang responden atau bersamaan 7.6% merasakan *kurang setuju* tentang hal ini, manakala baki 22 yang lain tidak bersetuju terhadap item ini. Ini termasuklah 12 orang yang menyatakan *tidak setuju* serta 10 lagi *sangat tidak setuju*. Kedua-duanya merangkumi 6.0%. Min yang dicatatkan bagi item ini juga amat menggalakkan iaitu sebanyak 4.33.

**Jadual 4.123 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Merasakan Ada Perubahan Pada Diri Mereka Setelah Menghafaz Al-Quran**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
20	Saya merasakan ada perubahan pada diri saya setelah menghafaz al-Quran.	1	7	1.9	4.51
		2	6	1.6	
		3	13	3.5	
		4	109	29.6	
		5	233	63.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya kita akan perhatikan kepada hasil analisis bagi item ini yang berkaitan dengan keadaan responden yang merasakan terdapat perubahan pada diri mereka setelah mereka menghafaz al-Quran. Hasilnya mendapati responden yang memilih skor *sangat setuju* menunjukkan dapatan tertinggi iaitu sebanyak 233 orang atau merangkumi 63.3%. Skor *setuju* pula berada pada kedudukan kedua tertinggi iaitu sebanyak 109 orang responden serta meliputi 29.6%.

Bagi responden yang *kurang setuju* terhadap item ini pula menunjukkan peratusan yang sedikit. 3.5% atau bersamaan 13 orang responden memilih skor *kurang setuju*, manakala 1.9% lagi atau tujuh orang responden yang lain menyatakan *sangat tidak setuju*. Dapatan kajian juga menunjukkan hanya enam orang responden atau mewakili baki 1.6% memberikan respon *tidak setuju* akan adanya perubahan pada diri mereka selepas menghafaz al-Quran. Min keseluruhan yang dicatatkan bagi item ini ialah 4.51.

**Jadual 4.124 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Kebolehan Membaca Dan Menulis Semula Dengan Baik Ayat-Ayat Al-Quran Yang Telah Dihafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
21	Saya berkebolehan membaca dan menulis semula ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz dengan baik.	1	23	6.3	3.52
		2	34	9.2	
		3	106	28.8	
		4	137	37.2	
		5	68	18.5	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Analisis berikutnya adalah berkenaan taburan kekerapan dan peratusan kebolehan responden membaca dan menulis semula dengan baik ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz. Jadual 4.124 yang ditayangkan menunjukkan menunjukkan sebanyak 37.2% iaitu 137 dari kalangan responden *bersetuju* dengan item ini. Tetapi 28.8% daripadanya sebanyak 106 orang responden pula memberikan respons *kurang setuju*. Manakala 68 orang responden yang merangkumi 18.5% memilih skor *sangat setuju* terhadap item ini.

Penyelidik juga mendapati 34 orang responden yang *tidak setuju* yang mereka boleh membaca dan menulis semula dengan baik ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz. Manakala baki 6.3% atau 23 orang responden lagi memberikan jawapan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Catatan min sebanyak 3.52 menunjukkan para responden ada yang *bersetuju* dan ada yang *tidak* dengan kebolehan mereka membaca dan menulis semula dengan baik ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz.

**Jadual 4.125 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Mencapai Target Hafazan Pada Waktu Ditetapkan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
22	Saya sentiasa mencapai target hafazan pada setiap waktu yang ditetapkan.	1	10	2.7	3.88
		2	21	5.7	
		3	77	20.9	
		4	154	41.8	
		5	106	28.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.43 di atas adalah untuk mengetahui pendapat responden sama ada mereka sentiasa mencapai target hafazan pada setiap waktu yang ditetapkan atau sebaliknya. Hasil analisis mendapati kekerapan responden yang memilih skor *setuju* merupakan bilangan yang paling ramai iaitu sebanyak 154 orang atau bersamaan 41.8%. Ini ditambah pula dengan responden yang memilih skor *sangat setuju* iaitu seramai 106 orang atau 28.8% menjadikan mereka yang bersetuju sahaja sudah melebihi 70%.

Manakala sebanyak 77 orang responden yang lain memilih jawapan *kurang setuju* atau meliputi 20.9% daripada jumlah keseluruhan. Berdasarkan analisis ini juga didapati sebanyak 21 responden lagi memberikan respons *tidak setuju* bahawa mereka sentiasa mencapai target hafazan pada waktu yang ditetapkan. Selain itu, hanya 10 orang atau 2.7% pula memilih skor *sangat tidak setuju*. Min yang dicatatkan pula ialah sebanyak 3.88.

**Jadual 4.126 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Sikap *Moody* Membantutkan Usaha Responden Meningkatkan Hafazan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
23	Sikap suka bergantung kepada 'mood' membantutkan usaha saya meningkatkan bilangan ayat hafazan.	1	28	7.6	3.71
		2	28	7.6	
		3	66	17.9	
		4	147	39.9	
		5	99	26.9	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Dalam jadual 4.126 di atas, item yang dikemukakan adalah untuk melihat sama ada sikap suka bergantung kepada 'mood' membantutkan usaha responden untuk meningkatkan bilangan ayat hafazan. Ternyata maklum balas yang diterima penyelidik adalah positif iaitu lebih daripada 66% dari kalangan responden yang bersetuju terhadap item ini. Sebanyak 39.9% atau merangkumi 147 orang responden memilih untuk *sangat setuju* manakala sebanyak 99 atau 26.9% pula memberikan skor *setuju*.

Bagi responden yang tidak bersetuju pula, analisis telah mencatatkan sebanyak 122 orang responden yang menyatakan sedemikian. 66 orang atau 17.9% daripadanya memberikan respon *kurang setuju* dan masing-masing sebanyak 7.6% atau 28 orang responden memberikan respon *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Catatan min yang dicatatkan bagi item ini ialah 3.71.



**Jadual 4.127 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Kurang Mahir Bahasa Arab (Nahu & Soraf) Menjadi Faktor Sukar Menghafaz**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
24	Kurang mahir dalam bahasa Arab seperti dalam aspek nahu dan soraf menjadi faktor saya sukar menghafaz.	1	46	12.5	3.15
		2	53	14.4	
		3	121	32.9	
		4	94	25.5	
		5	54	14.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Analisis data yang seterusnya ialah berkenaan taburan kekerapan dan peratusan masalah kurang mahir dalam bahasa Arab khususnya dalam aspek nahu dan soraf menjadi faktor responden sukar menghafaz. Paparan jadual 4.127 menunjukkan majoriti responden tidak setuju jika faktor kurang mahir dalam nahu dan soraf bahasa Arab menjadi sebab mereka sukar menghafaz. Di dapati sebanyak 121 orang responden atau 32.9% telah menyatakan rasa tidak setuju pada skor *kurang setuju*. Tetapi sebanyak 94 yang lain atau meliputi 25.5% telah memberikan respon bertentangan pula iaitu *setuju*.

Sejajar dengan itu, hasil analisis juga mendapati sebanyak 54 orang atau mewakili 14.7% telah meyakini sokongan *sangat setuju* mereka terhadap item ini. Lebihan sebanyak 26.9% atau 99 orang responden iaitu 14.4% atau 53 orang daripadanya memberikan respon *tidak setuju* dan selebihnya berpendirian *sangat tidak setuju*. Catatan min yang dicatatkan adalah sebanyak 3.15.

**Jadual 4.128 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Masalah *Ragging* Atau Buli Si Madrasah/Institut**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
25	Masalah ' <i>ragging</i> ' atau buli tidak wujud di Madrasah/ Institut ini.	1	29	7.9	3.93
		2	26	7.1	
		3	47	12.8	
		4	105	28.5	
		5	161	43.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya merupakan analisis berkenaan kekerapan masalah budaya *ragging* atau buli tidak wujud di Madrasah/Institut ini. Jadual 4.128 menunjukkan majoriti responden memilih skor *sangat setuju* dengan jumlah sebanyak 161 orang atau meliputi 43.8%, manakala catatan skor *tidak setuju* pula merekodkan jumlah paling minimum iaitu sebanyak 26 orang atau mewakili 7.1% sahaja. Skor *setuju* juga mencatatkan bilangan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 105 orang atau bersamaan 28.5%. Jumlah responden yang bersetuju sahaja melebihi 70%.

Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 47 orang responden lagi atau bersamaan 12.8% merasa *kurang setuju* bahawa tidak wujud masalah *ragging* atau buli di Madrasah/Institut ini. Akhir sekali, hanya 29 orang responden atau 7.9% yang berpandangan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Min yang diperoleh selepas analisis bagi item ini ialah sebanyak 3.93 iaitu terletak pada kedudukan setuju.

**Jadual 4.129 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Responden Yang Selalu *Mentasmi*' Bacaan Bersama Guru Kawan-Kawan Dan Pelajar-Pelajar Lama**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
26	Saya selalu <i>mentasmi</i> ' bacaan saya bersama-sama guru, kawan-kawan mahupun pelajar-pelajar lama.	1	8	2.2	4.25
		2	8	2.2	
		3	35	9.5	
		4	151	41.0	
		5	166	45.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Item di atas merupakan item yang membincangkan tentang responden yang selalu *mentasmi*' bacaan mereka bersama-sama guru, kawan-kawan dan pelajar-pelajar lama. Hasil analisis dalam jadual 4.129 mendapati sebilangan besar dari kalangan responden bersetuju dengan item yang disediakan. Sebanyak 166 responden memilih skor *sangat setuju* dengan peratusan sebanyak 45.1%. Ini diikuti dengan skor *setuju* iaitu sebanyak 151 orang responden atau bersamaan dengan 41.0%.

Seterusnya bagi skor *tidak setuju*, sebanyak 35 orang responden atau mewakili 9.5% memilih skor tersebut. Selain itu, terdapat lapan orang responden atau 17.7% masing-masing memilih skor *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* yang merupakan skor terendah dicatatkan. Min keseluruhan bagi item ini ialah 4.25.

**Jadual 4.130 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berkenaan Responden Yang Sering Mengulangsemak Hafazan Bersama Kawan-Kawan Sekurang-Kurangnya Dua Kali Seminggu**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
27	Saya sering mengulang dan menyemak hafazan saya bersama kawan-kawan sekurang-kurangnya dua kali seminggu.	1	19	5.2	3.90
		2	26	7.1	
		3	55	14.9	
		4	141	38.3	
		5	127	34.5	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Analisis pada jadual 4.130 menunjukkan kekerapan dan peratus responden yang sering mengulang dan menyemak hafazan mereka bersama rakan-rakan sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Dapatan kajian menunjukkan majoriti di kalangan responden bersetuju bahawa mereka sering mengulang dan menyemak hafazan mereka bersama rakan-rakan sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Sebanyak 141 orang responden atau mewakili 38.3% memberikan respons *setuju* manakala 127 yang lain atau 34.5% menyatakan *skor sangat setuju*.

Di samping itu juga, sebanyak 55 orang responden atau menyamai 14.9% memilih untuk skor *kurang setuju* serta 26 orang responden atau 7.1% menyatakan skor *tidak setuju*. Rekod bagi skor *sangat tidak setuju* pula mencatatkan hanya 19 orang sahaja dengan peratusnya adalah 5.2%. Min yang sederhana dicatatkan pada item ini iaitu 3.90.

**Jadual 4.131 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Responden Yang Sentiasa Membaca Surah Atau Ayat Yang Dihafaz Dalam Solat**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
28	Saya selalu membaca setiap surah atau ayat tertentu yang dihafaz dalam solat fardhu mahupun solat sunat.	1	9	2.4	4.20
		2	9	2.4	
		3	40	10.9	
		4	153	41.6	
		5	157	42.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.131 di atas menunjukkan lebih daripada 2/3 dari kalangan responden yang bersetuju terhadap item yang dikemukakan. 157 orang responden memberikan respon *sangat setuju*, manakala 153 yang lain pula menyatakan *setuju*. Masing-masing membawa jumlah peratus sebanyak 42.7% dan 41.6%.

Analisis kajian juga mendapati sebanyak 40 orang responden memberikan maklum balas *kurang setuju* bahawa mereka selalu membaca surah atau ayat tertentu yang telah dihafaz di dalam solat fardhu mahupun solat sunat. Selain itu juga, terdapat masing-masing sembilan orang atau mewakili 2.4% telah memilih skor *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Catatan min keseluruhan bagi item ini ialah 4.20.

**Jadual 4.132 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berdasarkan Membaca Ayat-Ayat Hafazan Dalam Solat Dapat Mengukuhkan Dan Memelihara Hafazan Responden**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
29	Membaca ayat-ayat hafazan dalam solat dapat mengukuhkan dan memelihara hafazan saya.	1	2	0.5	4.58
		2	6	1.6	
		3	12	3.3	
		4	104	28.3	
		5	244	66.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Paparan jadual 4.132 menunjukkan analisis berkaitan membaca ayat-ayat hafazan dalam solat dapat mengukuhkan dan memelihara hafazan responden. Keseluruhannya, majoriti dari kalangan responden bersetuju terhadap item yang disediakan. Sebanyak 244 orang responden atau 66.3% menyatakan *sangat setuju*. 28.3% atau bersamaan 101 responden yang lain lagi telah memberikan maklum balas *setuju*.

Selain itu, terdapat sebanyak 12 orang responden atau mewakili 3.3% yang berasa *kurang setuju* membaca ayat-ayat hafazan dalam solat dapat mengukuhkan dan memelihara hafazan. Manakala, didapati hanya 1.6% atau bersamaan 39 orang responden dan 0.5 atau bersamaan dua orang responden sahaja yang *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* dengan item yang dikemukakan. Min keseluruhan yang dicatitkan bagi item ini ialah 4.58.

**Jadual 4.133 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Mengejar Untuk Menghabiskan Sukatan Memberi Tekanan Dan Membebankan Responden**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
30	Mengejar untuk	1	38	10.3	3.34
	menghabiskan sukatan	2	44	12.0	
	hafazan memberi	3	106	28.8	
	tekanan dan	4	115	31.3	
	membebankan saya.	5	65	17.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.133 yang dipaparkan di atas berkenaan responden yang mengejar untuk menghabiskan sukatan hafazan memberi tekanan dan bebanan kepada mereka. Hasil analisis mendapati sebilangan besar dari kalangan responden bersetuju dengan item ini. 115 daripada 368 responden atau merangkumi 31.3% memilih untuk skor *setuju*. Tetapi terdapat 106 atau bersamaan 28.8% yang lain pula memberikan respon *kurang setuju*. Ini menunjukkan pandangan yang berbeza-beza diberikan oleh responden.

Bilangan responden yang berpandangan *sangat setuju* juga menunjukkan bilangan seramai 65 orang atau meliputi 17.7%. Dapatan juga menunjukkan sebanyak 44 orang responden menyatakan *tidak setuju* serta 38 lagi memilih *sangat tidak setuju*. Kedua-duanya membawa jumlah sebanyak 12.0% dan 10.3%. Min pada aras sederhana dicatatkan iaitu sebanyak 3.34.

**Jadual 4.134 Taburan Kekurangan Dan Peratus Mengikut Sukatan Pelajaran  
Menggabungkan Akademik, Diniyah Dan Hafazan Tidak Memberi  
Tekanan Kepada Responden**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
31	Sukatan pelajaran yang menggabungkan akademik, diniyah dan hafazan al-Quran tidak memberi tekanan kepada saya.	1	76	20.7	2.99
		2	57	15.5	
		3	90	24.5	
		4	84	22.8	
		5	61	16.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.134 yang dipaparkan di atas merupakan analisis untuk melihat sejauhmana sukatan pelajaran yang menggabungkan akademik, diniyah dan hafazan al-Quran tidak memberi tekanan kepada responden. Hasil kajian mendapati skor *kurang setuju* menunjukkan aras paling tinggi iaitu 24.5% atau merangkumi sebanyak 90 orang responden manakala skor paling rendah pula ialah skor *tidak setuju* iaitu dengan 57 orang responden atau 15.5% sahaja. Di samping itu, sebanyak 84 orang responden atau mewakili 22.8% dari kalangan responden memilih skor *setuju* disebabkan gabungan ketiga-tiga bidang ini tidak membebaskan mereka.

Seterusnya penyelidik telah mendapati sebanyak 76 orang dari kalangan responden atau bersamaan 20.7% memberikan respon *sangat tidak setuju*. Berbeza dengan yang lain yang menyatakan respon *sangat setuju* dengan bilangan responden seramai 61 orang atau 16.6%. Sementara itu, lebih sebanyak 57 orang responden atau menyamai 15.5% berpandangan *tidak setuju* tentang sistem pembelajaran yang menggabungkan tiga bidang iaitu akademik, diniyah dan hafazan al-Quran kerana berpendapat ia akan membebaskan pelajar. Min keseluruhan yang dicatatkan ialah 2.99.



**Jadual 4.135 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Keupayaan Responden Menghafaz Mengikut Sukatan Hafazan Meskipun Dibebani Kerja Akademik**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
32	Saya dapat menghafaz mengikut sukatan hafazan yang telah ditetapkan meskipun dibebani dengan kerja-kerja akademik.	1	84	22.8	2.83
		2	62	16.8	
		3	98	26.6	
		4	81	22.0	
		5	43	11.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual yang di atas adalah untuk mengetahui keupayaan pelajar menghafaz mengikut sukatan hafazan yang telah ditetapkan meskipun dibebani dengan kerja-kerja akademik. Analisis mendapati lebih daripada 66% responden tidak bersetuju terhadap item ini. Namun, baki hampir 34% yang lain pula berpandangan sebaliknya.

Sebanyak 98 orang pelajar atau 26.6% memberikan maklum balas *kurang setuju* dan ditambah sebanyak 84 orang lagi atau menyamai 22.8% yang menyatakan *sangat tidak setuju*. Sementara itu, sejumlah 81 orang responden dengan jumlah peratus 22.0% menyatakan *setuju* dan 62 orang responden atau merangkumi 16.8% yang lain pula telah memilih skor *tidak setuju*. Manakala baki 43 orang responden lagi telah memberikan respon *sangat setuju*. Min bagi item ini ialah 2.83.

**Jadual 4.136 Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Pernah Mewakili Sekolah Ke Pertandingan Musabaqah Al-Quran**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
33	Saya pernah mewakili sekolah untuk menjadi peserta <i>musabaqah hifzul Quran</i> .	1	114	31.0	2.50
		2	97	26.4	
		3	59	16.0	
		4	55	14.9	
		5	43	11.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.136 di atas menunjukkan hasil analisis berkenaan taburan kekerapan dan peratus responden yang pernah mewakili sekolah menjadi peserta *musabaqah hifzul Quran*. Pilihan utama di kalangan responden dengan catatan jumlah sebanyak 73.4% sebahagian besarnya adalah pada skor *sangat tidak setuju*. Ia merangkumi sebanyak 114 orang responden manakala untuk skor *tidak setuju* pula mencatatkan jumlah sebanyak 97 orang atau mewakili 26.4%.

Di samping itu, analisis mendapati 59 orang responden *kurang setuju* terhadap item ini. Hanya 98 orang responden sahaja yang menyatakan persetujuan mereka terhadap item ini iaitu masing-masing 55 dan 43 orang responden bersamaan 14.9% dan 11.7% yang memilih skor *setuju* dan *sangat setuju*. Min keseluruhan adalah pada aras terendah iaitu 2.50.

**Jadual 4.137 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Kejayaan Cemerlang Peserta *Musabaqah* Membangkitkan Semangat Responden Untuk Menghafaz Dan Memelihara Hafazan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
34	Kejayaan cemerlang para peserta <i>Musabaqah Hifzul Quran</i> membangkitkan semangat saya untuk menghafaz dan memelihara hafazan saya dengan bersungguh-sungguh.	1	41	11.1	3.45
		2	38	10.3	
		3	85	23.1	
		4	124	33.7	
		5	80	21.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya pula penyelidik akan menghuraikan berkenaan analisis bagi item ke-34 iaitu tentang kejayaan cemerlang para peserta *Musabaqah Hifzul Quran* membangkitkan semangat responden untuk menghafaz dan memelihara hafazan dengan bersungguh-sungguh. Jadual 4.137 di atas jelas menunjukkan bahawa majoriti dari kalangan responden memberikan reaksi positif dengan memilih skor *setuju*. Sebanyak 124 orang responden memberikan respon *setuju*, akan tetapi 85 yang lain pula memilih skor *kurang setuju* dengan peratusannya sebanyak 23.1%

Penyelidik juga telah mengenal pasti sebanyak 80 orang responden yang memberikan maklum balas *setuju*. Ia membawa jumlah sebanyak 21.7%. Selain itu juga, analisis mencatatkan bilangan yang agak kurang sedikit bagi skor *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Masing-masing memberikan jumlah sebanyak 41 dan 38 orang responden. Peratusan yang diperolehi ialah sebanyak 11.1% bagi skor *sangat tidak setuju* dan 10.3% bagi skor *tidak setuju*. Secara keseluruhannya, min yang dicatatkan ialah sebanyak 3.45.

**Jadual 4.138 Taburan Kekerapan Dan Peratus Kefahaman Responden Tentang Maksud Ayat Mutasyabih, Al-Wahm Dan Tikrar Lafzi**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
35	Saya faham dengan apa yang dimaksudkan dengan ayat mutasyabih (serupa), ayat al-wahm (sukar difahami) dan tikkar lafzi (pengulangan kalimah).	1	21	5.7	3.49
		2	31	8.4	
		3	125	34.0	
		4	128	34.8	
		5	63	17.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.138 menunjukkan kekerapan dan peratus kefahaman pelajar berkaitan dengan apa yang dimaksudkan dengan ayat mutasyabih iaitu ayat yang serupa tetapi tidak sama sebenarnya, ayat al-wahm iaitu ayat yang sukar difahami dan tikkar lafzi iaitu ayat yang mengandungi kalimah yang berulang. Didapati bahawa majoriti responden *setuju* dengan item yang dikemukakan. Jumlah tersebut meliputi sebanyak 34.8% atau bersamaan dengan 128 orang responden. Tetapi responden yang memberikan jawapan *kurang setuju* pula menunjukkan bilangan yang hampir sama iaitu sebanyak 125 responden atau menyamai 34.0%.

Berdasarkan kepada jadual 4.138 juga, hasil analisis mendapati sebanyak 17.1% atau mewakili 63 orang responden menyatakan *sangat setuju* serta 8.4% yang berikutnya atau 31 orang responden berpandangan *tidak setuju*. Di samping itu juga, terdapat responden yang *sangat tidak setuju* iaitu tidak memahami secara total dengan apa yang dimaksudkan dengan ayat mutasyabih, al-wahm dan tikkar lafzi. Jumlah mereka adalah sebanyak 21 orang atau mewakili 5.7%. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah 3.49.

**Jadual 4.139 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berdasarkan Dapat Membezakan Di Antara Ayat-Ayat Mutasyabih, Al-Wahm Dan Tikrar Lafzi**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
36	Saya dapat membezakan di antara ayat-ayat mutasyabih dengan ayat-ayat al-wahm dan ayat-ayat tikkar lafzi.	1	23	6.3	3.59
		2	23	6.3	
		3	106	28.8	
		4	145	39.4	
		5	71	19.3	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.139 menunjukkan kekerapan dan peratus responden dapat membezakan di antara ayat-ayat mutasyabih dengan ayat-ayat al-wahm dan ayat-ayat tikkar lafzi. Didapati bahawa majoriti responden *setuju* dengan item yang dikemukakan. Jumlah tersebut meliputi sebanyak 39.4% atau bersamaan dengan 145 orang responden. Manakala responden yang memberikan jawapan *kurang setuju* menunjukkan bilangan sebanyak 106 responden atau menyamai 28.8%.

Berdasarkan kepada jadual di atas juga, hasil analisis mendapati sebanyak 19.3% atau mewakili 71 orang responden menyatakan *sangat setuju* serta masing-masing 6.3% yang berikutnya atau 23 orang menyatakan *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item responden dapat membezakan di antara ayat-ayat mutasyabih dengan ayat-ayat al-wahm dan ayat-ayat tikkar lafzi. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah 3.59.

**Jadual 4.140 Taburan Kekerapan Dan Peratus Berkenaan Ayat Mutasyabih Yang Memberi Masalah Dan Mengelirukan Responden**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
37	Terdapat banyak ayat-ayat mutasyabih atau serupa tetapi tidak sama seperti dalam surah al-Waqi'ah, Yaasin dan sebagainya. Kedaan ini menjadi masalah dan mengelirukan saya.	1	25	6.8	3.55
		2	40	10.9	
		3	80	21.7	
		4	154	41.8	
		5	69	18.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Item yang seterusnya ini pula untuk mengetahui sama ada ayat-ayat mutasyabih yang banyak terdapat dalam al-Quran seperti dalam surah al-Waqi'ah, Yasiin dan sebagainya mendatangkan masalah dan mengelirukan pelajar atau sebaliknya. Jika dilihat pada jadual 4.140 di atas, didapati bahawa kebanyakan responden memberikan jawapan *setuju* dengan soalan yang dikemukakan. Jumlah tersebut merangkumi 41.8% atau bersamaan 154 orang responden. Tetapi mereka yang memilih skor 3 (*kurang setuju*) juga mencatatkan jumlah yang memberangsangkan iaitu sebanyak 80 orang responden atau menyamai 21.7%.

Selain itu juga, analisis mendapati terdapat 69 orang responden atau bersamaan 18.8% yang *sangat setuju* serta 40 (10.9%) dan 25 (6.8%) yang lain pula memberikan respon *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ke-3 ini. Min yang direkodkan bagi item ini ialah 3.55.

**Jadual 4.141 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Kewajiban Penghafaz Menumpu Perhatian Tempat-Tempat Ayat Mutasyabih Untuk Mengelak Kekeliruan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
38	Wajib bagi setiap penghafaz memberi perhatian pada tempat-tempat yang terdapat ayat-ayat mutasyabih supaya tidak berlaku kekeliruan.	1	7	1.9	4.43
		2	6	1.6	
		3	22	6.0	
		4	119	32.3	
		5	214	58.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.141 di atas pula menerangkan berkaitan kewajiban bagi setiap penghafaz memberi perhatian pada tempat-tempat yang terdapat ayat-ayat mutasyabih supaya tidak berlaku kekeliruan Hasil kajian mendapati keputusan yang diperoleh hampir sama dengan item sebelum ini. Skor *sangat setuju* menunjukkan jumlah terbanyak dengan 214 orang responden atau merangkumi 58.2%. Ini diikuti pula dengan skor *setuju* dengan jumlah sebanyak 119 orang responden atau 32.3%. Terdapat 22 orang responden atau bersamaan 3.5% yang memberikan respon *kurang setuju*.

Manakala untuk skor *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* masing-masing mencatatkan lima orang atau 1.9% dan tujuh orang atau 1.6% yang memilih. Catatan min yang diperoleh iaitu 4.43 menggambarkan bahawa wajib bagi setiap penghafaz memberi perhatian pada tempat-tempat yang terdapat ayat-ayat mutasyabih supaya tidak berlaku kekeliruan.

**Jadual 4.142 Taburan Kekerapan Dan Peratus Dapat Mengetahui Dan Membezakan Ayat Mutasyabih Dengan Baik Memudahkan Hafazan Dan Mengukuhkan Ingatan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
39	Mengetahui ayat-ayat mutasyabih dan dapat membezakannya dengan baik akan memudahkan hafazan dan mengukuhkan ingatan pada ayat tersebut.	1	6	1.6	4.36
		2	9	2.4	
		3	24	6.5	
		4	135	36.7	
		5	194	52.7	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.142 di atas memaparkan analisis tentang kekerapan dan peratus mengetahui ayat-ayat mutasyabih dan dapat membezakannya dengan baik akan memudahkan hafazan dan mengukuhkan ingatan pada ayat tersebut Di dapati majoriti responden *sangat setuju* tentang pendapat demikian. Sebanyak 194 atau 52.7% daripada jumlah keseluruhan responden memilih skor berkenaan. Penyelidik juga mendapati hanya 135 lagi responden yang menyamai 26.7% menyatakan pendirian mereka pada skor ke-4 iaitu *setuju*.

Manakala sebanyak 24 orang responden dengan peratusan 6.5% menyatakan *kurang setuju* dan baki 15 yang lain iaitu sembilan dan enam orang responden memilih untuk skor *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju*. Masing-masing membawa jumlah sebanyak 2.4% dan 1.6%. Catatan min adalah pada tahap tinggi (*sangat setuju*) iaitu sebanyak 4.36.



**Jadual 4.143 Taburan Kekekapan Dan Peratus Memastikan Surah, Juzuk Dan Bilangan Ayat Mutasyabih Membantu Pelajar Mengesan Tempat Ayat-Ayat Mutasyabih**

Item	Perkara	Skor	Kekekapan	Peratus (%)	Min
40	Memastikan surah, juzuk dan bilangan ayat yang mutasyabih membantu pelajar mengesan tempat-tempat yang terdapat ayat-ayat mutasyabih.	1	7	1.9	4.28
		2	6	1.6	
		3	27	7.3	
		4	166	45.1	
		5	162	44.0	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Pada jadual 4.43 menunjukkan hasil analisis berkenaan memastikan surah, juzuk dan bilangan ayat yang mutasyabih membantu pelajar mengesan tempat-tempat yang terdapat ayat-ayat mutasyabih. Peratusan tertinggi direkodkan bagi skor *setuju* iaitu sebanyak 45.1% atau sejumlah 166 orang responden, manakala peratusan terendah ialah pada skor *tidak setuju* iaitu sebanyak 1.6% atau menyamai enam orang responden. Ini diikuti dengan skor terendah yang kedua iaitu *sangat tidak setuju* dengan peratusnya adalah 1.9% atau tujuh orang responden. Sebanyak 162 orang responden atau 44.0% didapati memilih untuk berada pada kedudukan *sangat setuju* dan 27 orang responden atau 7.3% yang lain menyatakan *kurang setuju* terhadap item ini.

Min yang direkodkan bagi item ini ialah sebanyak 4.28. Penyelidik mendapati para responden memastikan surah, juzuk dan bilangan ayat yang mutasyabih untuk membantu mereka mengesan tempat-tempat yang terdapat ayat-ayat mutasyabih.

**Jadual 4.144 Taburan Kekurangan Dan Peratus Pihak Madrasah/Institut Memberi Cara Dan Teknik Tertentu Untuk Menghafaz Ayat Mutasyabih**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
41	Pihak Madrasah/ Institut ada memberi petua dan teknik-teknik tertentu untuk menghafaz ayat-ayat mutasyabih.	1	23	6.3	4.02
		2	18	4.9	
		3	42	11.4	
		4	132	35.9	
		5	153	41.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Teknik dan cara yang tertentu penting digunakan untuk menghafaz ayat-ayat mutasyabih bagi mengukuhkan ingatan dan mengelakkan dari terkeliru dengan ayat-ayat yang lain. Justeru itu, sama ada pihak Madrasah/Institut ada menyediakan petua atau teknik-teknik tertentu dapat dibuktikan dalam jadual 4.29. Respon yang positif diterima dengan 153 orang responden atau 41.6% *sangat setuju* dengan pendapat ini. Ini diikuti oleh 132 orang responden atau 24.2% menyatakan *setuju* terhadap item ini.

Namun terdapat juga sebanyak 42 responden (11.4%) yang memberikan maklum balas *kurang setuju*, 23 orang responden atau 6.3% menyatakan *sangat tidak setuju* dan baki 18 orang lagi iaitu sebanyak 4.9% menyatakan *tidak setuju* terhadap item ini. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah sebanyak 4.02.

**Jadual 4.145 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Responden Yang Mempunyai Kaedah Sendiri Dalam Menghafaz Ayat Mutasyabih**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
42	Dalam menghafaz ayat-ayat mutasyabih, saya mempunyai dan menggunakan kaedah saya sendiri dan tidak terikat dengan kaedah yang disarankan oleh pihak Madrasah/ Institut.	1	14	3.8	3.60
		2	29	7.9	
		3	116	31.5	
		4	139	37.8	
		5	70	19.0	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Paparan jadual 4.145 di atas adalah berkaitan dengan menghafaz ayat-ayat mutasyabih sama ada responden mempunyai kaedah sendiri yang tidak terikat dengan kaedah yang disarankan oleh pihak Madrasah/Institut atau sebaliknya. Secara dasarnya, analisis menunjukkan majoriti responden *bersetuju* dengan item ini. Ia merangkumi jumlah sebanyak 37.8% atau bersamaan 139 orang responden. Tapi terdapat juga 116 orang responden yang lain atau mewakili 31.5% pula memilih skor *kurang setuju*.

Walau bagaimanapun 70 responden lagi iaitu 5.2% menyatakan *sangat setuju* serta 29 responden atau bersamaan 7.9% lagi menyatakan *tidak setuju*. Manakala didapati sejumlah 14 orang responden atau bersamaan 3.8% berada pada kedudukan *sangat tidak setuju* tentang kaedah sendiri yang digunakan untuk menghafaz ayat-ayat mutasyabih. Catatan min bagi item ini pula ialah 3.60 yang menunjukkan bahawa antara kaedah sendiri dan kaedah yang disarankan oleh pihak Madrasah/Institut adalah seimbang penggunaannya.

**Jadual 4.146 Taburan Kekekapan Dan Peratus Tentang Responden Mengumpulkan Ayat Mutasyabih Dalam Buku Log Dan Membandingbezakan Untuk Memudahkan Hafazan**

Item	Perkara	Skor	Kekekapan	Peratus (%)	Min
43	Saya mengumpulkan semua ayat mutasyabih dalam sebuah buku log dan membandingkannya di antara satu sama lain supaya dapat membezakannya dan memudahkan hafazan.	1	33	9.0	3.38
		2	70	19.0	
		3	74	20.1	
		4	106	28.8	
		5	85	23.1	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jika pada item yang sebelum ini menghuraikan berkenaan ayat mutasyabih, item seterusnya ini adalah berkenaan dengan cara untuk menangani ayat-ayat mutasyabih memandangkan pentingnya kaedah menangani ayat mutasyabih semasa menghafaz. Seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual 4.31 dia atas iaitu kaedah menangani ayat mutasyabih ialah dengan mengumpulkan semua ayat tersebut dalam buku log dan membandingbezakan di antara satu sama lain untuk memudahkan hafazan. Majoriti responden menyatakan *persetujuan* mereka bahawa mereka ada juga mengumpulkan semua ayat mutasyabih dalam buku log untuk membandingkannya di antara satu sama lain supaya dapat membezakannya dan memudahkan hafazan.. Skor tersebut merangkumi 28.8% atau sebanyak 106 orang responden. Ini diikuti pula dengan responden yang memberikan respon *setuju* iaitu sebanyak 85 orang atau menyamai 23.1%.

Selain itu juga, sebanyak 20.1% atau 74 orang responden menyatakan *kurang setuju*, 70 orang atau 19.0% untuk *tidak setuju* dan 33 yang lain tidak setuju sama sekali terhadap item berkenaan dengan peratusan sebanyak 9.0%. Dari segi catatan min pula, keseluruhannya adalah berada pada tahap sederhana dan seimbang memandangkan

responden yang bersetuju dengan mereka yang tidak bersetuju adalah hampir sama banyak. Min yang dicatatkan ialah 3.38.

**Jadual 4.147 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Penekanan Responden Terhadap Ayat-ayat Mutasyabih Dengan Mengulanginya Berkali-kali**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
44	Saya memberi penekanan kepada ayat-ayat mutasyabih dengan mengulanginya berkali-kali sebanyak yang mungkin.	1	7	1.9	4.15
		2	14	3.8	
		3	35	9.5	
		4	172	46.7	
		5	140	38.0	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual di atas adalah berkenaan dengan analisis yang dijalankan ke atas item soalan berkaitan dengan penekanan para pelajar hafiz kepada ayat-ayat mutasyabih dengan mengulanginya berkali-kali sebanyak yang mungkin. Seramai 172 (46.7%) orang pelajar menyatakan *setuju* dan 140 (38.0%) orang pelajar menyatakan *sangat setuju*.

Bagi pemilihan skor *sangat tidak setuju*, *tidak setuju* dan *kurang setuju*, ia mencatikan seramai 7 (1.9), 14 (3.8) dan 35 (9.5) orang pelajar yang menyatakan pendapat mereka pada skor ini. Analisis ini menunjukkan bahawa, kebanyakan pelajar bersetuju dengan item ini.

**Jadual 4.148 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Responden Yang Memperhatikan Terjemahan Untuk Mengetahui Jalan Cerita Ayat Dalam Menghafaz Ayat Mutasyabih**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
45	Untuk menghafaz ayat-ayat mutasyabih, saya memperhatikan terlebih dahulu terjemahan ayat sebelum dan selepasnya untuk mengetahui jalan cerita ayat-ayat tersebut.	1	26	7.1	3.52
		2	39	10.6	
		3	94	25.5	
		4	137	37.2	
		5	72	19.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya pada jadual 4.148 di atas menunjukkan analisis berkenaan taburan kekerapan dan peratus responden yang akan memperhatikan dahulu terjemahan ayat sebelum dan selepas ayat mutasyabih untuk mengetahui jalan cerita ayat tersebut bagi memudahkan hafazan dan tidak terkeliru. Penyelidik sudah menjangkakan bahawa majoriti responden akan memilih skor *setuju* dan *kurang setuju* untuk item ini. Kedua-dua skor masing-masing menunjukkan 37.2% dan 25.5% iaitu sebanyak 137 dan 94 orang responden.

Selain itu, terdapat 72 orang responden atau mewakili 19.6% yang *sangat setuju* memperhatikan terlebih dahulu terjemahan ayat sebelum dan selepas untuk mengetahui jalan cerita ayat dalam menghafaz ayat mutasyabih. Manakala masing-masing 39 atau 10.6% dan 26 orang responden atau merangkumi 7.1% menyatakan *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* terhadap item ini. Min yang dicatatkan bagi item ini adalah sebanyak 3.52.

**Jadual 4.149 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Responden Yang Memperhatikan Asbab An-Nuzul Di Antara Ayat Mutasyabih Untuk Memudahkan Hafazan**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
46	Saya akan memperhatikan asbab <i>an-nuzul</i> jika terdapat <i>asbab an-nuzul</i> di antara ayat-ayat mutasyabihat. Ini memudahkan hafazan saya dengan mengingati <i>asbab an-nuzulnya</i> .	1	25	6.8	3.43
		2	46	12.5	
		3	102	27.7	
		4	134	36.4	
		5	61	16.6	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.149 di atas adalah berkenaan kekerapan dan peratus tentang cara responden menghafaz ayat mutasyabih iaitu dengan cara memperhatikan *asbab an-nuzul* jika terdapat *asbab an-nuzul* di antara ayat-ayat mutasyabih untuk memudahkan hafazan jika mengingati *asbab an-nuzulnya*. Hasil analisis mengenal pasti bahawa kebanyakan responden bersepakat memilih skor *setuju* iaitu dengan jumlah 36.4% atau bersamaan 134 orang. Responden yang menyatakan keputusan *kurang setuju* pula mencatatkan jumlah kedua tertinggi dengan 27.2% atau sebanyak 102 orang.

Manakala 61 orang atau 16.6% lagi memberikan respon *sangat setuju*. Analisis juga telah mengenal pasti bahawa 46 responden yang memilih jawapan *tidak setuju* dan baki 25 lagi untuk skor *sangat tidak setuju*. Masing-masing membawa jumlah sebanyak 12.5% dan 6.8%. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah 3.43.

**Jadual 4.150 Taburan Kekerapan Dan Peratus Tentang Responden Yang Mengatasi Kekeliruan Ayat Mutasyabih Dengan Membuat Peta Minda Dan Pecahan Ayat**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
47	Saya mengatasi kekeliruan dalam ayat-ayat mutasyabih dengan cara membuat peta minda dan menggunakan kaedah pecahan ayat.	1	36	9.8	3.40
		2	45	12.2	
		3	92	25.0	
		4	126	34.2	
		5	69	18.8	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Seterusnya pada jadual 4.150 yang dipaparkan di atas menerangkan berkenaan cara responden mengatasi kekeliruan terhadap ayat-ayat mutasyabihat dengan cara membuat peta minda dan menggunakan kaedah pecahan ayat. Di dapati bahawa majoriti responden memilih untuk *setuju* dengan item ini. Sebanyak 126 orang responden atau mewakili 34.2% berpandangan sedemikian. Tetapi sebanyak 92 orang responden yang lain pula atau 25.0 menyatakan *kurang setuju* dengan cara mengatasi ayat mutasyabih dengan cara membuat peta minda dan menggunakan pecahan ayat.

Di samping itu, analisis mendapati sebanyak 69 orang responden atau 18.8% merasakan *sangat setuju* terhadap item ini. Manakala 45 yang lain atau 12.2% menyatakan *tidak setuju* dan 36 orang responden atau 9.8% memilih skor *sangat tidak setuju*. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah 3.40.



**Jadual 4.151 Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Membuat Tanda Tempat Yang Menjadi Perbezaan di Antara Ayat-Ayat Mutasyabih**

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
48	Saya membuat tanda tempat yang menjadi perbezaan di antara ayat-ayat mutasyabih dan menghafaz serta mengingat betul-betul tempat yang menjadi perbezaannya.	1	16	4.3	4.08
		2	16	4.3	
		3	38	10.3	
		4	150	40.8	
		5	148	40.2	
Jumlah			368	100.0	

$n = 368$

Jadual 4.151 adalah berkenaan kekerapan pelajar membuat tanda tempat yang menjadi perbezaan di antara ayat-ayat mutasyabih dan menghafaz serta mengingat betul-betul tempat yang menjadi perbezaannya. Reaksi yang diterima oleh penyelidik adalah positif serta menggalakkan. Majoriti responden memilih untuk skor *setuju* dengan jumlah sebanyak 40.8% atau mewakili sebanyak 150 orang responden. Di samping itu, sebanyak 148 orang responden atau merangkumi 40.2% memberikan respon *sangat setuju*. Penyelidik mendapati lebih sebanyak 81.0% dari kalangan responden yang bersetuju terhadap item ini.

Sementara itu, skor *kurang setuju* memberikan jumlah sebanyak 38 orang responden atau meliputi sebanyak 10.3%. Analisis juga mendapati sebanyak 16 orang responden masing-masing memilih skor *tidak setuju* dan *sangat tidak setuju* dengan peratusnya ialah 4.3%. Min keseluruhan yang dicatatkan bagi item ini ialah 4.08.

## **BAB V**

### **PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Bab ini merupakan bahagian terakhir di dalam penulisan laporan kajian yang dijalankan yang mana akan membincangkan tentang huraian dan rumusan mengenai keputusan kajian yang telah dianalisis. Di samping itu juga, beberapa cadangan akan dikemukakan dan cadangan oleh penyelidik untuk dijadikan panduan serta rujukan bagi penyelidik yang akan datang. Cadangan-cadangan ini adalah bertujuan untuk dijadikan kajian lanjutan supaya kajian yang seterusnya akan dapat diteruskan oleh penyelidik-penyelidik yang berminat di dalam bidang ini di masa akan datang.

Penyelidik mengharapkan agar hasil daripada kajian yang dijalankan ini akan dapat memberikan manfaat serta menjadi suatu bahan ilmiah untuk dijadikan sebagai rujukan atau bahan bacaan bagi penyelidik yang akan datang. Diharapkan apa yang dihuraikan serta diperbincangkan di dalam rumusan yang dibuat akan memberikan faedah yang terbaik kepada semua.

## 5.1 Perbincangan dan Rumusan

Pada topik ini, penyelidik akan membincangkan tentang analisis yang telah dilakukan berdasarkan kepada maklum balas yang diberikan oleh responden pada borang soal selidik yang telah diedarkan. Perbincangan serta rumusan ini merangkumi latarbelakang rseponden serta pecahan-pecahan solan yang telah dibahagikan mengikut objektif kajian yang telah dimaklumkan.

### 5.1.1 Latarbelakang Responden Yang Dikaji

Secara keseluruhannya terdapat pelbagai sistem dan juga kaedah di dalam menghafaz al-Quran sepertimana yang digunakan oleh pusat-pusat tahfiz di seluruh Malaysia. Sistem pembelajaran dan juga kaedah hafazan yang digunakan oleh para *huffaz* adalah bergantung kepada pendekatan yang dibawa oleh institusi di mana mereka mendalami ilmu tersebut. Tujuan sebenar kajian yang dijalankan pada kali ini adalah untuk melihat, apakah sistem dan juga kaedah yang paling efektif dan berkesan di dalam menghafaz al-Quran ini.

Berdasarkan jadual 4.1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden yang terlibat dengan kajian ini adalah terdiri daripada 368 orang pelajar. Seramai 85 orang responden adalah terdiri daripada pelajar dari Institut al-Quran Kuala Lumpur, Taman Tun Dr. Ismail dan daripada jumlah ini seramai 55 orang (14.8%) terdiri daripada lelaki dan 30 orang (8.1%) pelajar perempuan. Selebihnya iaitu seramai 288 (78.2%) orang responden lagi adalah terdiri daripada pelajar Madrasatul Quran Kubang Bujuk, Kuala Terengganu yang mana kesemuanya merupakan pelajar lelaki.

Berdasarkan kepada jadual 4.2, jumlah responden yang paling ramai adalah pelajar-pelajar yang berada dilingkungan umur 13 hingga 15 tahun iaitu seramai 137 (37.2%) orang. Seramai 108 (29.3%) orang responden lagi berada dilingkungan umur 16 hingga 18 tahun yang merupakan jumlah kedua tertinggi yang di catatkan. Selebihnya

adalah berada dilingkungan umur 19 hingga 21 tahun iaitu seramai 62 (16.8%) orang, 12 tahun ke bawah seramai 30 (8.2%) orang, 22 hingga 24 tahun seramai 25 (6.8%) orang dan jumlah terendah yang dicatatkan adalah responden yang berada dilingkungan umur 25 tahun ke atas iaitu seramai 6 (1.6%) orang responden. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden yang dikaji adalah merupakan golongan remaja yang berada di dalam proses pembesaran dan pertumbuhan pemikiran serta emosi mereka. Individu yang berada di tahap umur ini adalah mereka yang paling aktif dan sifat ingin tahu yang ada di dalam diri mereka berada pada tahap yang tinggi.

Berdasarkan kepada jadual 4.3 pula, kebanyakan responden yang dikaji adalah merupakan pelajar yang berasal daripada keluarga yang menetap di luar bandar berbanding pelajar yang berasal dari bandar dan juga bandaraya. Seramai 186 (50.5%) orang pelajar adalah berasal dari luar bandar, 144 (39.1%) orang pelajar berasal dari bandar dan selebihnya seramai 38 (10.3%) orang pelajar berasal dari keluarga yang menetap di bandaraya.

### **5.1.2 Sistem Pembelajaran Yang Dilaksanakan di Madrasah/Institut Tahfiz Al-Quran**

Berdasarkan analisis yang dijalankan dan hasil daripada dapatan yang diperolehi, didapati bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa sistem pembelajaran yang paling berkesan di dalam mendalami ilmu menghafaz al-Quran ini adalah melalui bimbingan yang diberikan oleh guru mereka. Kecenderungan ini adalah berdasarkan kepada nilai min yang dicatatkan iaitu 4.73 yang berada pada tahap persetujuan yang tinggi daripada responden terhadap pernyataan ini. Faktor ini mungkin disebabkan oleh bimbingan yang diberikan oleh tenaga pengajar atau guru di institusi pengajian tahfiz inilah yang menjadi tunjang utama kepada pembentukan dan juga pendedahan para *huffaz* di dalam ilmu hafazan al-Quran. Pada dasarnya, di dalam mendalami apa jua ilmu pengetahuan sama ada ilmu duniawi atau ukhrawi, guru adalah individu yang paling

penting di dalam menyampaikan dan juga membimbing para pelajar mempelajari dan mendalami sesuatu ilmu.

Hasil analisis yang dijalankan juga mendapati bahawa, tahap persetujuan yang paling rendah dicatatkan di dalam persoalan kajian ini adalah pernyataan yang menyatakan bahawa sistem pembelajaran akademik yang digunapakai selaras dengan sukatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kebanyakan responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Nilai min yang dicatatkan adalah 2.51, yang berada pada tahap rendah. Ini menunjukkan bahawa tidak semestinya sistem pembelajaran yang digunapakai selaras dengan apa yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menjamin keberkesanan bagi sistem pembelajaran mereka di dalam ilmu hafazan al-Quran ini. Sebenarnya, pendekatan yang sesuai dengan pelajar adalah penting bagi mewujudkan suatu sistem pembelajaran yang berkesan di sesebuah institusi pengajian agar matlamat pembelajaran itu dapat diterapkan dengan sebaik mungkin kepada para pelajar lebih-lebih lagi di dalam ilmu al-Quran ini.

### **5.1.3 Kaedah Hafazan Yang Digunapakai Dalam Menghafaz al-Quran**

Min paling tinggi yang dicatatkan ialah 4.70 iaitu aras persetujuan yang tinggi pada berkenaan dengan responden akan melancarkan ayat yang hendak dihafaz beberapa kali terlebih dahulu sebelum mula menghafaz menunjukkan, kebanyakan responden yang dikaji bersetuju bahawa kaedah ini adalah satu kaedah yang paling berkesan dan paling banyak responden menggunakannya di dalam proses menghafaz al-Quran. Ini menunjukkan bahawa, kelancaran di dalam pembacaan al-Quran adalah memberikan pengaruh yang besar kepada para *huffaz* di dalam menghafaz al-Quran. Jadi, untuk mempercepatkan proses mengingat hafazan yang dibuat, para *huffaz* terlebih dahulu melancarkan pembacaan bagi ayat yang ingin dihafaz.

Sebaliknya, tidak ramai responden yang bersetuju bahawa kaedah menulis ayat yang hendak dihafaz berulang kali sebelum dan selepas menghafaz sesuatu ayat al-

Quran itu adalah satu kaedah yang paling baik di dalam menghafaz al-Quran. Hipotesis ini dibuat adalah berdasarkan kepada min yang dicatatkan pada persoalan ini iaitu 3.20 yang mana berada pada aras persetujuan yang sederhana.

#### **5.1.4 Masalah-masalah Di Dalam Proses Menghafaz al-Quran**

Terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh para *huffaz* di dalam proses untuk mengingat dan menghafaz ayat-ayat al-Quran. Ini kerana, ayat-ayat al-Quran adalah ayat-ayat yang suci dan ianya tidak akan berada di tempat yang kotor sepertimana juga di dalam hati dan ingatan seseorang individu yang tidak menjaga kesucian ayat-ayat al-Quran tersebut. Diantara masalah-masalah yang dihadapi oleh para *huffaz* di dalam proses penghafalan mereka adalah seperti tidak menitikberatkan adab-adab sebelum dan selepas menghafaz al-Quran seperti amalan-amalan doa. Ini diperakui oleh seramai 327 (88.9%) responden yang dikaji bahawa menjaga adab semasa menghafaz al-Quran adalah penting di dalam proses menghafaz al-Quran.

Seterusnya, seramai 314 (85.3%) orang responden bersetuju bahawa menjaga pancaindera daripada melakukan perkara-perkara maksiat adalah penting semasa proses menghafaz al-Quran selain daripada masalah yang disebabkan cara pemakanan mereka. Seramai 272 (73.9%) orang responden bersetuju bahawa penjagaan pemakanan mereka adalah penting sepertimana mereka mengelak daripada memakan hati, kepala ikan dan makanan-makanan yang masam kerana ianya dapat melemahkan daya ingatan.

Seramai 253 (68.8%) orang responden juga bersetuju bahawa pergaulan sosial mereka juga dapat mempengaruhi daya ingatan seseorang untuk menghafaz. Ini mungkin disebabkan oleh percampuran benda-benda atau pemikiran-pemikiran yang tidak sepatutnya di dalam ingatan mereka dapat melemahkan daya ingatan dan seterusnya membantutkan proses penghafazan mereka terhadap ayat-ayat al-Quran.

Ini adalah sebahagian daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh para *huffaz* di dalam proses menghafaz al-Quran hasil daripada analisis yang dilakukan terhadap maklum balas yang diberikan oleh para pelajar di Institut al-Quran Kuala Lumpur dan Madrasatul Quran Kubang Bujuk, Terengganu.

## 5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Hasil daripada analisis dan perbincangan yang telah dijalankan, maka dapatlah dirumuskan bahawa, sistem yang paling baik dan memberikan kesan yang mendalam di dalam proses menghafaz al-Quran adalah bimbingan yang diberikan oleh guru atau tenaga pengajar di sesebuah institusi tahfiz tersebut. Hasil daripada bimbingan dan juga tunjuk ajar yang diberikan oleh guru inilah yang akan mewujudkan satu sistem pembelajaran yang sepatutnya diterapkan kepada para pelajar di sesebuah institusi tahfiz tersebut. Penyelarasan kurikulum di sesebuah institusi tahfiz itu bukanlah satu jaminan yang kukuh bagi melahirkan para *huffaz* yang berkualiti tetapi, penerapan dan juga nilai murni hasil daripada bimbingan guru-guru dan tenaga pengajar itulah yang akan melahirkan para *huffaz* yang akan menjadi wasilah kepada perjuangan baginda Rasulullah s.a.w di muka bumi Allah S.W.T ini.

Selain itu, dapat juga dirumuskan bahawa kaedah melancarkan bacaan terlebih dahulu sebelum menghafaz ayat-ayat al-Quran adalah merupakan kaedah yang paling berkesan di dalam proses menghafaz al-Quran. Ini menjelaskan bahawa apa yang dilafazkan itu merupakan sesuatu perkara yang paling senang dan mudah untuk diingati. Ini kerana apabila seseorang itu bercakap, maka secara tidak langsung otak akan bertindak untuk mengawal percakapan itu dan seterusnya menyimpan percakapan tersebut sebagai satu ingatan.

Seterusnya, dapat juga dirumuskan bahawa terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh para *huffaz* di dalam proses menghafaz al-Quran seperti menjaga adab-adab semasa proses menghafaz al-Quran, menjaga pemakanan, menjaga pancaindera dan juga pergaulan mereka sepanjang proses mereka menghafaz al-Quran. Ini bermakna, segala pantang larang yang sepatutnya diikuti tidak boleh sekali-kali dipandang remeh oleh mereka bagi menjaga hafazan mereka daripada luput atau hilang dari ingatan. Ini kerana ayat-ayat al-Quran hanya akan berada di dalam hati dan diri mereka yang bersih dan suci daripada maksiat kepada Allah S.W.T.

### **5.3 Implikasi Dan Cadangan Daripada Dapatan Kajian**

Penggunaan sistem pembelajaran dan juga kaedah hafazan yang terbaik adalah penting bagi memastikan keberkesanan hafazan kepada para *huffaz* yang sedang mendalami ilmu al-Quran ini. Sistem dan juga kaedah hafazan yang tidak teratur serta sistematik akan memberi impak yang besar kepada pelajar dari segi daya ingatan dan juga keberkesanan di dalam menghafaz al-Quran. Pelajar, ibu bapa, guru dan kaunselor, masyarakat sekitar, para pegawai pendidikan dan pegawai jabatan pendidikan masyarakat yang merancang kurikulum pendidikan merupakan golongan yang boleh memainkan peranan untuk membantu pelajar-pelajar yang menceburi bidang hafazan ini ke tahap yang memberangsangkan. Di bawah ini dinyatakan beberapa cadangan penting untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan kaedah hafazan yang digunakan sama ada oleh pelajar untuk menghafaz dan guru untuk mengajar pelajar menghafaz. Saranan-saranan ini secara langsung merupakan satu cadangan atau implikasi yang boleh cuba dinilai dan dilihat oleh institut pengajian tahfiz, guru-guru serta tenaga pengajar, ibu bapa serta para pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran.



### 5.3.1 Maahad/ Institut/ Pentadbir Tahfiz

Hasil daripada analisis serta perbincangan yang telah dilakukan, didapati bahawa keselesaan kepada para pelajar adalah amat penting di dalam proses pembelajaran mereka di institusi pengajian tahfiz. Ini kerana suasana dan persekitaran yang sesuai adalah penting bagi menjaga serta meningkatkan daya ingatan pelajar. Seharusnya, pihak pentadbiran serta pengurusan institusi tahfiz memberikan perhatian serta prihatin terhadap perkara-perkara ini kerana ianya mempengaruhi cara pembelajaran serta sendiri pelajar contohnya keselesaan tempat belajar, infrastruktur yang disediakan dan lain-lain kemudahan yang seharusnya disediakan.

Bagi institusi tahfiz al-Quran yang mempunyai kurikulum tahfiz dan akademik secara serentak, pembahagian masa di antara kedua-dua bidang tersebut perlu diberi perhatian oleh pihak pentadbir. Ini kerana terdapat segelintir pelajar yang tidak pandai membahagikan masa mereka secara berkesan. Pihak pentadbir institusi juga perlu menggalakkan dan serta memberikan galakan kepada para pelajar supaya melibatkan diri mereka di dalam musabaqah hifzul Quran sama ada di peringkat negeri mahupun kebangsaan kerana ianya banyak membantu pelajar menguasai hafazan secara berkesan. Galakan-galakan yang seumpama ini akan meningkatkan lagi tahap motivasi di dalam diri pelajar serta memberikan mereka suatu pendedahan yang berguna untuk mereka.

Selain itu juga, pihak pentadbir juga haruslah sentiasa menjaga kebajikan pelajar-pelajar mereka serta memberikan bantuan yang sepatutnya kepada mereka. Perkara ini adalah amat penting kerana ianya juga mempengaruhi diri serta pembelajaran pelajar seperti kesihatan diri, keselamatan, keselesaan dan juga kewangan pelajar sepanjang mereka berada di institusi tahfiz ini. Selain itu dorongan dari semua pihak amat penting bagi memastikan pelajar-pelajar ini dapat belajar dengan jayanya.

### 5.3.2 Guru-guru dan Tenaga Pengajar Tahfiz

Guru adalah merupakan pendidik atau pembimbing utama kepada para pelajar yang mendalami bidang hafazan. Oleh itu, guru-guru perlulah mempunyai ciri-ciri yang baik serta mahir di dalam bidang hafazan. Mereka juga perlulah tegas dalam menjalankan tugas serta prihatin terhadap keperluan pelajar. Mereka perlulah memahami kelemahan dan kemampuan pelajar agar pelajar tidak berasa tertekan dengan tindakan yang diambil oleh guru tersebut. Guru juga hendaklah menjaga hubungan baik dengan pelajar seperti ibu bapa dengan anak-anak ataupun sebagai mentor kepada para pelajar. Guru-guru perlulah mendidik pelajar dengan dididikan yang sesuai sepertimana yang digariskan dalam sistem pendidikan Islam. Perbezaan umur dan jantina pelajar juga perlu diambil kira dalam menetapkan sesuatu perkara. Selain itu, peneguhan dengan memberikan imbuhan kepada pelajar-pelajar yang menghafaz dengan cepat dan lancar juga merupakan suatu perkara yang positif di dalam memberikan galakan kepada pelajar untuk mereka menggandakan lagi usaha mereka di dalam pembelajaran.

Selain itu juga, guru-guru tahfiz seharusnya memberi pendedahan kepada para pelajarnya mengenai metod-metod penghafazan yang terkini dan lebih berkesan. Kebanyakan guru-guru tahfiz mengemukakan metod-metod berdasarkan pengalaman semata-mata. Ini menyebabkan ramai pelajar yang menemui jalan buntu ketika menghafaz kerana masih kabur dan tidak dapat mengikut teknik penghafazan yang diajarkan secara sempurna.

Selain itu, untuk meningkatkan lagi penguasaan dan juga kemahiran pelajar di dalam menghafaz al-Quran, guru-guru tahfiz seharusnya menggunakan kaedah-kaedah yang lebih sesuai dengan pelajar seperti melalui perbincangan dan perkongsian kaedah hafazan dengan para pelajar. Ini kerana, terdapat segelintir pelajar yang menggunakan kaedah menghafaz dan mengulang yang tersendiri. Dengan gabungan kaedah-kaedah dari kedua-dua pihak ini, para pelajar akan dapat meningkatkan lagi tahap ingatan mereka dalam hafalan al-Quran.

Keperihatinan guru-guru terhadap pelajar mereka adalah perkara yang paling penting kerana keberkatan ilmu yang diajar itu adalah datang daripada keikhlasan serta keberkatan guru yang mengajara pelajar-pelajar mereka. Jika ilmu itu dapat disampaikan dengan baik kepada pelajar maka, keberkatan itu akan berpanjangan dan memberi kemuliaan kepada pelajar-pelajar tersebut.

### 5.3.3 Iubapa

Ibu bapa selaku pendidik awal pelajar sejak dari kecil perlulah memberi dorongan dan bimbingan yang padu pada anak mereka. Anak-anak juga boleh dilatih untuk menghafaz sejak mereka kecil lagi. Ibu bapa juga perlu menjelaskan tujuan sebenar anak mereka dihantar ke maahad/insititut tahfiz agar matlamat yang hendak dicapai adalah melalui jalan yang betul dan diredhai Allah. Mereka juga perlulah prihatin terhadap keperluan anak-anak mereka yang menceburi bidang ini lebih-lebih lagi ketika anak mereka pulang ke rumah.

Setiap ibubapa harus mempunyai cita-cita untuk menjadikan salah anak-anak mereka seorang *hafiz* atau *hafizah* al-Quran kerana banyak kelebihan yang diperolehi sama ada didunia mahupun di akhirat. Pendidikan awal adalah penting bagi seseorang kanak-kanak dalam usaha menjadikan mereka sebagai seorang *hafizul al-Quran*.

Para ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak mereka supaya mengenali dan mencintai al-Quran sejak kecil lagi, sebagai satu usaha untuk memupuk minat serta cita-cita yang murni ini di dalam diri anak-anak mereka. Sepertimana peribahasa Melayu ada mengatakan, *melentur buluh, biarlah dari rebungnya*.

### 5.3.4 Pelajar

Para pelajar seharusnya sentiasa menyediakan diri mereka selengkapnya sebelum menceburi bidang hafazan ini. Mereka perlulah memberikan komitmen yang sepenuhnya ketika menghafaz serta menjaga adab-adab pemakanan, pergaulan dan sebagainya kerana perkara-perkara ini merupakan suatu elemen yang penting di dalam kehidupan harian mereka sebagai seorang *huffaz*. Cara pemakanan seperti sentiasa memakan makanan seperti kurma, kismis dan madu adalah baik bagi mempertingkatkan daya ingatan pelajar di dalam hafazan.

Mereka juga mestilah sentiasa *istiqamah* dalam *i'adah* serta keikhlasan ketika menghafaz adalah penting bagi memastikan keberkesanan dalam hafazan mereka. Pelajar juga boleh menghayati dan melaksanakan apa yang terkandung dalam al-Quran agar terhindar daripada perilaku buruk yang memberi kesan negatif terhadap hafazan mereka.

Kesedaran yang tinggi terhadap tanggungjawab mereka sebagai seorang *huffaz* adalah amat penting kerana ianya akan membentuk keperibadian diri mereka serta penjagaan perilaku mereka daripada terlibat dengan perkara-perkara yang tidak sepatutnya kerana kebanyakan para *huffaz* adalah terdiri daripada golongan muda belia yang mana masih mencari-cari jalan yang benar untuk perjalanan kehidupan mereka. Bimbingan dan juga tunjuk ajar daripada ibu bapa serta guru adalah amat penting agar mereka tidak terpesong kearah kemaksiatan dan kemurkaan kepada Allah S.W.T.

## 5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian yang telah dijalankan ini hanya melibatkan dua buah pusat pengajian tahfiz yang ada di Malaysia iaitu di Institut al-Quran Kuala Lumpur dan Madrasatul

Quran Kubang Bujuk di Terengganu. Bagi kajian yang seterusnya, dicadangkan agar penyelidik yang akan datang akan meluaskan lagi skop kajian ini ke beberapa buah lagi pusat pengajian tahfiz al-Quran untuk melihat sistem pembelajaran dan juga kaedah-kaedah sebenar yang lebih efektif dan sesuai di dalam menghafaz al-Quran.

Selain itu, kajian ini hanya melihat secara keseluruhan maklum balas bagi kedua-dua responden di pusat pengajian tahfiz tersebut. Bagi penyelidikan yang akan datang, dicadangkan agar dibuat suatu perbandingan di antara pusat-pusat pengajian tahfiz yang untuk melihat sama ada berlakunya percanggahan maklum balas yang diterima.

Seterusnya, dicadangkan juga kepada penyelidik yang akan datang supaya memasukkan lagi elemen-elemen lain di dalam persoalan yang hendak dikaji agar persoalan yang dikemukakan itu lebih spesifik kepada apa yang ingin diperolehi daripada maklum balas responden.

## **5.5 Penutup**

Pada keseluruhannya hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di Institut al-Quran Kuala Lumpur dan juga Madrasatul Quran Kubang Bujuk, Terengganu menggunakan kaedah hafazan yang hampir serupa dan majoritinya menggunakan kaedah melancarkan pembacaan ayat-ayat yang akan dihafaz terlebih dahulu. Namun begitu, sistem pembelajaran mereka adalah berlainan kerana di Institut al-Quran Kuala Lumpur, sistem pembelajarannya adalah lebih bersifat moden seperti institusi-institusi pengajian lain. Manakala di Madrasatul Quran Kubang Bujuk, sistem pembelajaran yang digunakan di pusat pengajian tahfiz ini adalah lebih kepada sistem tradisional ataupun sistem pengajian pondok.

Sebagai remaja, pelajar-pelajar jurusan tahfiz ini juga sedikit sebanyak menghadapi masalah perhubungan atau pergaulan mereka kerana mereka mesti lebih berhati-hati di dalam pergaulan mereka agar apa yang dipelajari dan juga hafazan-hafazan mereka dapat dijaga dan dipelihara dengan baik. Pengurusan harian mereka di pusat pengajian ini mestilah dititik beratkan dari segenap aspek agar keberkatan ilmu yang mereka pelajari dapat dipelihara dengan sebaiknya.

Sebagai kesimpulannya, sistem pembelajaran dan juga kaedah yang digunakan di dalam menghafaz al-Quran adalah amat penting bagi menjamin keberkesanannya di dalam mendalami ilmu ini. Bimbingan serta tunjuk ajar daripada guru-guru serta dorongan daripada ibu bapa juga memainkan peranan yang besar di dalam melahirkan para *huffaz* yang berjaya. Jadi, keprihatinan dan juga perhatian adalah penting bagi menjaga golongan *huffaz* ini agar suatu hari nanti akan lahirnya mereka yang betul-betul menjaga serta mempertahankan kesucia ilmu al-Quran ini sehingga ke akhir zaman.



**PUSAT PENGAJIAN ISLAM DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
SKUDAI, JOHOR BAHRU  
JOHOR**

BIL:

--	--	--	--

---

---

**TAJUK KAJIAN:**

**SISTEM PEMBELAJARAN DAN KAEDAH HAFAZAN AL-QUR'AN YANG  
EFEKTIF : SATU KAJIAN DI KUALA LUMPUR DAN TERENGGANU**

**(SOAL SELIDIK PELAJAR)**

---

---

Tahniah dan syabas diucapkan kerana anda terpilih untuk menjawab soal selidik ini. Anda diminta menjawab soal selidik ini dengan jujur dan ikhlas. Segala maklumat yang diberi dan diperolehi akan **dirahsiakan** sepenuhnya dan tidak akan didedahkan. Ia hanya digunakan untuk Projek Penyelidikan vot. 75184, di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru, Johor.

Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu:-

- Bahagian I : Latar belakang responden.
- Bahagian II : Sistem pembelajaran.
- Bahagian III : Kaedah-kaedah hafazan yang efektif, masalah dan cara penyelesaiannya.

Sekian Terima Kasih.

.....  
(USTAZ ABDUL HAFIZ BIN ABDULLAH)  
KETUA PENYELIDIK

## **MAKLUMAT MENGENAI KAJIAN**

Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian. Anda diminta menjawab semua soalan dalam ketiga-tiga bahagian dengan betul dan tepat.

Kerjasama anda sangat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Ahli Kumpulan Penyelidik,  
Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
Skudai, Johor Bahru,  
Johor.

Jun 2005



## Bahagian I

**Arahan:** Sila berikan maklumat tentang diri anda dengan tepat dan ikhlas. Tandakan ( ✓ ) dalam petak yang berkenaan dan tuliskan jawapan di ruang kosong yang disediakan.

1. Jantina:

- A. Lelaki
- B. Perempuan

2. Umur pada 1.1.2005: \_\_\_\_\_ tahun \_\_\_\_\_ bulan.

3. Tempat asal anda:

- A. Bandaraya
- B. Bandar
- C. Luar Bandar

4. Tempat tinggal semasa menuntut:

- A. Di Asrama
- B. Di Rumah

5. Bilangan adik beradik (termasuk diri anda): \_\_\_\_\_ orang.

6. Anda anak keberapa dalam keluarga? \_\_\_\_\_.

7. Tingkatan/ tahun pengajian anda sekarang:

- |    |                 |                          |
|----|-----------------|--------------------------|
| A. | Tingkatan 1     | <input type="checkbox"/> |
| B. | Tingkatan 2     | <input type="checkbox"/> |
| C. | Tingkatan 3     | <input type="checkbox"/> |
| D. | Tingkatan 4     | <input type="checkbox"/> |
| E. | Tingkatan 5     | <input type="checkbox"/> |
| F. | Tingkatan 6     | <input type="checkbox"/> |
| G. | Diploma         | <input type="checkbox"/> |
| H. | Tahun 1 - 2     | <input type="checkbox"/> |
| I. | Tahun 3 - 4     | <input type="checkbox"/> |
| J. | Tahun 5 - 6     | <input type="checkbox"/> |
| K. | Tahun 7 ke atas | <input type="checkbox"/> |

8. Nyatakan tahap peperiksaan terakhir yang anda duduki sebelum memasuki Madrasah/Institut Tahfiz ini.

	<b>Peperiksaan</b>	<b>Keputusan/Agregat</b>
UPSR	<input type="checkbox"/>	_____
PSRA	<input type="checkbox"/>	_____
PMR	<input type="checkbox"/>	_____
PMRU	<input type="checkbox"/>	_____
SRA	<input type="checkbox"/>	_____
SPM	<input type="checkbox"/>	_____
SMA	<input type="checkbox"/>	_____
STAM	<input type="checkbox"/>	_____
STPM	<input type="checkbox"/>	_____
Lain-lain		
(Nyatakan):	_____	

9. Nyatakan pekerjaan ibu bapa/penjaga anda.

- A. Pekerjaan bapa: \_\_\_\_\_  
B. Pekerjaan ibu: \_\_\_\_\_  
C. Pekerjaan penjaga: \_\_\_\_\_

10. Pendidikan tertinggi ibubapa/penjaga. Tandakan (√) dalam petak yang berkenaan.

	<b>Pendidikan</b>	<b>Bapa</b>	<b>Ibu</b>	<b>Penjaga</b>
A.	Sekolah Rendah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
B.	Sekolah Menengah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
C.	Maktab/Kolej	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
D.	Universiti	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
E.	Lain-lain	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

(Nyatakan): \_\_\_\_\_

11. Berikan sebab utama anda belajar di Madrasah/Institut ini:

- A. Pilihan sendiri   
B. Pilihan ibu bapa   
C. Nasihat guru   
D. Mengikut kawan   
E. Lain-lain

(Nyatakan): \_\_\_\_\_

12. Bilangan tahun anda berada di Madrasah/Institut ini:

\_\_\_\_\_ tahun.

13. Pernahkah anda menghafaz al-Quran sebelum ini:

- A. Pernah   
B. Tidak

Jika pernah, nyatakan berapa juzuk: \_\_\_\_\_

14. Bilangan juzuk yang telah anda hafaz setakat ini: \_\_\_\_\_juzuk.

15. Dalam sehari, berapa banyak ayat-ayat al-Quran yang berjaya anda hafaz:

- A. Beberapa ayat
- B. Setengah muka surat
- C. Satu muka surat
- D. Satu rubu' (satu maqra')
- E. Dua rubu' (dua maqra')
- F. Tiga rubu' (tiga maqra')
- G. Satu hizb (10 m.s ke atas)
- H. Lebih dari satu hizb

(Nyatakan): \_\_\_\_\_

16. Berapa lamakah masa yang anda peruntukkan untuk menghafaz al-Quran dalam sehari:

- A. Satu jam
- B. Dua jam
- C. Tiga jam
- D. Empat jam
- E. Lima jam
- F. Enam jam
- G. Lain-lain

(Nyatakan): \_\_\_\_\_

## Bahagian II

ARAHAN : Berikut disenaraikan beberapa pernyataan tentang sistem pembelajaran dan kaedah-kaedah hafazan yang efektif. Sila nyatakan **darjah persetujuan** anda mengikut skala lima mata yang diubahsuai daripada skala Likert yang disediakan dengan **membulatkan satu angka** paling sesuai di hujung setiap pernyataan.

Skala: 1	-	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	-	Tidak Setuju (TS)
3	-	Kurang Setuju (KS)
4	-	Setuju (S)
5	-	Sangat Setuju (SS)

### Contoh:

Bulatkan angka 5 kalau anda setuju sepenuhnya dengan pernyataan berikut:

	1	2	3	4	5
	STS	TS	KS	S	SS
1. Sistem pembelajaran dua aliran (tahfiz dan akademik) adalah lebih sesuai berbanding satu aliran (tahfiz sahaja).	1	2	3	4	5
2. Peraturan di Madrasah/Institut membantu saya mendisiplinkan diri untuk memperolehi hafazan yang baik.	1	2	3	4	5
3. Jadual pembelajaran di Madrasah/ Institut adalah sesuai untuk menghafaz.	1	2	3	4	5
4. Kaedah hafazan yang digunakan amat berkesan dan sistematik.	1	2	3	4	5

5.	Hubungan tenaga pengajar dengan pelajar adalah baik.	1	2	3	4	5
6.	Tenaga pengajar terdiri daripada mereka yang benar-benar berkelayakan.	1	2	3	4	5
7.	Aktiviti sukan adalah perlu di Madrasah/ Institut tahfiz.	1	2	3	4	5
8.	Suasana pembelajaran yang dikelilingi penghafaz al-Qur'an membantu saya untuk menghafaz dengan baik.	1	2	3	4	5
9.	Aktiviti-aktiviti menghafaz yang dijalankan dapat meningkatkan daya ingatan.	1	2	3	4	5
10.	Saya yakin dapat menghafaz dengan baik walaupun kelengkapan sekolah tidak mencukupi.	1	2	3	4	5
11.	Tenaga pengajar mengambil berat masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menghafaz.	1	2	3	4	5
12.	Peraturan yang ditetapkan memberatkan para pelajar.	1	2	3	4	5
13.	Maahad/ Institut tahfiz yang mempunyai dua aliran membebankan pelajar.	1	2	3	4	5
14.	Mata pelajaran akademik di Madrasah/ Institut menjejaskan pencapaian hafazan saya.	1	2	3	4	5

15.	Jika terdapat Madrasah/Institut yang menggunakan sistem pembelajaran dan kaedah hafazan yang lebih baik saya akan cuba untuk berpindah.	1	2	3	4	5
16.	Tenaga pengajar sentiasa memberikan semangat untuk menghabiskan hafazan dan dapat memeliharanya dengan baik.	1	2	3	4	5
17.	Kegiatan kerohanian di Madrasah/ Institut membantu pelajar menguatkan hafazan mereka.	1	2	3	4	5
18.	Tenaga pengajar yang tegas menjadikan saya lemah semangat untuk menghafaz.	1	2	3	4	5
19.	Sistem <i>tasmi'</i> yang dijalankan Membantu saya untuk mengukuhkan bacaan dan hafazan saya.	1	2	3	4	5
20.	Saya tidak yakin dapat mengekalkan hafazan saya setelah keluar dari Madrasah/Institut ini.	1	2	3	4	5
21.	Penjagaan pemakanan adalah penting dalam menguatkan daya ingatan saya.	1	2	3	4	5
22.	Saya merasakan program Khidmat Masyarakat perlu diadakan di setiap Madrasah/ Institut tahfiz untuk merapatkan hubungan <i>huffaz</i> dengan masyarakat.	1	2	3	4	5
23.	Saya berpendapat Program Kecemerlangan Pelajar juga perlu sentiasa diadakan di Madrasah/ Institut tahfiz untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam bidang akademik.	1	2	3	4	5

24.	Sistem pentadbiran atau pengurusan di Madrasah/ Institut ini berfungsi dengan baik.	1	2	3	4	5
25.	Tidak wujud masalah birokrasi di Madrasah/ Institut ini.	1	2	3	4	5
26.	Kemudahan seperti perpustakaan, makmal bahasa, studio rakaman, dewan seminar dan asrama cukup lengkap dan selesa digunakan.	1	2	3	4	5
27.	Pengurusan setiap kemudahan yang ada oleh pihak pentadbiran adalah efisien dan sistematik.	1	2	3	4	5
28.	Pihak Madrasah/ Institut mempunyai pegawai yang mencukupi untuk menguruskan setiap kemudahan yang ada.	1	2	3	4	5
29.	Pihak pentadbiran memberikan kebebasan sepenuhnya kepada pelajar untuk menggunakan kemudahan yang ada.	1	2	3	4	5
30.	Tempoh pengajian yang diperuntukkan mencukupi untuk saya menghafaz keseluruhan al-Qur'an.	1	2	3	4	5
31.	Sistem peperiksaan yang dilaksanakan adalah selaras dengan sistem peperiksaan yang digunakan oleh Ma'ahad-Ma'ahad Tahfiz Negeri di seluruh negara.	1	2	3	4	5
32.	Penilaian ke atas sahsiah dan akhlak para <i>huffaz</i> dilakukan dari semasa ke semasa.	1	2	3	4	5



33.	Laporan prestasi pelajar dihantar kepada ibu bapa mengikut keperluan dan permintaan.	1	2	3	4	5
34.	Pihak pentadbiran ada memperuntukkan suatu sistem hukuman khusus bagi kesalahan yang dilakukan.	1	2	3	4	5
35.	Guru merupakan orang yang sangat penting dalam membimbing hafazan para <i>huffaz</i> .	1	2	3	4	5
36.	Kadar hafazan sehari adalah ditentukan oleh pelajar sendiri bukan pihak Madrasah/ Institut.	1	2	3	4	5
37	Pelajar diwajibkan mencapai target hafazan yang telah ditetapkan oleh pihak Madrasah/ Institut dalam tempoh masa yang tertentu.	1	2	3	4	5
38.	Pihak Madrasah/ Institut ini menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi untuk membimbing para pelajar.	1	2	3	4	5
39.	Sistem pembelajaran akademik yang digunakan adalah selaras dengan sukatan Kementerian Pendidikan Malaysia.	1	2	3	4	5
40.	Selain akademik dan hafazan al-Qur'an sistem pembelajaran di Madrasah/ Institut ini juga merangkumi pengajian kitab-kitab lama.	1	2	3	4	5
41.	Sistem pembelajaran di Madrasah/ Institut Tahfiz ini pada masa sekarang amat baik dan perlu dikekalkan.	1	2	3	4	5

- |     |  |   |   |   |   |   |
|-----|--|---|---|---|---|---|
| 42. | Saya merasakan perlu bagi Madrasah/ Institut Tahfiz diperbanyak dan dikembangkan lagi ke seluruh negara.                       | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 43. | Peraturan dan sistem yang digunakan oleh pihak Madrasah/ Institut Tahfiz dapat membantu saya mengingat dan menguatkan hafazan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 44. | Sistem pentadbiran asrama dikawal dengan baik oleh warden asrama.  | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 45. | Pihak Madrasah/ Institut ada memperuntukkan sejumlah elaun untuk saya.   | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

### Bahagian III

ARAHAN : Berikut disenaraikan beberapa pernyataan tentang **kaedah hafazan, masalah dan cara penyelesaiannya** sama ada ia membantu atau tidak pencapaian hafazan anda. Sila nyatakan **darjah persetujuan** anda mengikut skala yang diberikan dengan **membulatkan satu angka** paling sesuai di hujung setiap pernyataan.

Skala: 1	-	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	-	Tidak Setuju (TS)
3	-	Kurang Setuju (KS)
4	-	Setuju (S)
5	-	Sangat Setuju (SS)

#### a. Kaedah Menghafaz

	STS	TS	KS	S	SS
1. Mengkhususkan satu Mashaf al-Qur'an sahaja.	1	2	3	4	5
2. Kaedah membahagi-bahagikan ayat (Chunking).	1	2	3	4	5
3. Bahagikan ayat atau juzuk yang hendak dihafaz.	1	2	3	4	5
4. Kaedah memahami ayat-ayat yang akan dihafaz.	1	2	3	4	5
5. Kaedah Minda Fotografi (tumpu dan ingat).	1	2	3	4	5
6. Kaedah mengulang bacaan (Taktir).	1	2	3	4	5
7. Kaedah mendengar kaset dan CD.	1	2	3	4	5

8.	Kaedah merakam suara.	1	2	3	4	5
9.	Kaedah menulis sebelum dan selepas menghafaz.	1	2	3	4	5
10.	Kaedah menghafaz sebelum dan selepas bangun tidur.	1	2	3	4	5
11.	Kaedah gundalan.	1	2	3	4	5
12.	Tasmi'.	1	2	3	4	5
13.	Bergaul dengan mereka yang telah menjadi hafiz.	1	2	3	4	5
14.	Mendengar bacaan hafiz al-Qur'an.	1	2	3	4	5
15.	Mengulang hafazan bersama orang lain.	1	2	3	4	5
16.	Selalu membaca ayat yang dihafaz di dalam solat.	1	2	3	4	5
17.	Menyertai Musabaqah <i>hifz al-Qur'an</i> .	1	2	3	4	5
18.	Guru memperdengarkan kepada saya bacaan ayat-ayat yang hendak dihafaz terlebih dahulu.	1	2	3	4	5
19.	Saya akan memastikan terlebih dahulu baris, sifat huruf dan hukum tajwid setiap ayat yang hendak dihafaz.	1	2	3	4	5
20.	Saya akan memahami maksud ayat terlebih dahulu sebelum menghafaznya.	1	2	3	4	5

21.	Memahami maksud ayat yang hendak dihafaz membantu saya menghafaz dengan baik dan lancar.	1	2	3	4	5
22.	Saya menetapkan kadar hafazan ayat yang ingin dihafaz seperti satu maqra' satu hari.	1	2	3	4	5
23.	Saya tidak akan berpindah ke <i>muqarrar</i> lain selagi ayat yang hendak saya hafaz belum betul-betul lancar.	1	2	3	4	5
24.	Melihat tafsir sebelum dan selepas menghafaz.	1	2	3	4	5
25.	Saya akan melancarkan ayat yang hendak dihafaz beberapa kali terlebih dahulu sebelum mula menghafaz.	1	2	3	4	5
26.	Apabila mendengar bacaan sesuatu ayat berulang kali saya akan lebih mudah untuk menghafaz ayat tersebut.	1	2	3	4	5
27.	Saya mempraktikkan kaedah menghafaz secara mengulang-ulang dalam bacaan-bacaan ketika solat.	1	2	3	4	5
28.	Menggambarkan ayat yang hendak dihafaz dalam ingatan.	1	2	3	4	5
29.	Memahami dahulu isi kandungan ayat yang hendak dihafaz sebelum menghafaznya.	1	2	3	4	5
30.	Saya akan menulis ayat yang hendak dihafaz berulang kali sebelum dan selepas menghafaznya.	1	2	3	4	5

31.	Dengan menulis berulang kali sesuatu ayat saya akan lebih mudah untuk mengingatnya.	1	2	3	4	5
32.	Keistimewaan dan kelebihan al-Qur'an mendorong saya menghafaznya.	1	2	3	4	5
33.	Saya sering menghafaz dan mengulang-ulang hafazan saya setiap kali selepas solat fardhu sekurang-kurangnya satu perempat juzuk al-Qur'an.	1	2	3	4	5
34.	Saya menghafaz dan mengulang bacaan saya mengikut jadual yang saya susun sendiri.	1	2	3	4	5
35.	Saya sentiasa beristiqamah dan berdisiplin dalam menghafaz dan mengulang hafazan saya.	1	2	3	4	5
36.	Saya melakukan solat sunat <i>hifzi</i> empat rakaat pada malam jumaat untuk menjaga hafazan saya.	1	2	3	4	5
37.	Saya sering bersolat sunat <i>tahajjud</i> dan solat sunat hajat pada malam hari dan juga turut berpuasa sunat.	1	2	3	4	5

**b. Masalah-masalah menghafaz**

	STS	TS	KS	S	SS
1. Niat yang tidak ikhlas untuk menghafaz.	1	2	3	4	5
2. Cintakan dunia dan terlalu sibuk dengan hal-hal keduniaan.	1	2	3	4	5
3. Tidak merasai kenikmatan membaca dan menghafaz al-Qur'an.	1	2	3	4	5
4. Lupa.	1	2	3	4	5
5. Tidak mampu membaca al-Qur'an dengan baik.	1	2	3	4	5
6. Tidak mampu mengurus masa dengan baik.	1	2	3	4	5
7. Sukar membezakan ayat-ayat Mutasyabih.	1	2	3	4	5
8. Gangguan dari keadaan sekeliling.	1	2	3	4	5
9. Masalah keluarga mengganggu fokus hafazan saya.	1	2	3	4	5
10. Masalah kewangan mengganggu tumpuan hafazan saya.	1	2	3	4	5
11. Pergaulan sosial mempengaruhi daya ingatan seseorang untuk menghafaz.	1	2	3	4	5
12. Saya menjaga pancaindera daripada melakukan perkara-perkara maksiat.	1	2	3	4	5

- |     |  |   |   |   |   |   |
|-----|--|---|---|---|---|---|
| 13. | Banyak hiburan seperti mendengar lagu, menonton tv dan membaca majalah memberi kesan kepada tumpuan dan daya ingatan seseorang.                            | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 14. | Saya amat menitikberatkan adab-adab sebelum dan selepas menghafaz al-Qur'an seperti amalan-amalan doa yang diberikan oleh guru saya.                       | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 15. | Saya juga amat menitikberatkan soal pemakanan seperti mengelakkan memakan hati, kepala ikan dan benda-benda masam yang boleh melemahkan daya ingatan saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 16. | Pengaruh rakan bermasalah mempengaruhi tahap hafazan seseorang.  | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 17. | Saya suka bergaul dengan pelajar-pelajar lama dan guru-guru yang telah menjadi hafiz al-Qur'an.  | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 18. | Saya selalu meminta nasihat dan pandangan daripada mereka tentang cara-cara untuk menjaga hafazan di samping meminta mereka menyemak bacaan hafazan saya   | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 19. | Saya berpendapat penghafazan al-Qur'an dapat memperbaiki akhlak seseorang.   | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 20. | Saya merasakan ada perubahan pada diri saya setelah menghafaz al-Qur'an.   | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 21. | Saya berkebolehan membaca dan menulis semula ayat-ayat al-Qur'an yang telah dihafaz dengan baik.   | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |



22.	Saya sentiasa mencapai target hafazan pada setiap waktu yang ditetapkan.	1	2	3	4	5
23.	Sikap bergantung kepada 'mood' membantutkan usaha saya meningkatkan bilangan ayat hafazan.	1	2	3	4	5
24.	Kurang mahir dalam bahasa Arab seperti dalam aspek nahu dan soraf menjadi faktor saya sukar menghafaz.	1	2	3	4	5
25.	Masalah 'ragging' atau buli tidak wujud di Madrasah/Institut ini.	1	2	3	4	5
26.	Saya selalu <i>mentasmi</i> ' bacaan saya bersama-sama guru, kawan-kawan mahupun pelajar-pelajar lama.	1	2	3	4	5
27.	Saya sering mengulang dan menyemak hafazan saya bersama kawan-kawan sekurang-kurangnya dua kali seminggu.	1	2	3	4	5
28.	Saya selalu membaca setiap surah atau ayat tertentu yang dihafaz dalam solat fardhu mahupun solat sunat.	1	2	3	4	5
29.	Membaca ayat-ayat hafazan dalam solat dapat mengukuhkan dan memelihara hafazan saya.	1	2	3	4	5
30.	Mengejar untuk menghabiskan sukatan hafazan yang ditetapkan memberi tekanan dan membebaskan saya.	1	2	3	4	5
31.	Sukatan pelajaran yang menggabungkan akademik, diniah dan hafazan al-Qur'an tidak memberi tekanan kepada saya.	1	2	3	4	5

32. Saya dapat menghafaz mengikut sukatan hafazan yang telah ditetapkan meskipun dibebani dengan kerja-kerja akademik. 1 2 3 4 5
33. Saya pernah mewakili sekolah untuk menjadi peserta musabaqah *hifzul Qur'an*. 1 2 3 4 5
34. Kejayaan cemerlang para peserta *Musabaqah Hifzul Qur'an* membangkitkan semangat saya untuk menghafaz dan memelihara hafazan saya dengan bersungguh-sungguh. 1 2 3 4 5
35. Saya faham dengan apa yang Dimaksudkan dengan ayat mutasyabih (serupa), apa yang dimaksudkan dengan ayat al-wahm (sukar difahami) dan apa yang dimaksudkan dengan ayat tkrar lafzi (pengulangan kalimah). 1 2 3 4 5
36. Saya dapat membezakan di antara ayat-ayat mutasyabih dengan ayat-ayat al-wahm dan ayat-ayat tkrar lafzi. 1 2 3 4 5
- صُمِّمٌ بِكُمْ عُمِّي فَهُمْ لَا يَرِجِعُونَ ﴿١٨﴾ أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ
- Al-Baqarah: 18
- صُمِّمٌ بِكُمْ عُمِّي فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٧١﴾ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ آمَنُوا
- Al-Baqarah: 171
37. Di dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat-ayat mutasyabih atau serupa tetapi tidak sama seperti potongan ayat di atas dan juga dalam surah-surah lain seperti al-Waqi'ah, Yaasin dan sebagainya. Keadaan ini menjadi masalah dan mengelirukan saya. 1 2 3 4 5

38.	Wajib bagi setiap penghafaz memberi perhatian pada tempat-tempat yang terdapat ayat-ayat mutasyabih supaya tidak berlaku kekeliruan.	1	2	3	4	5
39.	Mengetahui ayat-ayat mutasyabih dan dapat membezakannya dengan baik akan memudahkan hafazan dan mengukuhkan ingatan pada ayat tersebut.	1	2	3	4	5
40.	Memastikan surah, juzuk dan bilangan ayat yang mutasyabih membantu pelajar mengesan tempat-tempat yang terdapat ayat-ayat mutasyabih.	1	2	3	4	5
41.	Pihak Madrasah/ Institut ada memberi petua dan teknik-teknik tertentu untuk menghafaz ayat-ayat mutasyabih.	1	2	3	4	5
42.	Dalam menghafaz ayat-ayat mutasyabih, saya mempunyai dan menggunakan kaedah saya sendiri dan tidak terikat dengan kaedah yang disarankan oleh pihak Madrasah/ Institut.	1	2	3	4	5
43.	Saya mengumpulkan semua ayat-ayat mutasyabih dalam sebuah buku log dan membandingkannya di antara satu sama lain supaya dapat membezakannya dan memudahkan hafazan.	1	2	3	4	5
44.	Saya memberi penekanan kepada ayat-ayat mutasyabih dengan mengulanginya berkali-kali sebanyak yang mungkin.	1	2	3	4	5
45.	Untuk menghafaz ayat-ayat mutasyabih, saya memperhatikan terlebih dahulu terjemahan ayat sebelum dan selepasnya untuk mengetahui jalan cerita ayat-ayat tersebut.	1	2	3	4	5

46. Saya akan memperhatikan *asbab an-nuzul* jika terdapat *asbab an-nuzul* di antara ayat-ayat mutasyabihat. Ini memudahkan hafazan saya dengan mengingat *asbab an-nuzulnya*. 1 2 3 4 5
47. Saya mengatasi kekeliruan dalam ayat-ayat mutasyabih dengan cara membuat peta minda dan menggunakan kaedah pecahan ayat. 1 2 3 4 5
48. Saya membuat tanda tempat yang menjadi perbezaan di antara ayat-ayat mutasyabih dan menghafaz serta mengingat betul-betul tempat yang menjadi perbezaannya. 1 2 3 4 5

Terima Kasih.